

Bil. 27

**Khamis
16 Mei 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000	[Ruangan 1]
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 46]
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 78]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, S.M.J., D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, S.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 16 Mei, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
(Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat)

USUL

**Rancangan Malaysia Ketujuh
1996 - 2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan

strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. (15hb Mei 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Selangau diminta sambung. Yang Berhormat ada 10 minit lagi.

2.33 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun sekali lagi untuk menyambung ucapan saya semalam mengenai beberapa masalah yang dihadapi oleh para petani, pekebun kecil dan nelayan kita terutamanya di Sarawak. Saya bercadang bahawa peruntukan sektor ini akan ditambahkan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Dasar Pertanian Negara patutlah dikaji semula bagi meningkatkan produktiviti mereka untuk bersaing di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak ada tanah yang luas iaitu NCR, tanah pusaka bumiputera yang begitu luas lebih kurang 1.5 juta hektar. Kebanyakan tanah ini belum lagi dimajukan oleh kerajaan. Jadi, saya bercadang dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh tanah-tanah ini patutlah dimajukan. Tanah-tanah ini kepunyaan bumiputera kita. Jika tanah ini tidak dimajukan, sampai bilakah bumiputera kita dapat maju di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap dengan panjang, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan beberapa perkara sahaja bagi luar bandar di Sarawak seperti kemudahan infrastruktur, klinik desa, bekalan air, api elektrik, telefon awam, perumahan, surat beranak dan kad pengenalan dengan sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh lebih kurang RM19 bilion telah diperuntukkan untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur dan kemudahan awam dan RM9.8 bilion bagi pembangunan jalan raya dan lapangan terbang serta RM738 juta diagihkan untuk membaik pulih dan menyelenggara jalan raya yang dikenal pasti kritikal dan berisiko tinggi. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya berapakah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan diberi bagi negeri Sarawak? Adakah jalan-jalan raya di kawasan saya, Selangau, telah dan akan diperuntukkan? Saya telah meminta beberapa kali di Dewan yang mulia ini supaya beberapa batang jalan di kawasan saya, Selangau, perlu dibina seperti jalan raya ke Hulu Mukah, jalan raya Hulu Arip, jalan raya Anap-Kakus, jalan raya Oya-Paku dan jalan raya Jijih-Sebakong-Hulu Telian serta juga menurap jalan raya LKTS Mukah-Balingian yang kini dalam keadaan yang amat menyedihkan sekali.

Berhubung dengan ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Highway Pan-Borneo yang menghubungkan bandar-bandar besar di Sarawak, dari Kuching,

Sri Aman, Sarikei, Sibul, Bintulu, Miri, Limbang sampai ke Lawas. Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya bagi mengubah suai jalan Highway Pan-Borneo ini kerana tidak standard lagi. Kebanyakan jalan-jalan highway ini bengkok dan sempit. Saya bercadang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh patutlah diagihkan bagi membaiki jalan itu, seperti jalan highway di Semenanjung Malaysia. Berhubung dengan ini juga saya ingin bertanya, bilakah jambatan Durin-Sungai Rajang dan lapangan terbang baru Bintulu akan dilaksanakan? Rakyat Malaysia yang tinggal di Sarawak sudah lama menunggununggu seperti menanti buah durian akan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat untuk menswastakan kebanyakan kemudahan kesihatan termasuk hospital dan unit-unit rawatan khas, tetapi saya harap kerajaan merangka satu bentuk subsidi bagi golongan miskin di mana majikan mereka tidak mampu membayar perbelanjaan perubatan atau mereka tidak mampu mendapat perlindungan insurans kesihatan terutamanya masyarakat yang miskin di luar bandar. Jika tidak, saya belum bersetuju kemudahan kesihatan ini diswastakan pada masa ini kerana ia akan menyusahkan rakyat yang miskin di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan terus mengembangkan program perkhidmatan kesihatan supaya rakyat boleh menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya banyak lagi hospital dan klinik desa di luar bandar di Sarawak akan dibina, termasuk klinik desa di kawasan saya, Selangau, seperti klinik desa Nanga Penyareh Kakus, klinik desa Sungai Kakus-Balingian, klinik desa Nanga Arau-Hulu Mukah, klinik desa Nanga Paku-Oya serta hospital di Selangau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah 800,000 unit rumah akan diperlukan oleh rakyat kita di seluruh negara, 350,000 rumah kos rendah, 180,000 rumah kos sederhana. Oleh yang demikian, saya bercadang pembinaan rumah kos rendah ini banyak lagi dilaksanakan di Sarawak, di daerah-daerah kecil atau di pekan-pekan yang berdekatan dengan kampung-kampung dan rumah-rumah panjang supaya mereka dapat peluang untuk membelinya.

Saya telah berulang kali menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa negeri Sarawak adalah negeri Bumi Kenyalang, negeri yang terbesar di Malaysia. Lebih 5,000 buah kampung dan rumah panjang di Sarawak yang bertaburan di merata-rata tempat di mana kebanyakan tempat-tempat ini amatlah masih kekurangan kemudahan asas, seperti tidak ada jalan raya, tidak ada bekalan elektrik, tidak ada air bersih, tidak ada telefon awam dan sedihnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, masih ramai penduduk bumiputera di Sarawak belum mempunyai surat beranak dan kad pengenalan, stateless citizen, dengan izin.

Saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita akan dapat mengatasi segala masalah ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan membekalkan peruntukan yang lebih banyak kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sanggup melihat rakyat kita tidak ada kad pengenalan. Mereka dapat dikatakan sebagai orang asing di negerinya sendiri. Bagi mengatasi masalah ini yang tidak ada surat beranak dan kad pengenalan, saya harap Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak (JPN) dan dibantu oleh Kerajaan Pusat akan dapat mengadakan team mobile, atau team bergerak pergi ke semua kawasan Parlimen di Sarawak untuk

mendaftar mereka yang belum ada surat beranak dan kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas, tahun 1995 JPN Negeri Sarawak telah bergerak ke empat kawasan Parlimen di Sarawak iaitu kawasan Parlimen Julau, Lubok Antu, Kanowit dan Kapit dan mendaftar lebih kurang 17,500 penduduk yang belum ada surat beranak dan kad pengenalan. Saya harap usaha JPN yang murni ini akan diteruskan pada tahun 1996 ini ke tahun 2000. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan supaya memberi peruntukan bagi staf JPN dapat bergerak ke semua kawasan luar bandar bagi mengatasi masalah ketiadaan surat beranak dan kad pengenalan ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kerajaan Barisan Nasional kita akan mampu membentuk sebuah negara Malaysia yang progresif dan makmur menjelang ke abad 21 dan Insya-Allah harapan negeri Sarawak, negeri yang terbesar di Malaysia juga tidak ketinggalan bersama-sama maju dalam arus pembangunan negara.

Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Buntar

2.41 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman (Parit Buntar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Seperti juga rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah berucap sebelum saya, saya turut merakamkan rasa gembira dan kagum atas kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara dalam rancangan-rancangan pembangunan sebelum ini khususnya Rancangan Malaysia Keenam.

Seperti juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya juga turut optimis tentang masa depan negara yang menjanjikan seribu harapan. Sepatah kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh yang kita bincangkan sekarang di Dewan yang mulia ini pada 6hb Mei lalu, quote:

“Sesungguhnya kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini, pendapatan penduduk termasuk kakitangan kerajaan yang kian meningkat adalah hasil daripada pelaksanaan rancangan-rancangan ini iaitu rancangan-rancangan pembangunan lima tahun kerajaan yang telah dilaksanakan setakat ini”

Kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lagi:

“Banyak negara termasuk negara-negara komunis dan sosialis merancang ekonomi mereka mengikut perancangan pembangunan lima tahun, tetapi sepertimana kita semua ketahui, banyak negara yang tidak dapat menghasilkan pencapaian seperti yang diharapkan, kebanyakan mereka gagal, sebahagiannya tidak benar-benar dilaksanakan dan tinggal sebagai dokumen hiasan sahaja”

Kenyataan ini bukanlah merupakan satu rethoric atau satu percubaan untuk mengangkat diri sendiri seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita sendiri pernah menyaksikan pengalaman beberapa buah negara jiran kita tidak beberapa lama dahulu. Kerajaan semasa cuma boleh merancang tetapi tidak dapat melaksanakan rancangan tersebut kerana sebelum ia sempat berbuat demikian, kerajaan berkenaan digulingkan oleh

kumpulan-kumpulan penentang. Keadaan ini berulang-ulang menyebabkan kerajaan yang pada zahirnya berkuasa tidak dapat berfungsi.

Tetapi di Malaysia, kita sungguh-sungguh bertuah kerana kita bukan sahaja mampu merancang tetapi juga mempunyai kapasiti dan kemampuan untuk melaksanakan rancangan-rancangan itu dengan jayanya. Sesungguhnya bagi saya kejayaan ini bukan sahaja disebabkan unjuran-unjuran perancangan yang realistik, kegigihan birokrasi yang bertindak sebagai pelaksana atau kestabilan politik yang kita alami selama ini tetapi yang lebih penting ialah ‘barakah’ yang dilimpahi oleh Allah Subhanahu wa Taala. Kita wajib menerima hakikat bahawa bagaimana cantiknya pun rancangan, betapa gigihnya pun ia dilaksanakan, usaha tersebut tidak akan menempa kejayaan jika tidak diberkati oleh Pencipta kita.

Oleh yang demikian, saya ingin mengajak sahabat-sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat Malaysia supaya sentiasa bersyukur atas kejayaan negara selama ini yang secara langsung merupakan rahmat dan nikmat yang diturunkan berkat kejernihan niat dan keikhlasan usaha yang dijalankan oleh kerajaan selama ini. Insyallah, kalau ini dapat kita lakukan, Rancangan Malaysia Ketujuh akan menjamin kejayaan yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya kedengaran agak filosofikal sedikit tetapi sebenarnya di saat kita memperkatakan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan sejak lapan tahun ke belakang ini, inilah yang sering saya rasakan. Sebagai seorang insan kita tentu marah apabila ada orang mengatakan bahawa kita tidak bersyukur, lebih-lebih lagi apabila saban saat, saban waktu bibir kita tidak pernah lekang dengan lafaz Alhamdulillah, Alhamdulillah. Tetapi,

apakah konsep kesyukuran itu sudah lengkap dengan hanya lafaz di bibir sahaja tanpa penghayatan yang lebih mendalam di benak kita? Apakah kita benar-benar bersyukur kalau kita tidak jemu-jemu menghentam kerajaan kerana tidak puas hati dengan perkara-perkara yang kecil. Apakah kita bersyukur kalau kita sering hilang pertimbangan....

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu kagum dengan ucapan dan saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar yang menekankan konsep bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Taala. Saya ingin bertanya dan ingin mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat juga mengajak masyarakat ataupun rakan-rakan daripada parti PAS untuk turut bersyukur kerana apa yang selama ini kita lihat, baik di dalam ataupun di luar Dewan ini, mereka terus menerus menghentam kerajaan dan mengatakan bahawa kerajaan tidak adil dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat dari Jelebu. Sepertimana yang saya katakan tadi, saya minta semua kita di sini dan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira apa juga fahaman politik mereka supaya mensyukuri atas rahmat yang dilimpahkan kepada kita selama ini.

Lagi satu, apakah kita benar-benar bersyukur kalau kita tidak jemu-jemu menghentam kerajaan kerana tidak puas hati dengan perkara-perkara yang kecil. Apakah kita bersyukur kalau kita sering hilang pertimbangan dan mengutuk para pemimpin kerana projek yang kita pohon belum diluluskan sedang kemudahan dan

faedah-faedah yang kita nikmati melimpah ruah. Sama-samalah kita renung sejenak dan fikirkan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya tinggalkan soal kesyukuran itu di sini sahaja. Saya ingin beralih kepada soal pembaziran yang bukan sahaja ada hubungkait dengan konsep kesyukuran itu tadi tetapi juga mempunyai kaitan dengan soal produktiviti dan efisiensi pengeluaran. Salah satu daripada strategi yang akan ditekankan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dalam usaha mengatasi kekurangan tenaga buruh dan mengoptimumkan guna tenaga ialah peningkatan kecekapan dan produktiviti. Strategi ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan daya saing negara di pasaran antarabangsa. Kita tidak dapat nafikan bahawa pembaziran menjejaskan produktiviti dan efisiensi atau ketrampilan. Secara langsung ia membantutkan pengeluaran, meningkatkan kos serta menjejaskan daya saing. Dari segi agama pula, pembaziran merupakan satu kegiatan yang sangat-sangat dilarang.

Meskipun perkara ini sering ditekankan dalam rancangan-rancangan lima tahun sebelum ini atau dalam ucapan-ucapan Belanjawan kerajaan, ia masih berlaku walaupun mungkin tidak secara berleluasa. Tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan merupakan pembaziran, satu-satunya faktor pengeluaran terpenting. Para pegawai yang menghabiskan masa berborak-borak kosong di kantin-kantin pejabat sebenarnya membazirkan sumber pengeluaran. Begitu juga halnya dengan kegagalan memenuhi undangan ke majlis makan malam. Ia merupakan pembaziran rezeki.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan satu cerita sedih yang harus kita jadikan iktibar dan tidak patut diulang lagi. Apa yang saya maksudkan ialah Jamuan Perdana yang dianjurkan sempena Perayaan Ulang

Tahun Ke-50 UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru ini. Saya dimaklumkan sebahagian daripada tetamu yang diundang gagal menghadiri majlis tersebut. Akhirnya sebahagian dari juadah yang disediakan terpaksa dibuang begitu sahaja kerana sudah basi. Pembaziran ini dapat dielakkan kalau kita benar-benar menghayati konsep kesyukuran.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan pembaziran juga, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menghadkan atau mengawal kemasukan kereta-kereta mewah terutama kereta jenis Mercedes S series yang nampaknya kian popular sekarang terutama di kalangan Ahli-ahli Parlimen. (*Sorak*) Langkah ini sedikit sebanyak akan mengurangkan defisit dalam imbalan negara akibat pengimportan barangan modal yang tidak dapat dielakkan dalam usaha kita meningkatkan kapasiti pengeluaran. Dari segi import perkhidmatan pula, cadangan kerajaan untuk mengurangkan khidmat perunding dan pakar-pakar luar negara patut dialu-alukan. Bagaimana pun saya kurang yakin sama ada langkah ini akan diikuti sama oleh sektor swasta yang selama ini lebih mementingkan pakar-pakar luar negara daripada pakar-pakar tempatan.

Sebenarnya pakar-pakar tempatan yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tidak kurang kemahiran mereka. Malangnya mereka tidak digunakan sepenuhnya. Begitu juga halnya dengan pusat-pusat hiburan atau pemilik-pemilik hotel tempatan yang lebih gemar menggunakan khidmat artis-artis luar negara daripada artis-artis tempatan. Mereka sebenarnya bukan sahaja menyekat rezeki seniman tempatan, tetapi juga tidak menyumbang ke arah pengurangan defisit negara dari segi imbalan pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk memperhebatkan lagi program penswastan yang telah pun

dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang penting ke arah kemakmuran negara di bawah RMK-7 patut juga dialu-alukan. Bagaimanapun, satu formula harus diperkenalkan untuk memastikan agar usahawan-usahawan bumiputera yang mendapat faedah daripada rancangan ini tidak mengabaikan tanggungjawab sosial mereka setelah berjaya. Walaupun ada di antara mereka yang tidak melupakan perkara ini dan menyumbang secara aktif ke arah mewujudkan lebih ramai usahawan berjaya melalui pelbagai program seperti vendor atau konsep payung, saya difahamkan masih ramai yang gagal berbuat demikian dengan alasan mereka perlu melangsaikan hutang yang banyak. Usahawan-usahawan berkenaan harus bertanya kepada diri masing-masing apakah mereka akan berjaya seperti sekarang tanpa pertolongan kerajaan.

Satu lagi langkah tepat dan kena pada masanya yang diberi tumpuan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah penggalakan penggunaan teknologi canggih dan robot dalam sektor pengeluaran. Langkah ini bukan sahaja selaras dengan perkembangan zaman dalam persediaan kita menghadapi abad ke-21, tetapi juga sedikit-sebanyak menyumbang ke arah mengatasi masalah kekurangan sumber manusia yang dihadapi sekarang. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan Perak dan Selangor yang masing-masing telah pun mengambil langkah proaktif untuk menyediakan prasarana untuk menggalakkan perkembangan teknologi robotic dan teknologi maklumat di negeri masing-masing. Kerajaan Perak telah pun menubuhkan sebuah pusat robotic di Ipoh, sementara Kerajaan Selangor telah mengenal pasti satu kawasan untuk dimajukan sebagai bandar IT. Syabas kita ucapkan kepada Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Tan Sri Mohamed Taib. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pengkajian semula Dasar Pertanian Negara

yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan penggunaan sumber-sumber pertanian dan laut juga merupakan satu langkah yang sangat tepat. Dalam keadaan sekarang sektor ini cukup tidak produktif dan berketrampilan. Malah jika diambil kira pelbagai unsur subsidi yang disediakan, kegiatan pertanian, terutama pertanian sawah adalah satu-satunya kegiatan yang paling tidak menguntungkan. Mungkin salah satu pendekatan yang boleh kerajaan fikirkan dalam usaha pengkajian semula Dasar Pertanian Negara ini ialah mengkaji semula penggunaan tanah-tanah pertanian itu sendiri.

Tanah-tanah pertanian atau sawah yang tidak produktif dan ekonomik misalnya, mungkin boleh ditukar syarat untuk tanaman lain atau dijadikan kawasan-kawasan perindustrian atau perumahan yang menjamin pulangan yang lebih baik bagi para pemilik tanah berkenaan. Dalam hubungan ini, dasar pengeluaran beras negara perlu juga dilihat semula untuk tidak terus membeban kerajaan dari segi subsidi dan merugikan para petani dari segi kekesanan kos penggunaan tanah mereka. Walau apa pun langkah yang diambil, sama ada penarikan balik subsidi secara beransur seperti yang dicadangkan, ia tidak harus membebaskan para petani atau mengurangkan pendapatan mereka. Tumpuan terhadap kegiatan akuakultur seperti yang dicadangkan di bawah rancangan ini hendaklah dilaksanakan secara hati-hati dan selektif. Seperti yang kita maklumi, akuakultur menjejaskan alam sekitar. Perusahaan ternakan udang harimau yang lazimnya ditempatkan di kawasan air payau dan hutan-hutan bakau, misalnya, meninggalkan kesan-kesan negatif terhadap ekosistem.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh sektor luar bandar yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Memang peruntukan sebanyak RM1,236 juta bagi pembangunan kampung dan masyarakat di bawah rancangan ini amat

kecil jika dibandingkan dengan keperluan sekarang. Jumlah ini jika dibahagikan kepada lima berdasarkan kepada tempoh rancangan tersebut akan hanya menjadi sebanyak RM247.2 juta setahun. Kerajaan sepatutnya menyediakan peruntukan yang lebih besar kepada sektor ini walaupun ia tidak menjamin pulangan yang sepatutnya atau menyumbang secara lumayan ke arah peningkatan kapasiti pengeluaran desa. Masalah-masalah yang selalu dibangkitkan seperti jalan-jalan kampung yang berlopak dan tidak bertar harus diselesaikan segera demi untuk menjamin keadilan sosial.

Kerajaan tidak harus lupa bahawa kawasan luar bandar merupakan sumber kuasa yang dinikmati sekarang. Untuk mengurangkan beban kerajaan yang pastinya mempunyai sumber terhad bagi melaksanakan tanggungjawab sosial ini, saya ingin mencadangkan agar sektor swasta turut memberi sumbangan. Sebuah tabung khas luar bandar khusus untuk membiayai kos penyediaan infrastruktur luar bandar terutama jalan-jalan kampung mungkin boleh diwujudkan. Saya cadangkan tabung ini diletakkan pentadbirannya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau oleh apa-apa jua badan yang ditubuhkan. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bagan.

2.55 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa negara-negara Asia termasuk Malaysia telah mencapai kemakmuran dan kemajuan di bidang

politik, ekonomi dan sosial, dan trend ini akan berterusan. Dengan kemajuan yang pantas timbul juga berbagai-bagai masalah yang rakyat berasa tidak senang hati. Penduduk-penduduk di bandar secara amnya mendapat lebih tinggi pendapatan dan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar pendapatannya lebih rendah. Jurang pendapatan ini tidak dapat diperbaiki dalam masa yang singkat. Tetapi harga barangan keperluan harian dan lain-lain harganya tinggi belaka, baik di bandar atau di luar bandar. Ini telah mengakibatkan orang-orang di luar bandar merasa begitu tertekan.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan juga membawa kemusnahan kepada alam sekitar. Pengeluaran sisa-sisa industri cecair disalur ke sungai dan seterusnya memasuki ke laut. Sisa-sisa pepejal pula dibuang di tempat-tempat yang bukan dikhususkan untuk tujuan tapak sampah. Kadang-kadang sisa-sisa ini adalah beracun.

Tuan Yang di-Pertua, hutan belukar, bakau di tepi-tepi sungai dan laut dibersihkan untuk menternak udang dan ikan. Ini menjejaskan kehidupan laut, burung-burung dan juga menghakis tebing sungai dan laut. Bukit-bukit dibuka untuk tujuan pembinaan bangunan dan infrastruktur. Beberapa kejadian tanah runtuh yang serius telah berlaku, dan ini tidak dapat diperbaiki kepada muka yang asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan bidang pertanian, kerajaan telah gagal dalam mengawal wabak serangga dan juga harga-harga hasil petani. Saya ambil contoh, kerajaan menggalakkan rakyat menanam buah-buahan seperti durian, mangga, jambu dan lain-lain. Dalam musim buah-buahan kebanyakan buah-buahan ini diserang oleh serangga-serangga. Saya pernah menanya kepada pegawai Pejabat Pertanian dan mereka tidak dapat mengenalkan satu

cara untuk melawannya. Akibatnya buah-buahan ini dihapus begitu sahaja.

Baru-baru ini, buah-buahan dari Auckland didapati diserang oleh sejenis serangga, iaitu 'fruitfly' dengan izin. Beberapa negara asing terus melarang pengimportan buah-buahan dari Auckland ini. Adakah kerajaan Malaysia bertindak terhadap fruitfly dan borers, dengan izin, yang berleluasa di negara kita ini? Tidak. Mereka membiarkan wabak serangga ini berterusan membiak tanpa boleh kawal atau buat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membangkitkan satu soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen sama ada bahaya kepada kesihatan manusia jikalau memakai ubat carbide untuk mempercepat kematangan buah-buahan seperti mangga, pisang, nenas dan lain-lain. Beliau juga tidak dapat pasti sama ada bahaya atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga harga-harga sayur-sayuran di Cameron Highlands, dan juga harga bunga-bunga di Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, harga ayam. Apabila harga ayam naik, penternak dapat keuntungan. Kerajaan membenarkan pengimportan daging ayam. Apabila harga ayam jatuh, kerajaan simpan tangan. Sekarang harga makanan ayam melambung tinggi. Kerajaan diam sahaja. Bagaimana penternak-penternak ayam ini boleh hidup. Pada suatu hari apabila ladang ternakan ayam tutup, dan harga ayam naik melambung, semua orang tidak mampu makan ayam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan negara juga telah membawa berbagai-bagai masalah sosial. Antaranya adalah masalah pendatang asing. Pendatang asing lelaki melibatkan diri dalam kelakuan-kelakuan jenayah seperti merogol, membunuh,

merompak, mencuri dan sebagainya. Pendatang asing perempuan pula melibatkan diri dalam kegiatan maksiat seperti pelacur, pelayan kelab malam, pub-bup dan bar-bar serta juga rumah urut. Siapa berani menjamin mereka ini tidak akan merebakkan penyakit-penyakit seksual atau penyakit-penyakit lain seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang lain.

Saya berasa hairan mengapa kerajaan masih begitu menyekat dalam bidang informasi. Dalam dunia yang serba canggih ini, rakyat dahaga untuk mendapat maklumat dan hiburan dari negara-negara asing. Ini hanya dapat diterima melalui parabola. Satu masa dahulu Menteri Penerangan pernah mengatakan kerajaan boleh membenarkan pemasangan parabola tidak melebihi 24 inci, tetapi nampaknya ini tidak akan terjadi. Bilakah kerajaan akan membenarkan rakyat menerima siaran luar negara?

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi kesesakan lalu-lintas, kerajaan nampaknya tidak berdaya mengatasinya. Kalau ada pun, langkah-langkahnya sangat lambat. Di bandar Bangkok, kita boleh nampak jejantas tiga tingkat. Expressway mereka pun bertingkat-tingkat. Usaha gigih masih dijalankan untuk membina lebih banyak lagi expressways di Bangkok ini.

Bagaimana pula dengan jalan-jalan di negara kita? Simpang-simpang yang boleh diganti dengan roundabout, dengan izin, atau bulatan keliling pun tidak berdaya dibuat. Pemasangan lampu isyarat pun tidak mampu dipasang. Kebanyakan bandar-bandar menghadapi masalah-masalah ini. Jikalau kerajaan lambat mengatasinya, ini bermakna kehilangan masa di atas jalan raya dan seterusnya membazirkan produktiviti rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pengangkutan umum sangat tidak memuaskan. Di Kuala Lumpur sekarang ada LRT, itu pun sudah

lambat. Di bandar-bandar dan ibu kota negeri semua nampaknya lumpuh sahaja. Kerajaan perlu mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam. Saya mengambil kesempatan ini membangkitkan feri Pulau Pinang dan Butterworth.

Penggunaan feri semakin hari semakin sibuk walaupun dengan adanya jambatan besar Pulau Pinang. Pangkalan Sultan Abdul Halim di sebelah Butterworth, platformnya telah jatuh pada Julai tahun 1988 dan telah membawa maut kepada lebih kurang 30 orang. Penggunaan pangkalan telah terhenti sejak ia jatuh dan ia ditinggalkan begitu sahaja. Ini adalah satu pembaziran wang rakyat. Saya pernah bercadang dalam Dewan ini agar ia dibaik pulih dan dipakai sebagai feri penumpang pejalan kaki dan ferinya mungkin boleh menggunakan express boat berhawa dingin seperti yang dipakai di Pulau Langkawi. Ini boleh menjimatkan masa dan lebih selesa. Feri kenderaan boleh dipakai kedua-dua tingkatnya demi memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada kenderaan-kenderaan bermotor. Bolehkah Kementerian Pengangkutan memberitahu apakah rancangan kerajaan kepada feri Pulau Pinang ini, khususnya Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi ialah mengenai simen. Dalam pengalaman yang lepas, kami telah menyaksikan kekurangan simen berlaku. Pengilang-pengilang mengambil kesempatan berpakat antara semua kilang simen untuk mewujudkan kekurangan simen demi mendesak kenaikan harga simen. Dengan kenaikan harga simen, bermakna keuntungan yang lumayan kepada pengilang-pengilang simen. Sekarang mereka beroperasi 24 jam sehari dan 365 hari setahun. Bekalan simen telah stabil. Inilah sikap kerajaan yang tunduk kepada pihak korporat. Saya merayu kepada kerajaan supaya mengkaji

semula harga simen dan juga menggalakkan pengimportan simen dari negara-negara asing demi untuk kepentingan industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membangkitkan bahawa perkhidmatan awam kita ini tidak berjalan sejajar dengan kemajuan negara. Saya pernah berkata sebagai contohnya, Jabatan Pendaftaran Negara perlu meningkatkan perkhidmatannya.

Seorang pemohon, namanya Mar Kim Fong iaitu seorang budak perempuan telah memohon kad pengenalan barunya kerana telah mencapai umur 12 tahun. Permohonan ini dibuat pada 21hb April tahun 1993. Sehingga kini, sudah 3 tahun belum dapat lagi kad pengenalannya. Setiap kali ibunya pergi bertanya di kaunter Pejabat Pendaftaran di Butterworth, beliau diminta supaya menunggu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kerajaan Tempatan. Ada orang bercadang bahawa Kerajaan Tempatan hendaklah diketuai oleh ahli politik. Kita telah menyaksikan praktis ini di negeri Pulau Pinang sejak tahun 1993. Presiden MPPP atau Majlis Perbandaran Pulau Pinang sekarang adalah diketuai oleh Dr. Teng Hock Nan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kebun Bunga. Beliau dari parti Gerakan. Di Seberang Perai, Majlis Perbandaran Seberang Perai diketuai oleh Encik Azhar, ADUN dari Penaga dan beliau adalah dari UMNO. Adakah kedua-dua Kerajaan Tempatan ini berjalan dengan baik dan perkhidmatannya memuaskan? Saya ingat ini tidak betul kerana ahli korporat dan tauke-tauke memang pandai memperalatkan ahli politik dan ahli politik tidak boleh menentang kemahuan tauke-tauke ini.

Kita nampak ada rancangan-rancangan pembinaan diluluskan dalam tempoh yang singkat dan ada pula yang memerlukan masa yang bertahun-tahun dan juga terikat

kepada pelbagai syarat perkhidmatan seperti menghapuskan nyamuk dan burung gagak pun tidak berdaya dijalankan. Apatah lagi menjaga kebersihan, mencegah banjir, memasang lampu jalan dan menyelesaikan kesesakan lalu-lintas.

Tuan Yang di-Pertua, kami berpendapat, jikalau Kerajaan Tempatan mahu betul-betul bertanggungjawab, ia perlu dipilih oleh penduduk-penduduk tempatan dan bukan dilantik dan diberi seperti sagu hati kepada parti-parti komponen Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan penswastan hospital. Dua tiga hari yang lepas, Timbalan Menteri Kesihatan ada menjawab dalam Dewan di sebelah sana bahawa kerajaan akan menswastakan pelbagai bidang tugas di hospital iaitu membersihkan bangunan, membersihkan kain-kain, penyelenggaraan mesin-mesin dan peralatan. Saya memang bersetuju bahawa kerja-kerja ini boleh diswastakan dan saya berharap kerajaan jangan menswastakan bidang perubatan dan pesakit-pesakit yang hendak duduk di wad kerana selepas penswastan hospital di bidang perubatan dan pesakit yang berada di wad, saya ingat ramai orang tidak mampu membayarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua tiga hari yang lepas, di muka hadapan *Nanyang Siang Pau* ada satu laporan mengenai Kerajaan Taiwan pada masa ini kerana sikap sombong dan angkuh kerajaan kita ini dan kononnya mereka sekarang tidak mahu menggalakkan usahawan-usahawan dari Taiwan untuk melabur di negara kita ini. Mereka kata, tiap-tiap tahun ada satu dialog atau persidangan ekonomi dan perniagaan peringkat Menteri diadakan tetapi Malaysia tidak mahu menghantar wakilnya untuk menyertai perbincangan ini dan Taiwan sekarang telah

mengesyorkan bahawa Malaysia tidak perlu lagi dapat kedudukan atau bantuan untuk melatih kemahiran di bidang perindustrian dan di lain-lain bidang. Kerajaan Taiwan sekarang lebih suka memperkenalkan usahawan-usahawan mereka melabur di negara-negara masih mundur seperti Vietnam, Kemboja, Indonesia dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, inilah akibat persaingan yang hebat dari negara-negara jiran kita. Jikalau kerajaan kita masih sombong dan angkuh, kita akan ketinggalan peluang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi mendesak kerajaan supaya apa-apa rancangan yang telah tercatat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini dapat dijalankan dengan tidak gagal untuk faedah dan kepentingan orang ramai.

Sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bendera.

3.12 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh pada 6hb Mei 1996 ini Perdana Menteri kita sering memberatkan satu aset negara yang termustahak sekali dan aset negara utama ini bukanlah petroleum, kelapa sawit, bangunan-bangunan yang mewah atau Bursa Saham Kuala Lumpur atau sebagainya. Aset negara ini Tuan Yang di-Pertua, adalah sumber manusia khasnya rakyat jelata yang merupakan sebab kita mahu negara kita mewah, stabil dan bersatupadu.

Seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, kualiti sumber manusia merupakan aset dan penyumbang terbesar kepada negara. Dalam ucapan Perdana

Menteri, isu-isu berkenaan dengan mutu dan produktiviti manusia, rakyat termiskin, etika dan moral masyarakat telah pun dibangkitkan. Perdana Menteri kita dalam ucapannya telah berkata teras Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk mempertingkatkan potensi pertumbuhan pengeluaran, mencapai transformasi struktur ekonomi serta pembangunan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, daripada analisis prestasi Rancangan Malaysia Keenam, pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam kadar 8.7% adalah berasaskan projek-projek infrastruktur, tanah dan tenaga rakyat. Kesemua faktor pengeluaran ini mempunyai hadnya. Kita tidak boleh terus membina lebuhraya dan pembangunan besar tanpa menghabiskan rizab kewangan negara. Tanah-tanah untuk pembangunan khasnya tanah di pusat bandar dan sekelilingnya pun berkurangan sehingga harga tanah telah meningkat. Tenaga manusia tempatan pun berkurangan sehingga pekerja-pekerja asing yang sah melebihi 1 juta orang. Ramai tidak berani membuat penganggaran tentang jumlah pendatang asing tanpa izin dalam negara kita. Memang faktor-faktor yang saya senaraikan ada hadnya tetapi bukan semua faktor dimaksimumkan sehingga hadnya. Ada lagi satu faktor yang belum sampai had ini dan ini adalah faktor produktiviti. Oleh sebab ini konsep total factor productivity, adalah satu konsep yang begitu komprehensif yang merangkumi peningkatan kemahiran, pendalaman modal, pembangunan teknologi dan pengukuhan organisasi.

Tuan Yang di-Pertua, jika pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah berasaskan produktiviti dan mutu tenaga manusia yang tinggi, apakah langkah-langkah atau rancangan yang konkrit untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh ini? Apakah peranan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian

Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan apakah prestasi Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) sehingga sekarang? Dengan teras yang baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, konsep produktiviti dan mutu telah membawa satu dimensi yang baru. Dengan kemahiran dan bilangan kakitangan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) yang sedia ada, bolehkah NPC membawa negara dan tenaga manusia ke satu tahap yang lebih tinggi? Daripada prestasi di dalam laporan NPC 1994 yang telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini, saya khuatir dan ragu sama ada NPC boleh memainkan peranan ini. Daripada pengetahuan saya, NPC bukan satu badan yang dihormati oleh pihak swasta. NPC belum dapat memupuk kesedaran produktiviti atau mutu pengeluaran di kalangan pekerja-pekerja dan pegawainya sama ada sektor kerajaan atau swasta. Walaupun di beberapa kilang elektronik di Malaysia khasnya dari negara Jepun, satu tahap produktiviti yang setaraf dengan Singapura pun telah dicapai. Produktiviti di banyak kilang khasnya kilang-kilang tempatan belum mencapai tahap produktiviti yang memuaskan. Tetapi saya yakin bahawa satu tahap produktiviti di kilang-kilang boleh dicapai jika latihan dan panduan dapat diberi. Jadi, saya berharap NPC dapat mempertingkatkan mutu dan prestasinya supaya ia dapat memainkan peranan yang sewajar dengan kepentingannya dibawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu GSP, dengan izin, Generalised System of Preferences di mana Amerika Syarikat akan menarik balik GSP pada awal tahun 1997, saya memang bersetuju dengan pendirian kerajaan di mana Malaysia tidak akan merayu kepada Amerika Syarikat tentang keputusan ini. Kita semua sudah bosan dengan taktik 'arm twisting' Amerika Syarikat atas isu ini. Kita perlu berdikari dalam usaha kita menjadi satu negara yang maju dan

saksama. Saya berpendapat bahawa pengambilan balik GSP ini akan memaksa pengilang-pengilang tempatan untuk mengubahsuaikan operasi mereka daripada industri yang berintensif buruh kepada industri yang berasas teknologi yang lebih tinggi dan ini adalah selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Ketujuh. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu pengilang-pengilang kita menghadapi segala masalah yang mungkin timbul daripada kehilangan GSP ini, kerajaan perlu membuat persediaan dan memberi panduan serta bantuan kepada industri-industri tempatan khasnya industri kecil dan sederhana.

Jadi, saya ingin tanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sama ada kementerian telah menjalankan satu kajian terperinci mengenai apakah kesan-kesan terhadap industri kecil dan sederhana akibat dari penarikan balik GSP ini. Di antara isu yang perlu diambil perhatian oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (a) apakah anggaran bilangan syarikat IKS yang akan menghadapi kesulitan akibat tindakan tersebut;
- (b) apakah anggaran kerugian atau kekurangan dari segi pelaburan. Apakah anggaran bilangan pekerja yang terbabit akibat tindakan penarikan balik GSP ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah yang akan timbul akibat tindakan menarik balik GSP ini.

Dengan persediaan dan pengetahuan dan dengan maklumat yang terperinci, saya yakin bahawa kementerian akan memainkan peranannya untuk mengatasi apa jua masalah yang mungkin dihadapi selepas GSP ini ditarik balik oleh Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana menggunakan konsep kelompok industri, dengan izin, industry cluster concept, sebagai strategi pembangunan industri. Berkenaan dengan perkara ini, saya ingin bertanya tentang pelan-pelan dan strategi kelompok industri untuk seluruh negara dan apakah strategi kelompok industri bagi negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri di Wilayah Utara di bawah industrial master plan yang baru ini.

Mungkin Malaysia mempunyai terlalu banyak kelompok industri sehingga kita kehilangan sasaran dan fokus. Bagaimana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat membuat rasionalisasi atas beberapa kelompok industri yang muncul? Mungkin kementerian cuma menggalakkan kelompok industri yang lebih strategik dan selaras dengan teras Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh bertujuan memperkukuhkan sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan dan juga akan mempertingkatkan maklumat teknologi. Pada dasarnya ini adalah satu strategi yang betul dan patut diterima.

Saya difahamkan bahawa peruntukan bagi R&D atau penyelidikan dan pembangunan akan dinaikkan daripada RM629 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam ke RM1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini memanglah satu peruntukan yang amat besar. Jadi, sebelum kita melaksanakan projek-projek R&D, kita perlu membuat penilaian atau evaluation atas kesan dan hasil daripada projek R&D yang telah dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Keenam di mana sebanyak RM567.1 juta telah pun dibelanjakan.

Apakah faedah atau hasil daripada R&D yang dapat dinikmati oleh rakyat dan

negara? Mungkin satu kajian R&D patut dijalankan atas semua projek R&D yang telah dijalankan khasnya projek-projek R&D yang telah dijalankan oleh universiti-universiti tempatan. Pada pendapat saya, lebih kepentingan perlu diberi kepada komponen pembangunan jika berbanding dengan komponen penyelidikan.

Kerajaan perlu memberatkan komponen pembangunan untuk semua projek R&D supaya hasil dan kesannya boleh didapati. Jadi, projek R&D berasaskan tekanan pasaran lebih memberi hasil dan faedah kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cuma 30% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Keenam adalah untuk sains gunaan dan teknologi. Jadi, saya berharap peratusan R&D untuk sains gunaan teknologi serta isu-isu sosial dapat dipertingkatkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Oleh kerana sektor perkhidmatan akan semakin penting pada dekad yang akan datang, saya berharap lebih kepentingan dapat diberi kepada sektor ini. Defisit akaun semasa khasnya defisit perkhidmatan dan tajuk globalisasi perdagangan antarabangsa adalah dua tajuk yang selalu dibangkitkan.

Saya ingin bertanya sama ada keutamaan akan diberi kepada kedua-dua tajuk ini. Kedua-dua tajuk ini sangatlah mustahak kerana defisit akaun semasa masih menjadi keraguan di kalangan masyarakat kewangan termasuk World Bank. Walaupun anggaran defisit akaun semasa pada hujung Rancangan Malaysia Ketujuh adalah seimbang, defisit akaun semasa yang melebihi RM17 bilion untuk tahun ini agak menakutkan pelabur-pelabur serta masyarakat kewangan.

Jadi, segala usaha untuk mengurangkan defisit termasuk projek-projek dan kajian R&D tentang cara-cara mengurangkan

defisit sektor perkhidmatan amatlah dialu-alukan. Begitulah dengan perdagangan antarabangsa, dengan perkembangan multimedia elektronik termasuk internet, satelit, telekomunikasi, faks dan sebagainya, dunia ini akan menjadi satu dunia tanpa sempadan, dengan izin, borderless world. Ini bermakna tempat pasaran tidak berkait dengan kesempatan negara tetapi sebaliknya tempat pasaran telah menjadi global dan dengan globalisasi ini banyak kesempatan dan cara-cara perniagaan pun boleh timbul.

Walaupun masih wujud blok perdagangan seperti NAFTA, AFTA dan sebagainya, kajian penyelidikan dan pembangunan tentang globalisasi dan perdagangan antarabangsa masih relevan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana kemewahan dan teknologi yang canggih, kita masih dan mesti mengambil berat tentang isu-isu sosial berkaitan dengan keadilan sosial dan pengagihan pendapatan yang lebih saksama.

Saya merasa bangga kerana kadar kemiskinan telah pun dikurangkan daripada 16.5% dalam tahun 1990 sehingga 8.9% untuk tahun 1995. Matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menghapuskan segala kejadian golongan rakyat termiskin sehingga 0.5% amatlah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah satu petunjuk yang kita perlu mengambil perhatian dan jika kita menggunakan angkali gini atau gini coefficient, dengan izin, sebagai satu petunjuk keadilan dalam pengagihan pendapatan. Jadi, satu trend yang membimbangkan ialah jarak di antara golongan miskin dan golongan kaya bertambah sedikit. Walaupun kenaikan angkali gini sebanyak 0.018 adalah minimum iaitu 0.446 untuk tahun 1990 dan 0.464 untuk tahun 1995, kita perlu mengambil langkah dan tindakan untuk

menghentikan trend yang kurang sihat ini.

Jadi, apakah program-program kerajaan untuk mengatasi masalah ini sebelum ia menjadi serius? Walaupun angkali gini cuma satu petunjuk sahaja, ia menunjukkan satu trend yang perlu kita mengambil perhatian supaya nisbah ketidaksamaan pendapatan boleh dikurangkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh ini bukan sahaja akan membawa negara ke arah abad ke-21 tetapi juga akan membawa negara kita ke satu era milinium yang baru, iaitu milinium yang kedua. Jadi, sama ada Malaysia masih merupakan satu negara yang mewah, stabil dan bersatu-padu dalam abad ke-21, terpulanglah kepada kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Daripada track record Kerajaan Barisan Nasional, saya yakin Malaysia dan rakyat jelata boleh menuju ke abad-21 dengan bangganya, tetapi kita semua tidak boleh membuat andaian bahawa kemewahan dan kestabilan negara adalah sesuatu yang terjamin. Faktor-faktor yang menghalangkan kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah keangkuhan dan complacency.

Kita masih perlu memperjuangkan sebagai satu bangsa Malaysia untuk membangunkan Malaysia sebagai satu negara yang dicontohi oleh negara-negara lain.

Dengan keadaan globalisasi perdagangan antarabangsa dan blok perdagangan, persaingan yang hebat adalah di antara negara dan di antara blok perdagangan. Jadi, persaingan di antara kaum di Malaysia tidak akan membawa apa jua kebaikan dan faedah. Kita perlu menubuhkan beberapa konsortium berbilang kaum seperti yang digalakkan oleh kerajaan untuk bersaing

dan melabur di negara-negara luar Malaysia kerana dengan pembentukan satu identiti dan satu hasrat di kalangan rakyat Malaysia barulah satu bangsa Malaysia dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong usul Rancangan Malaysia Ketujuh ini yang dibuat oleh Perdana Menteri pada 6hb Mei ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sipitang.

3.31 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya dan rakyat dari kawasan saya, Sipitang, ingin mengucapkan terima kasih di atas usul Yang Amat Berhormat dan mengucapkan tahniah atas kejayaan kerajaan di atas dasar-dasar yang dirancang, terutama sekali dalam enam rancangan Malaysia, iaitu Rancangan Malaysia Pertama hingga Keenam yang telah dilaksanakan.

Keseluruhan petunjuk-petunjuk seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tumbuh pada kadar 8.7% setahun. Peningkatan pendapatan per kapita daripada RM6,099 pada tahun 1990 kepada RM9,786 pada tahun 1995. Penurunan kadar pengangguran daripada 5.1% pada tahun 1990 kepada 2.8% pada tahun 1995. Penurunan kadar kemiskinan 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995. Golongan termiskin juga dapat dikurangkan daripada 3.9% pada tahun 1990 kepada 2.1% pada tahun 1995. Pengangguran juga telah menurun daripada 5.1% pada tahun 1990 kepada

2.8% pada tahun 1995 yang bererti penggunaan tenaga sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan alasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kejayaan ini tidak akan datang dengan sendirinya, ia diperolehi dari perpaduan dan kestabilan politik negara yang dapat sokongan padat dari rakyat dan jugajangan lupa ia juga dicapai dengan adanya Pegawai-pegawai Pentadbir Kerajaan (PTD). Ini juga kita mesti memberi penghormatan kepada mereka yang melaksanakan dasar-dasar kerajaan ini. Kita juga seharusnya memberi penghargaan setinggi-tingginya kepada mereka ini kerana ada yang bertugas dari muda sampai ke tua dan ada yang tidak naik-naik pangkat dari awal sehingga ke pencen dan bertugas taat setia kepada jabatan kerajaan. Di samping itu juga, kita mengucapkan terima kasih kepada golongan profesional dan sektor swasta yang memberi pembangunan kepada negara kita.

Dengan perubahan petunjuk-petunjuk tadi, negara kita telah bersedia untuk mengubah dari negara pertanian kepada negara industri dan dari negara yang bergantung kepada buruh dan bertukar kepada pelaburan teknologi tinggi yang berteraskan kecekapan dan produktiviti. Ini memang bersesuaian dengan wawasan negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, gambaran yang ditunjukkan oleh petunjuk-petunjuk tadi seperti sesuatu yang ideal atau sempurna sepenuhnya, tetapi sebenarnya ia ditunjukkan adalah secara purata. Misalnya pendapatan per kapita pada paras RM9,786 pada tahun 1995 adalah tinggi tetapi ada juga golongan yang berpendapatan rendah masih lagi ramai. Kalau kita lihat misalnya unjuran 1995 pada kadar 8.9% kadar kemiskinan, ini bererti berdasarkan kepada 20 juta

penduduk Malaysia, ada 1.8 juta orang termiskin di negara kita. Bilangan ini adalah satu bilangan yang besar. Ini bererti kalau mereka ditempatkan di satu negeri, kesemua rakyat di negeri tersebut adalah miskin belaka. Tuan Yang di-Pertua, satu tindakan tegas perlu diambil untuk mengatasi masalah bilangan rakyat termiskin yang masih tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat Malaysia adalah golongan yang rajin dan cepat belajar sesuatu yang baru. Rakyat Malaysia boleh turut berubah kepada rakyat yang maju sejajar dengan kemajuan negara, tetapi perkara ini juga perlu ada panduan dan tuju hala oleh kerajaan. Apakah persediaan-persediaan kerajaan atau perancangan dasar yang akan diberikan kepada rakyat ini? Kalau negara boleh maju, asasnya adalah persekitaran yang stabil iaitu keadaan politik yang kukuh dan stabil serta komitmen pemimpin dan kakitangan kerajaan.

Bagi rakyat Malaysia terutamanya di luar bandar, mereka boleh juga maju, mereka boleh berusaha sendiri, mereka boleh berniaga dan mengembangkan ekonomi mereka, tetapi apakah yang mereka perlukan? Ini bila kita bercakap dengan keadaan kemajuan ekonomi Malaysia oleh kerana persekitaran ataupun "environment" yang baik. Jadi, masyarakat luar bandar juga perlukan satu 'environment' yang baik, seperti juga satu 'environment' perkembangan satu keluarga, ibu bapa yang harmoni menyebabkan anak-anak mereka berkembang dengan baik.

Jadi, sebenarnya keperluan mereka terutama sekali di luar bandar adalah suasana persekitaran yang stabil, selamat dan merangsang pertumbuhan ekonomi untuk mereka sendiri. Keperluan mereka adalah keperluan asas, iaitu keperluan infrastruktur, perhubungan yang baik, air

bersih, api elektrik, kemudahan pendidikan, kemudahan perubatan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Perkara ini tidak boleh mereka adakan kerana ia sesuatu yang mahal, mereka perlukan bantuan dan yang dapat memberi ialah kerajaan dan juga sektor swasta.

Perkara asas ini perlu didahulukan agar mereka berada dalam persekitaran yang selesa untuk mereka boleh membangun sendiri, contohnya di Sabah. Sepatutnya kerajaan selesaikan dahulu sistem perhubungan utama di antara daerah. Masih terdapat lima jalan utama di antara daerah yang belum selesai, iaitu:

- (i) jalan dari kawasan saya di Sipitang ke Beaufort, iaitu menghubungkan antara daerah Sipitang dengan Beaufort sejauh 40 km.;
- (ii) jalan Beaufort-Menumbok ataupun Beaufort-Membakul yang menghubungkan di antara daerah Beaufort dan Kuala Penyu sejauh 90 km.;
- (iii) jalan Beluran-Sandakan yang menghubungkan di antara daerah Beluran dengan daerah Sandakan sejauh lebih kurang 30 km.;
- (iv) jalan Kota Marudu-Pitas yang menghubungkan di antara daerah Kota Marudu dan daerah Pitas sejauh 50 km.; dan
- (v) jalan Keningau-Nabawan yang menghubungkan di antara daerah Keningau dan daerah Nabawan.

Jalan-jalan ini adalah jalan utama yang menghubungkan antara daerah-daerah yang perlu diperbaiki yang masa ini masih dalam keadaan jalan tanah kuning atau gravel.

Saya bersyukur kepada kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ketujuh telah meluluskan peruntukan untuk mengaspal jalan Beaufort-Mesapol iaitu di kawasan

saya dan kemudian daerah Kota Marudupitas dan Beaufort-Menumbok. Tetapi bagaimanakah kedudukan jalan-jalan yang lain iaitu jalan Beluran-Sandakan, jalan Keningau-Nabawan yang mana menghubungkan di antara daerah-daerah ini. Saya merayu agar jalan-jalan yang disebutkan tadi dapat diberikan sebagai satu keutamaan (priority) kerana jalan-jalan ini adalah penggerak utama ataupun sebagai satu yang perlu kerana jalan-jalan ini tidak ada alternatif lain untuk rakyat di kawasan tersebut berhubung.

Dengan keadaan jalan yang tidak baik ini adalah juga penyebab utama daerah dan penduduk terlibat tidak berkembang dari segi ekonominya. Dengan keadaan jalan buruk, sukar untuk penduduk-penduduk di daerah tersebut berurusan dengan daerah lain. Kereta yang mereka pakai cepat rosak sedangkan mereka juga membayar cukai jalan yang sama mahalnya dengan jalan-jalan yang baik. Orang luar pula sukar datang ke daerah mereka kerana takut kereta rosak dan ketiadaan keselamatan kerana jalan licin atau berdebu boleh menyebabkan kemalangan. Perjalanan juga lambat, kos pengendalian kereta juga tinggi. Oleh itu, ini adalah alasan yang kukuh agar perhubungan antara daerah diselesaikan serta-merta. Begitu juga dengan rakan kita daripada negeri Sarawak agar perhubungan antara daerah ini dapat diselesaikan dengan serta-merta. Jikalau perhubungan ini dibuat dan infrastruktur asas yang lain disediakan, maka pandai-pandailah mereka mencari rezeki masing-masing pada kebolehan dan kepakaran yang mereka ada tanpa ada halangan yang dibuat oleh faktor-faktor tadi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu golongan kurang dapat pembelaan adalah golongan nelayan dari kampung. Mereka ini duduk di kampung-kampung dengan menggunakan alat-alat tradisional ataupun nelayan pesisiran. Tabiat mereka ini sukar diubah, mereka tidak pandai membuat

kerja lain selain daripada menangkap ikan atau udang dengan pukut dan pancing untuk menyara keluarga mereka.

Apa yang mereka buat ini adalah sebagai sumber pendapatan dan juga sebagai cara mencari kepuasan hidup kerana itulah cara yang mereka termampu. Bilangan mereka ini agak ramai terutama sekali di persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sejak akhir-akhir ini kedudukan ekonomi mereka semakin terancam. Ini adalah kerana:

- (i) tempat mereka menangkap ikan sering diceroboh oleh pendaratang-pendatang atau kapal-kapal pukut tunda daripada luar;
- (ii) unjam-unjam mereka yang mereka buat sering dimusnahkan oleh penceroboh-penceroboh ini;
- (iii) tempat tradisi menangkap ikan mereka dirosakkan oleh penceroboh yang menggunakan bahan-bahan tangkapan yang begitu canggih dan juga bahan-bahan letupan ataupun bom-bom ikan;
- (iv) ketiadaan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai kerajaan untuk menghalang kejadian pencerobohan;
- (v) gangguan-gangguan lanun ataupun keselamatan yang mana menghalang mereka untuk keluar mencari nafkah pada bila-bila masa yang mereka perlu.

Jadi, halangan-halangan ini yang membuat mereka begitu terhad dan dalam keadaan ini mereka sedang dalam keadaan terancam. Dalam keadaan tiada gangguan, misalnya dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, pada keadaan yang begitu baik, seperti yang saya katakan tadi, bila keadaan, environment ataupun keadaan sekeliling mereka baik, pendapatan mereka

adalah di antara RM500—RM2,000 sebulan. Tetapi, dengan adanya gangguan ini, pendapatan mereka semakin merosot iaitu mungkin di bawah RM200 sebulan. Oleh itu, sekali lagi kerajaan mesti juga membela kumpulan ini agar persekitaran mereka stabil:

- (i) kerajaan mestilah memastikan bahawa tempat mereka mencari nafkah ini sentiasa terkawal tanpa ada pencerobohan;
- (ii) kawalan keselamatan yang berterusan supaya mereka bebas mencari rezeki di tempat mereka;
- (iii) penguatkuasaan undang-undang supaya penceroboh-penceroboh ini dapat dihalang daripada memberi gangguan kepada mereka;
- (iv) memberi bantuan kepada mereka untuk mencari nafkah, misalnya membina unjam-unjam dan tukun-tukun tiruan untuk mereka menangkap ikan;
- (v) menekankan aktiviti-aktiviti agensi kerajaan seperti LKIM, Kementerian Pembangunan Luar bandar dan juga nelayan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut sedikit mengenai dengan rasuah. Dalam keghairahan kita menjadi negara yang beretika dan rakyat yang bermoral tinggi, maka gejala-gejala rasuah dalam semua lapisan masyarakat dan jentera kerajaan perlulah dibendung. Saya mengucapkan syabas di atas usaha Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafie Yahya yang telah membuat kenyataan dua hari sudah untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengawas di setiap jabatan atau agensi kerajaan.

Gejala rasuah sama ada memberi atau menerima ini perlu diawasi dan ditangani dengan serius. Perkara ini kalau tidak dibendung boleh menghambat kelancaran pentadbiran dan menjadikan negara tidak berwibawa. Pegawai-pegawai yang

memegang jawatan yang ada kuasa melulus atau kategori penguatkuasaan hendaklah diawasi setiap masa. Saya ingin mencadangkan jabatan-jabatan yang ada kaitan atau difikirkan ada ruang penyalahgunaan kuasa perlu diawasi. Jabatan-jabatan seperti Polis, JPJ, Kastam, Imigresen, penguatkuasa kerajaan tempatan, pengerusi-pengerusi yang ada kuasa melulus seperti jawatankuasa tender dan juga jawatan-jawatan di mana sahaja yang difikirkan berisiko tinggi dan terdedah kepada rasuah perlulah diawasi.

Kita begitu menghormati, bukan semua pegawai rasuah, ramai juga yang bertugas dengan jujur dan ikhlas, tetapi selalunya mereka ini teraniaya oleh kerana golongan-golongan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebolehnya, saya ingin mencadangkan juga mereka yang dipilih memegang jawatan-jawatan tadi:

- (i) hendaklah di kalangan mereka yang mempunyai rekod dan latar belakang yang bersih;
- (ii) mereka hendaklah ditukar atau diberi giliran sekerap mungkin agar mereka tidak ada masa menubuh sindiket atau kontek yang rapat dengan kumpulan tertentu. Saya juga begitu memandang serius memang pertukaran kakitangan kerajaan perlukan kewangan yang banyak tetapi melalui kewangan ini kita dapat juga menjimatkan peruntukan kerajaan oleh kerana aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini;
- (iii) tindakan tegas perlu diambil termasuk merampas aset kepada mereka yang sabit kesalahan; dan
- (iv) menghalang sebarang bentuk kerjasama atau fungsian ataupun kakitangan kerajaan terlibat dengan mana-mana yang berniaga.

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan saranan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang dan di samping saranan-saranan Ahli Yang Berhormat, adakah cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada jabatan ataupun Badan Pencegah Rasuah supaya menempatkan pegawai-pegawai ataupun kakitangan mereka di jabatan-jabatan atau kementerian yang telah dikenal pasti untuk membanteras ataupun sekurang-kurangnya dapat membantu menangani masalah dan melicinkan tugas jabatan yang berunsur rasuah dan sebagainya. Terima kasih.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Pandangan itu satu pandangan yang baik dan saya memang bersetuju kalau boleh setiap agensi ada kakitangan daripada BPR ataupun seperti yang dicadangkan oleh Ketua Pengarah tadi, ada pegawai-pegawai dan jawatankuasa dan sebaiknya juga mereka ini menyamar sebagai orang yang diberi tugas khas untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit mengenai penswastan. Memang baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam penswastan termasuk penswastan hospital dan penubuhan hospital swasta berharga sederhana. Walaupun demikian saya rasa masa ini negara kita masih belum bersedia untuk menswastakan seluruhnya perkhidmatan hospital ini. Saya bersetuju seperti yang dibuat sekarang, penswastan senggaraan (maintenance) hospital, penswastan sistem dobi, penswastan pembekalan makanan, tetapi bahagian rawatan perlu ada ruang untuk

tidak diswastakan kerana keperluan rawatan ini adalah satu keperluan yang wajib, tidak boleh di 'excuse' kalau sudah sakit, ia bukanlah satu kemudahan mewah tetapi adalah keperluan asas, maka kita masih perlu rawatan percuma kepada golongan-golongan tertentu. Orang-orang miskin misalnya petani-petani dan golongan nelayan dan mereka yang tidak ada sumber pendapatan dan jikalau mereka sakit, mereka masih ada tempat untuk mengadu ataupun menuju untuk menerima rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut beberapa perkara atas pesanan orang-orang dari kawasan saya iaitu daripada kawasan Parlimen Sipitang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat cuba padatkan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Gulung ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dan sila gulung.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Yang pertama iaitu mengenai dengan perkhidmatan bomba di Sipitang, sudah 3 kebakaran di kawasan Sipitang tidak dapat diselamatkan. Satu bulan yang lalu, Pejabat Kerja Raya Daerah Sipitang telah terbakar hangus kerana di Sipitang ini sudah beberapa tahun daripada dahulu hingga sekarang tidak ada balai bomba dan balai bomba yang terdekat ialah dari Pekan Beaufort yang jauhnya kira-kira 50 kilometer dan perjalanan lebih kurang satu jam setengah, mungkin dalam keadaan 'emergency' perjalanan 45 minit, tetapi bangunan-bangunan kayu akan ranap dalam masa 15 minit. Jadi, kalau mereka dipanggil pun sudah tentu mereka tidak dapat menyelamatkan dan ini terbukti apabila berlakunya tiga kebakaran di Sipitang. Saya ingin bertanya kepada

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bilakah Balai Bomba Sipitang ini ditubuhkan dan saya merayu ia mesti ditubuhkan segera kerana Sipitang ini satu kawasan yang berpotensi dan masih banyak bangunan yang berharga.

Yang kedua, mengenai sempadan Sabah dan Sarawak. Pada masa ini sempadan Sabah dan Sarawak ada dua kawalan iaitu kawalan di sebelah negeri Sarawak dan kawalan di sebelah negeri Sabah, tetapi kawalan ini oleh kakitangan polis. Sebenarnya kakitangan polis ini adalah dari satu jabatan iaitu jabatan Persekutuan. Mengapakah ada dua kawalan polis di sempadan Sabah dan Sarawak iaitu Polis Sabah dan Polis Sarawak sedangkan polis ini daripada satu Jabatan Persekutuan dan kawalan ini begitu menyulitkan orang-orang baik daripada Sabah dan Sarawak ataupun daripada mana-mana untuk menyeberangi sempadan ini kerana sempadan ini akan ditutup pada pukul 6.00 petang dan setelah itu mereka diperiksa ataupun diteliti sebelum menyeberangi sempadan ini.

Ada baiknya perkara ini—saya ingin mencadangkan kepada Ketua Polis Negara untuk mengkaji semula sistem persempadan ini, kerana di Malaysia, inilah sahaja sempadan yang ada kawalan di antara negeri-negeri Malaysia. Saya pun tidak faham apa sebab-sebabnya.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyarankan bahawa badan-badan seperti Felra, Felcra agar segera masuk ke negeri Sabah untuk menyelesaikan masalah-masalah tanah-tanah terbiar di Sabah, khususnya di kawasan saya. Di kawasan saya beribu-ribu ekar tanah orang-orang kampung iaitu khususnya tanah-tanah koperasi ataupun koperatif yang tidak diusahakan. Dan jikalau Felra atau Felcra ini masuk, mungkin perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Serdang.

3.51 ptg.

Dato' Yap Pian Hon (Serdang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Ketujuh telah menggariskan arah dan misi pembangunan dalam jangka masa lima tahun akan datang. Adalah tanggungjawab bagi setiap anggota masyarakat dan segenap lapisan rakyat Malaysia untuk mengetahui, memahami kandungan matlamat rancangan berwawasan ini, diikuti dengan kerjasama dan penyertaannya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dan penyertaan rakyat adalah faktor penting. Tetapi kejayaan atau kegagalan rancangan ini bergantung kepada cara pengurusan dan pelaksanaannya. Sikap, budaya kerja dan perkhidmatan pegawai-pegawai kerajaan adalah faktor yang paling utama. Usaha dan budaya pegawai-pegawai kerajaan telah membawa kepada pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Keenam dengan sikap dan prestasi yang dipaparkan oleh mereka sebelum ini, saya amat percaya dan yakin bahawa matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh juga akan tercapai.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sentiasa mengingatkan kepada sesetengah pegawai semasa permasalahan rancangan ini, selain daripada meningkatkan taraf pentadbiran, sikap pegawai yang melaksanakan kerja dan tanggungjawab mereka mengikut keputusan peribadi dan terpesong daripada apa yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh perlu dikikis dan dibanteras. Kalau tidak, komitmen dan impian kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat akan tersia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah dan pengalaman dalam konteks pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam boleh dijadikan tanda dan contoh kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh. Kerajaan memang faham dan insaf bahawa terdapat kekurangan dan cacat cela dalam jentera kerajaan semasa peraksanaan di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Biarlah kelemahan-kelemahan ini dijadikan contoh dan rujukan dari semasa ke semasa supaya Rancangan Malaysia Ketujuh akan dapat dilaksanakan dengan lancarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pandangan dan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh sebelum ini jelas menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang tidak dapat membentangkan pendapat-pendapat yang positif dan membina. Saya kecewa sedikit oleh kerana itu saya hendak jawab pandangan Yang Berhormat dari Kepong. Semasa perbahasan yang dilakukan, Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh suatu perkara dalam kawasan saya, di mana beliau berkata, MCA telah mencobohi dewan orang ramai di kampung baru Balakong, dan juga dewan orang ramai telah digunakan sebagai cawangan MCA.

Ucapan Yang Berhormat dari Kepong ini semata-mata bohong dan tidak berasas samasekali. Maklumat yang diterima oleh beliau itu tidak benar, kerana dewan orang ramai ini telah wujud di kampung baru Balakong sepanjang masa 20 tahun. Bangunan ini lapuk, tetapi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru Balakong telah mewujudkan bilik sebagai pejabat untuk berkhidmat kepada rakyat di kampung baru tersebut. Saya hairan kerana dewan orang ramai ini selama ini sudah lapuk dan buruk ini telah dapat diambil berat oleh Yang Berhormat dari Kepong kerana Yang

Berhormat dari Kepong sebagai Wakil Rakyat, ADUN kawasan tersebut pada lima tahun yang lalu.

Saya tidak pernah mendengar Yang Berhormat dari Kepong telah mengatakan bagaimana caranya untuk membentangkan cadangan untuk membina semula dewan orang ramai ini semasa sebagai ADUN kawasan tersebut dan juga Ahli Parlimen dari Kepong. Tetapi ketika ini beliau tidak berani bertanding semula di kawasan tersebut, lari daripada kawasan tersebut, baru sahaja membangkitkan perkara di Dewan yang mulia ini. Tetapi dia tidak jawab kerana tidak nampak di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit perkara ini kerana ini satu hakikat, sebagai bekas Wakil Rakyat ADUN di kawasan tersebut tidak mengambil berat. Beliau tidak berkhidmat di kawasan tersebut, di mana kawasan kampung baru bukan sahaja dewan itu jadi teruk dan juga sentiasa berlaku banjir di kawasan tersebut. Saya sebagai bekas ADUN sebelah kawasan, terpaksa saya sebagai pemimpin Barisan Nasional di kawasan tersebut ambil alih tugasnya, meminta Kerajaan Negeri Selangor mengutukkan RM2 juta untuk membaiki, mengatasi banjir di kawasan kampung baru tersebut.

Oleh yang demikian, saya tak tahu ini iri hatikah atau apa hal saya tidak tahu. Walau bagaimanapun, maka dengan demikian itu, dengan perkhidmatan daripada Barisan Nasional, maka beliau tidak berani bertanding lagi di kawasan tersebut. Lari dari kawasan itu, maka tidak berani hadapi dengan rakyat di kawasan tersebut, walaupun jadi Wakil Rakyat di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru Balakong dilantik oleh kerajaan baru-baru ini, pemimpin-pemimpin baru telah mengambil inisiatif

supaya memperbaiki dewan tersebut dan mencantikkan semula bilik sebagai pejabat JKKK Kampung Baru dapat berkhidmat lebih baik kepada rakyat di situ. Kerana saya memberi galakan, bukan sahaja sebagai Ahli Parlimen di kawasan tersebut, tetapi ADUN di kawasan Balakong telah memberi galakan kepada pemimpin-pemimpin JKKK Kampung Baru itu supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka setelah melantikan sebagai jawatankuasa tersebut untuk berkhidmat kepada kampung. Jangan seperti DAP - Ahli Yang Berhormat dari DAP jadikan Wakil Rakyat tidak berkhidmat langsung, tidak wujudkan pejabat perkhidmatan bagi kawasan tersebut. Langsung dia tak berkhidmat. Maka wujudnya pejabat JKKK di dewan itu, sebenar-benarnya untuk berkhidmat kepada rakyat di situ. Kita tak boleh seperti.....

Dato' Hon Choon Kim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada seorang peminat. Seremban.

Dato' Hon Choon Kim: Saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat dari Serdang, baru-baru ini saya dengar, sama ada benar atau tidak, banyak pusat-pusat perkhidmatan yang dianjurkan oleh DAP selepas pilihanraya umum pada tahun 1995, banyak pusat perkhidmatan telah pun ditutup, sama ada benar atau tidak?

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada perkhidmatan DAP diwujudkan, tetapi kosong. Tidak ada kakitangan disediakan. Lepas pilihan raya memang lagi tutuplah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan juga Yang Berhormat dari Kepong sebagai seorang ahli politik yang berpengalaman tidak tahu bezanya Pejabat MCA dengan Pejabat JKKK. Dia katakan dewan orang ramai digunakan sebagai cawangan MCA.

Macam mana boleh Pejabat MCA boleh diwujudkan di dewan orang ramai?

Pejabat MCA diwujudkan di kawasan Balakong ini, memang kita ada pejabat lain, tetapi ini hanya sebagai pejabat JKKK yang dilantik oleh kerajaan sebagai badan perhubungan antara rakyat dengan kerajaan. Ini banyak bezanya. JKKK merupakan satu badan perhubungan antara rakyat dengan kerajaan, bukan parti politik seperti MCA atau UMNO. Jadi ini pun tidak tahu.

Saya pun hairan, sebagai ahli politik yang berpengalaman demikian tidak tahu membezakan Pejabat JKKK atau Pejabat MCA di Balakong. Maka, saya hairan. Saya tidak tahu apa sebabnya perkara kecil ini dia menyuarakan masalah ini di Dewan yang mulia ini. Buang masa! Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP sepatutnya memberi pandangan yang lebih baik supaya memberi manfaat kepada rakyat supaya dapat menikmati apa yang dilancarkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP jangan befikiran sempit kerana zaman sekarang sudah berubah. Mungkin dalam tahun 1960an, DAP pun mungkin boleh berpandangan demikian, tetapi itu zaman yang lepas dan zaman sekarang, masyarakat lebih terbuka maka sepatutnya DAP ubah dasar. Jangan ada fikiran yang sempit dan jangan gunakan isu pendidikan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh semalam.

New Era College tidak ada ahli MCA yang menentang New Era College ini. Sebenarnya, MCA telah mencari usaha supaya memberi pertolongan kepada penganjur supaya mengemukakan semula permohonan New Era College ini supaya dapat ditimbang oleh kerajaan dan mengikut dasar kerajaan. Inilah caranya. Tetapi sebenarnya, Ahli-ahli DAP yang hanya mencari isu berdasarkan fikiran yang sempit yang tidak selaras dengan

zaman sekarang ini. Saya minta kalau Yang Berhormat dari DAP tidak lagi berubah sikap dari berfikiran demikian, mungkin arus politik di dalam negara ini akan memberi satu pukulan yang hebat lagi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Skim Amanah Saham Wawasan akan diperkenalkan pada bulan Ogos tahun ini. Pelancaran yang dijadualkan ini boleh disifatkan sebagai satu usaha kerajaan yang bijak dalam menyatupadukan rakyat Malaysia dari segi ekonomi.

Ini juga sebagai satu langkah positif untuk membuka peluang pelaburan kepada generasi muda semua kaum dalam bidang ekonomi selain daripada mencurahkan rasa keprihatinan kerajaan terhadap generasi muda ini. Skim Amanah Saham Wawasan yang juga dapat memupuk tabiat jimat generasi muda ini haruslah diusahakan dengan langkah yang terbuka bagi memastikan tidak ada penyelewengan ketika pelaksanaannya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Parlimen kawasan Serdang, memang saya memberi sokongan terhadap pengumuman ini dan diharap rancangan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya supaya generasi muda dari semua kaum akan menikmati apa yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar amat membanggakan. Ini termasuklah 452 buah kampung baru. Walau bagaimanapun, taraf kehidupan dan pembangunan ekonomi bagi sesetengah kampung-kampung baru yang kedudukan lokasinya jauh dari pusat pertumbuhan masih berada dalam situasi yang membimbangkan.

Saya bangkitkan perkara ini kerana saya seorang penduduk di dalam kampung baru dan saya kena faham masalah yang sedang dihadapinya. Walau bagaimanapun, kampung-kampung yang pertumbuhan ekonominya sifar atau terbantut ini menyebabkan tenaga muda berhijrah ke pusat-pusat bandar. Saya rasa, usaha kerajaan untuk menaikkan taraf kawasan perkampungan baru masih tidak keseluruhan sekiranya sesetengah kampung baru yang jauh di luar bandar tidak diberi tumpuan. Maka dengan demikian, kerajaan haruslah menggerak langkah dan menggariskan strategi untuk membangun dan menggiatkan lagi proses industrialisasi dalam kampung baru yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar atau bantuan kerajaan untuk membawa kilang-kilang atau membuka kawasan industri di kampung-kampung baru akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada generasi muda di kampung tersebut. Tanpa peluang pekerjaan seperti kilang-kilang yang diwujudkan di kampung-kampung baru ini, maka generasi muda terpaksa lari dari kampung tersebut dan menjadikan kampung ini hanya untuk orang-orang tua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tanpa bantuan kerajaan, kampung baru yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi tidak akan tercapai sungguhpun infrastruktur kampung tersebut mengizinkan. Jadi, dengan demikian, saya berharap kerajaan hendaklah mengadakan bantuan atau dasar-dasar yang tertentu supaya membuka kawasan industri yang berdekatan dengan kampung-kampung baru supaya wujud peluang pekerjaan dan mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh generasi muda di kampung-kampung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga menyeru kepada kerajaan supaya memeriksa, menambah atau menyediakan

kemudahan-kemudahan mencegah kebakaran seperti pili-pili bomba dalam kawasan kampung baru. Ada kejadian yang berlaku di mana apabila terjadi kebakaran di kampung-kampung baru, pili-pili bomba tidak berfungsi yang menjejaskan ahli-ahli bomba untuk memadamkan api. Perkara ini biasa berlaku di sesetengah kampung baru kerana pili bomba tidak disediakan dan pili bomba rosak dan pili-pili tersebut tidak ada air semasa digunakan. Tetapi kita tidak tahu sama ada Kementerian Kerja Raya atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bertanggungjawab untuk memeriksa atau mana badan yang akan memeriksa, menambah atau membaiki pili bomba yang ada di kawasan yang terpencil ini. Ini mustahak kerana ini satu masalah penting kepada masyarakat di kawasan tersebut. Pernah satu perkara berlaku di satu kampung baru ini tetapi tidak ada pili bomba. Maka inilah satu masalah yang sedang dihadapi iaitu kekurangan kemudahan di setengah-setengah kampung baru tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penghujung abad ke-20 ini, saya rasa fikiran dan sikap penduduk-penduduk kampung baru terhadap Kerajaan Barisan Nasional telah berubah. Ini dapat dicerminkan dalam keputusan pilihan raya yang lalu. Sungguhpun parti pembangkang masih menyemaikan rasa benci kepada Kerajaan Barisan Nasional, tetapi fikiran penduduk telah matang. Ini menjelaskan penduduk-penduduk kampung-kampung baru tidak ingin ketinggalan dalam arus pembangunan. Maka, pembangunan kampung baru perlu ditumpukan. Ini kita serahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya rasa, kerana setahun peruntukan sebanyak RM6 juta diperuntukkan kepada kampung-kampung baru untuk membaiki kemudahan infrastruktur tidak mencukupi. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya

harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dapat menambah peruntukan kepada 452 buah kampung baru yang diwujudkan dalam zaman darurat di masa mereka telah merasai kepayahan dahulu.

Saya salah seorang pernah menghadapi masalah besar di kampung baru yang saya diami. Walau bagaimanapun, saya merasa bangga kerana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah memberi bantuan dan menjadikan kampung baru Serdang sebagai salah sebuah kampung baru yang termoden di Malaysia ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tawau.

4.10 ptg.

Puan Chua Soon Bui (Tawau): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia semakin disegani dunia kerana prestasi pertumbuhan ekonomi kita yang tinggi lagi berterusan. Namun ini tidak akan tercapai sekiranya tidak ada pengurusan dan pentadbiran yang berwawasan. Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merupakan rancangan lima tahun yang kedua dalam tempoh pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara selepas tamatnya era Dasar Ekonomi Baru. Berjayanya rancangan ini sudah tentu akan memberangsang dan memantapkan lagi keyakinan diri kita dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020. Namun demikian, cabaran dan masalah yang kita hadapi selama ini tetap tidak boleh dipandang sepi. Sebaliknya usaha yang

ditumpukan untuk mengatasi masalah-masalah itu harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Kadar pengangguran yang serendah 2.8% memang menjadi kebanggaan kita tetapi dalam pada itu kita harus berwaspada tentang semakin bertambahnya pergantungan ekonomi kita kepada buruh asing. Sebagai contoh, kawasan Parlimen saya Tawau di mana aktiviti ekonomi utamanya bersabit dengan sektor perladangan, pembalakan dan industri-industri hilir, perkayuan memerlukan guna tenaga seramai 107,000 orang. Antaranya dianggarkan bahawa kira-kira 85% adalah terdiri daripada pekerja asing. Pantai timur negeri Sabah termasuk Tawau rupanya telah menjadi destinasi tumpuan pendatang-pendatang asing tanpa izin untuk mengadu nasib mereka. Ini jelas terbukti dengan adanya tidak kurang daripada 70 buah perkampungan pendatang asing tanpa izin di sepanjang pantai timur negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat disangkal bahawa kemasukan pendatang-pendatang tersebut telah menimbulkan pelbagai masalah keselamatan di samping membebankan masyarakat dari segi kos sosialnya khususnya dalam bidang pendidikan dan perubatan. Dalam usaha membendung masalah tersebut, ketegasan pihak berkuasa perlu diberi sanjungan yang tinggi. Namun demikian, tindakan pihak polis untuk menumpas perkampungan-perkampungan pendatang asing tanpa izin yang berkenaan bukan tiada kesan sampingannya. Kesan itu jelas dirasai dalam bidang perladangan, pembalakan dan beberapa lagi sektor ekonomi yang utama di Tawau. Walaupun strategi kerajaan adalah menjurus ke arah pembangunan teknologi canggih atau hightech dengan mengurangkan penglibatan ke arah guna-tenaga, tetapi ini kurang berkesan untuk menyelesaikan masalah yang kini dihadapi di Tawau.

Dari pengamatan saya, kerugian yang lebih daripada RM100 juta telah pun kita tanggung dalam sektor perladangan akibat kekurangan guna tenaga yang dikehendaki untuk menuai buah koko dan buah kelapa sawit. Memandangkan kerugian sedemikian, saya ingin mencadangkan kepada kementerian berkenaan agar 'working order paper' dapat dikeluarkan kepada pekerja-pekerja asing yang masuk ke Malaysia secara sah ataupun 'identification paper' boleh juga dikeluarkan dengan jaminan majikan masing-masing untuk mengatasi masalah kekurangan guna tenaga yang kian mendesak buat jangka pendek.

Untuk jangka panjang pula, adalah diharapkan kerajaan kita dapat mencapai kata sepakat dengan negara-negara jiran kita iaitu Filipina dan Indonesia untuk mengendalikan 'border crossing' yang terkawal di sempadan bersama. Ini adalah semata-mata untuk memastikan bahawa hanya orang yang mempunyai pas yang sah sahaja yang akan dilayan dalam permohonan permit kerjanya kelak. Langkah-langkah tegas dan berimbang perlu diambil agar ekonomi di Tawau khususnya dan negeri Sabah amnya, tidak dilumpuhkan akibat kekurangan guna tenaga sedangkan pendatang asing tanpa izin tetap dicegah kemasukannya supaya ketenteraman sosial tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur. Setelah mengambil alih teraju Kerajaan Negeri Sabah, banyak usaha telah pun dicurahkan untuk membangunkan ekonomi negeri Sabah dengan harapan mewujudkan Sabah baru. Dalam hubungan ini, pembangunan infrastruktur khususnya kemudahan jaringan jalan raya seharusnya diberi keutamaan yang wajar. Ini adalah disebabkan oleh peri mustahaknya sistem pengangkutan terhadap pembangunan ekonomi dalam negeri. Setakat ini negeri Sabah masih merupakan pengeluar utama koko dalam negara kita dengan keluasan

ladangnya yang menjangkau 178,500 hektar pada tahun 1995. Hasil penanaman koko adalah berjumlah 125,000 tan metrik dengan turnover kira-kira RM375 juta.

Dalam perladangan kelapa sawit pula, antara 500,000 hektar ladang kelapa sawit yang ada di Sabah, lebih kurang satu pertiga adalah ditumpu di Tawau. Hasil pendapatan yang terbabit dalam industri tersebut berkisar pada RM1.2 bilion. Oleh yang demikian, jelaslah kesan sistem pengangkutan dan infrastruktur terhadap nadi ekonomi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal infrastruktur ingin juga saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian pihak yang berkenaan terhadap satu selekoh yang amat merbahaya di Batu 13, Jalan Apas, Tawau. Selekoh itu dibina pada tahun 1970 dan ia telah dikenal pasti sebagai satu kawasan kemalangan kerana kerapnya berlaku kemalangan yang meragut nyawa. Dalam tempoh tiga bulan kebelakangan ini, enam nyawa telah terkorban dalam enam kes kemalangan yang berlaku di situ.

Saya mengharapkan kepekaan dan tindakan pihak berkuasa terhadap selekoh-selekoh seperti ini belum lebih lagi nyawa yang tidak berdosa diragut dalam kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan. Untuk menampung keperluan guna tenaga yang semakin meningkat dalam negara kita menjelang abad ke-21 adalah tepat pada tempat dan masanya, kerajaan memberi tumpuan yang wajar kepada pembangunan pendidikan di pelbagai tahap. Pada hal berjayanya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh juga banyak bergantung kepada tahap pencapaian kita dalam sektor pembangunan pendidikan dan sumber manusia kelak.

Dalam usaha kita mengejar kecemerlangan dan menjadikan Malaysia

sebuah pusat pendidikan tinggi serantau, wawasan dan tumpuan kita tidak seharusnya dikhususkan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) semata-mata. Malahan strategi kita perlu menyeluruh dan mencakupi semua aspek dan tahap pembangunan termasuk pembangunan akhlak dan etika.

Jurang perbezaan yang masih wujud dalam bidang pendidikan perlulah diatasi dengan penuh keazaman dalam pendemokrasian dan reformasi pendidikan negara. Masalah kekurangan guru dan kemudahan asas dalam pendidikan, walaupun bersifat soal lapuk, tetapi tidak kurang relevannya selagi masalah-masalah itu masih berlarutan.

Masalah ini sebenarnya semakin meruncing dan menonjol di Sabah khususnya di Tawau. Keadaan bertambah buruk bila terdapat projek-projek pembinaan sekolah yang terbengkalai atau terlewat pelaksanaannya seperti yang didedahkan oleh Menteri Pendidikan sendiri baru-baru ini.

Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Sekolah Menengah Kebangsaan di Jalan Apas, Tawau dirancangan pembukaannya pada hujung tahun 1995 tetapi setakat ini masih belum kelihatan sebarang tanda penyiapannya. Oleh yang demikian, seramai 1,020 orang pelajar sekolah itu terpaksa menghadapi masalah pindah randah atau menumpang di sekolah lain buat sementara waktu.

Dari tinjauan saya, purata bilangan pelajar dalam sesebuah bilik darjah sekolah-sekolah menengah di Tawau adalah sehingga 50 orang dan ada yang menjangkau 70 orang. Kesesakan yang sedemikian sudah tentu menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Maka tidaklah mustahil masalah yang berkenaan akan bertambah buruk jika ianya tidak dapat dibendung secara berkesan dengan menambah dan

mempercepatkan lagi pembinaan sekolah-sekolah.

Menurut perangkaan yang ada kepada saya, bilangan sekolah rendah dan menengah di daerah Tawau adalah berjumlah 50 dan 13 masing-masing. Bilangan pelajarinya menjangkau 35,027 dan 14,591 orang tahun lalu. Antaranya terdapat lebih daripada 2,000 orang pelajar yang terpaksa belajar dalam kelas terapung akibat kekurangan bilik darjah.

Perangkaan ini sudah tentu akan terus meningkat dengan kemasukan pelajar-pelajar baru di sekolah menengah yang menjangkau 10% pertambahannya setiap tahun. Dari segi kemudahan asas sekolah pula, sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman Tawau masih jauh ketinggalan. Umpamanya, sekolah-sekolah rendah di Pulau Sipadek, Luwasong dan Ladang BAL, setakat ini bukan sahaja uzur dan usang keadaan bangunan sekolah, malahan kemudahan asas seperti meja kerusi dan bilik air juga kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita ghairah mempopularkan penggunaan komputer di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah di kawasan bandar, mungkin masih ramai di kalangan kita tidak dapat mengerti kemusykilan, ketiadaan bekalan elektrik di sekolah-sekolah luar bandar dan kawasan pedalaman. Dalam keadaan seperti ini, alat-alat komputer tidak membawa makna kepada mereka dan ini tetap merupakan satu-satunya kecacatan terhadap pendemokrasian pendidikan yang didaya usahakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik. Masalah gangguan bekalan elektrik, merupakan satu-satunya masalah yang kerap melanda Tawau. Perkara ini pernah saya bangkitkan dalam perbahasan Titah DiRaja pada Mac, 1996 dan ianya telah diberi perhatian yang wajar. Syabas

diucapkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, serta Lembaga Letrik Sabah (LLS) atas usahanya untuk mengatasi masalah yang lama berleluasa itu. Adalah diharapkan bahawa dengan adanya bekalan tambahan 36 kilovolt oleh IPP baru pada awal tahun 1997 nanti, rakyat Tawau yang saya wakili akan membebaskan diri dari cengkaman masalah gangguan bekalan elektrik buat jangka panjang.

Dalam hubungan ini, ingin juga saya menarik perhatian kementerian dan pihak LLS terhadap keadaan transformer dan delivery line yang uzur dan usang. Ini merupakan satu-satunya punca masalah trip off yang masih dihadapi oleh masyarakat setempat.

Saya berbesar hati sekiranya masalah bekalan elektrik di Tawau dapat diatasi secara menyeluruh demi kepentingan rakyat Tawau amnya dan pembangunan ekonomi di Tawau khususnya.

Dengan pandangan yang tidak seperti ini, saya menyokong Usul pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lipis. (Tepuk)

4.28 ptg.

Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera kepada semua yang hadir.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh pada hari ini.

Sebelum saya memanjangkan perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh

yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb Mei, 1996, izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi Barisan Nasional yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk bertanding di pilihan raya kecil bagi kawasan Parlimen P. 075 Lipis pada 15hb Januari, 1996. *(Tepuk)*

Ucapan jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Khalil Yaacob, Menteri Besar Pahang selaku Pengerusi Barisan Nasional peringkat negeri Pahang yang telah mencadangkan saya sebagai calon.

Kepada semua pihak terutamanya dari parti-parti komponen Barisan Nasional yang telah bertungkus-lumus bagi menghadapi pilihanraya yang tidak jadi itu, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Kemenangan tanpa bertanding ini

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Lipis juga akan mengucapkan terima kasih kepada pembangkang yang tidak jadi bertanding untuk melawan beliau. *(Tepuk)*

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka bertanding pun, saya jangkakan mereka akan kalah. *(Tepuk)* Kemenangan tanpa tanding ini mencerminkan bahawa rakyat yakin terhadap kerajaan yang memerintah

sekarang dan juga disebabkan oleh dasar ekonomi kita yang kukuh dan relevan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memulakan perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, izinkan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini. Mengikut perkiraan saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap selama 1jam 30 minit untuk membentangkan satu dokumen yang lengkap dengan penuh semangat dan keyakinan bahawa Malaysia boleh menjadi negara maju menjelang tahun 2020 menerusi Dasar Pembangunan Negara.

Sebagai seorang rakyat Malaysia, sebagai Ahli Parlimen saya berserta dengan kawan-kawan dari komponen Parti Barisan Nasional sudah tentu akan menyahut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memainkan peranan masing-masing bagi memastikan setiap golongan masyarakat Malaysia menikmati hasil pembangunan. Insya-Allah, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri yang juga seorang tokoh yang hebat berserta dengan barisan kabinet yang berkebolehan, negara kita akan dapat mengukir kejayaan dengan meningkatkan kemakmuran dan meninggikan martabat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan menyediakan satu peruntukan pembangunan sektor awam sejumlah RM162.5 bilion di mana RM67.5 bilion ialah peruntukan Kerajaan Persekutuan, 12 bilion peruntukan kerajaan negeri, RM7.9 bilion peruntukan kerajaan tempatan dan badan berkanun, RM75 bilion peruntukan perusahaan awam bukan kewangan. Dilihat dari segi kewangan, peruntukan sebanyak ini adalah satu peruntukan yang besar jika diambil kira

Malaysia sebagai sebuah negara yang saiznya kecil dengan penduduknya sekitar 18 juta orang sahaja. Dengan penyediaan peruntukan ini dan dengan perancangan dan pelaksanaan yang teliti, rancangan lima tahun ini sudah tentu menemui sasarannya dan tidak tinggal sebagai dokumen hiasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti prestasi perbelanjaan berbanding dengan peruntukan yang telah diperuntukkan bagi Rancangan Malaysia Keenam, adalah didapati rata-rata pencapaian perbelanjaan tidak memenuhi peruntukan yang diluluskan. Jika prestasi perbelanjaan ini diambil kira sebagai satu indikator atau pengukur kemajuan fizikal, maka sudah tentulah kita boleh membuat andaian bahawa banyak projek-projek yang dirancang tidak dilaksanakan sepenuhnya. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyarankan kepada kerajaan supaya mengawal selia pelaksanaan dan penyelarasan bagi setiap rancangan dengan lebih teliti dan teratur lagi di masa-masa hadapan supaya pelaksanaan projek kita tidak tertunggak ke tahun-tahun hadapan. Peruntukan hendaklah sampai kepada agensi pelaksana di awal tahun lagi. Jika waran peruntukan sampai di pertengahan tahun, kemungkinan besar projek tidak dapat ditender dan jika ditender pun pelaksanaannya akan ditunggak atau dibawa ke tahun-tahun hadapan.

Pada tahun-tahun 1991 dan 1995, peruntukan pembangunan untuk sektor ekonomi ialah sebanyak RM29.9 bilion atau 51% daripada jumlah peruntukan mengikut sektor. Dengan kadar peruntukan sedemikian, ekonomi kita telah berkembang pada kadar 8.7% setahun. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sektor ekonomi diperuntukkan sebanyak RM33.7 bilion atau 50% daripada peruntukan pembangunan. Jika semua faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan dapat dikawal seperti yang diandaikan, maka sudah tentulah kadar

pertumbuhan purata lebih daripada 7% setahun akan dapat dicapai dan kita semua bolehlah menjangkakan akan mencapai taraf negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah menyarankan supaya kerajaan mengawal selia pelaksanaan dan penyelarasan bagi setiap rancangan dengan lebih teratur dan teliti. Di sini, sukalah saya membangkitkan permasalahan yang ada di kawasan Parlimen yang saya wakili di mana penyelarasan dan kerjasama di antara agensi tidak dapat diatasi dengan berkesan sehingga mengakibatkan bekalan elektrik tidak dapat disalurkan kepada beberapa buah kampung. Isu yang hendak saya ketengahkan di sini ialah mengenai keengganan pihak kereta api membenarkan kabel TNB melintasi landasan kereta api.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lampau, kita boleh memaafkan murid-murid sekolah atau pelajar kita belajar di bawah sinaran lampu pelita tetapi di zaman yang serba canggih dan maju ini, bekalan elektrik adalah perlu terutama kepada anak bangsa yang ingin bersaing dan kompetitif. Jika bekalan elektrik tidak dapat disalurkan program literasi komputer tidak dapat dimanfaatkan, apatah lagi untuk menyambung kepada Internet. Kerajaan telah mula membina multimedia super corridor yang merintangi Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur melalui Putrajaya. Ini akan meletakkan negara kita di barisan hadapan negara yang kaya dengan maklumat. Teknologi maklumat adalah komponen penting dalam pembangunan ekonomi. Ini adalah faktor dominan dan pembangunan negara terutamanya dari segi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing.

Jika bekalan elektrik tidak disalurkan ke kampung-kampung, sudah tentulah akan wujud wilayah-wilayah yang kaya dengan maklumat dan wilayah-wilayah

yang miskin dengan maklumat, the end result, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, tentulah jurang perbezaan dari segi pertumbuhan ekonomi antara bandar dan luar bandar akan lebih melebar dan lebih ketara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, program pswastaaan telah membolehkan negara mengekalkan pertumbuhan yang tinggi. Skoppenswastaaan meliputi bidang-bidang infrastruktur, utiliti, pengangkutan dan perkhidmatan. Kebanyakan projek-projek yang diswastakan adalah projek-projek yang berdaya maju atau feasible dan viable. Kalau sekiranya projek-projek ini tidak viable, sudah tentu pihak-pihak swasta tidak akan memasuki lapangan ini kerana kita faham bahawa mereka adalah profit motivated atau profit driven.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan tokoh-tokoh korporat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan bahawa kerajaan telah memindahkan asetnya kepada sektor awam dengan harga yang nominal. Sehubungan dengan ini, saya juga memperingatkan pihak swasta yang berjaya mengambil alih aset negara ini kepada saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya memikul tanggungjawab sosial dan moral terhadap pengguna-pengguna. Kalau ini tidak dilakukan, saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan menubuhkan badan-badan pengawasan untuk melindungi kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi Isnin 13hb Mei 1996 yang lepas, saya berkesempatan untuk menghadiri Majlis Perasmian Substation TNB di sebuah kampung pedalaman di kawasan saya yang dilakukan oleh Datuk Hassan Ariffin, Timbalan Menteri Besar Pahang. Projek pembangunan substation ini menelan belanja sebanyak RM5 juta. Ditinjau dari

segi keuntungan, sudah tentu projek ini tidak akan mendatangkan keuntungan pada masa jangka pendek kepada TNB.

Walau bagaimanapun, pihak TNB telah melaksanakan projek ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak TNB di atas kesediaan membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk-penduduk luar bandar. Tidak cukup dengan pembekalan ini, pihak pengurusan TNB juga akan menyumbang beberapa buah komputer kepada penduduk kawasan. Terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada pihak TNB. Sifat amal jariah dan bersyukur dengan nikmat Allah yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan TNB ini sepatutnya dicontohi oleh tokoh-tokoh korporat yang lain supaya nama-nama mereka tidak sahaja bermain di bibir 'business circle', tetapi oleh orang-orang kampung, orang-orang miskin, kerana doa mereka adalah mustajab.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya bekalan elektrik ke kampung Pekan Merapuh ini nanti, saya percaya hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Khalil Yaakob, Menteri Besar Pahang untuk menempatkan kilang simen dan menjadikan kawasan berhampiran satu kawasan perindustrian ringan berasaskan 'wood-based industry' akan menjadi kenyataan. Dengan ini, saya mintalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) supaya review semula skop program SMI atau IKS yang tidak meliputi daerah Lipis. Dalam soal mulut saya tempoh hari, MITI telah mengatakan bahawa Lipis tidak termasuk dalam program IKS, Kementerian MITI. Melalui Dewan Yang Mulia ini saya mencadangkan supaya daerah ini dimasukkan semula dalam program IKS tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perubahan besar akan dilakukan ke atas sistem pendidikan dengan tujuan mengukuh dan meningkatkan

keberkesanan sistem tersebut. Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mempunyai vision yang 'futuristic' telah menetapkan bahawa misi Kementerian Pendidikan ialah untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan supaya bertaraf dunia dan meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Di samping itu, sistem pendidikan hendaklah melengkapkan pelajar-pelajar dengan ilmu yang praktikal bagi meningkatkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara dan pimpinan di masa hadapan.

Di luar bandar, saya dapati tanah tidaklah merupakan komoditi yang 'scarce' atau terhad. Oleh itu, sekolah-sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pembelajaran seharusnya juga dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sukan dan dewan-dewan yang boleh juga digunakan oleh pihak luar untuk kemudahan riadah. Pembinaan dewan-dewan ini saya percaya akan dapat membantu kerajaan mengurangkan pembinaan pusat serenti yang menelan belanja berjuta-juta ringgit di masa-masa hadapan. Pada masa ini saya dapati bahawa pusat-pusat serenti ini telah disebarkan di kawasan-kawasan luar bandar yang mana penghuni-penghuni di pusat tersebut bukanlah penduduk-penduduk di luar bandar. Jadi, dengan adanya kemudahan-kemudahan riadah, jaminan kerajaan untuk menambahkan kemudahan riadah ini, saya percaya pusat-pusat serenti tidaklah tumbuh seperti cendawan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini berbagai kursus motivasi sedang dijalankan bagi menyediakan penuntut-penuntut menghadapi ujian UPSR. Semasa perasmian kursus-kursus tersebut dan ketika bersalaman dengan penuntut-penuntut, ketika menyampaikan cendera hati sebagai langkah merangsangkan semangat mereka, saya dapati muka penuntut-penuntut di luar bandar pucat

dan tangan mereka sejuk sahaja. Saya mengandaikan mereka kekurangan vitamin untuk keperluan kesihatan. Kesihatan adalah faktor penentu terhadap kecerdasan otak penuntut. Oleh itu, saya menyarankan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya Rancangan Pemakanan Tambahan (RPT) diperhebatkan lagi dengan memberi makanan berzat dan bertenaga kepada murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, di samping daerah Lipis di mana keluasannya merupakan 6 buah negeri Perlis dan sebesar Negeri Sembilan, kawasan Parlimen saya meliputi juga Cameron Highlands. Untuk sampai ke Cameron Highlands ini, saya terpaksa menempuh negeri Selangor dan Perak. Oleh hal yang demikian, saya harap benarlah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya membina sebatang jalan raya daripada Cameron Highlands ke Kuala Lipis. (*Ketawa*) Jarak di antara kedua daerah ini hanyalah lebih kurang 60 kilometer sahaja. Saya mendesak supaya jalan ini dibina kerana ura-ura untuk membina jalan ini telah dibuat di zaman kerajaan British lagi, iaitu kira-kira 40 tahun yang lalu. Saya sendiri telah mendengar daripada ibu bapa saya bahawa jalan ini akan dibina selepas merdeka. Sekarang orang-orang tua saya sudah tiada lagi sedangkan kita sudah lama merdeka. Oleh itu, janganlah sampai generasi yang ada sekarang sudah tiada, maka projek jalan tersebut masih belum dapat dilaksanakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pembangunan ada kosnya. Pembukaan tanah dan pembangunan yang tidak terurus di Cameron Highlands akan melenyapkan satu heritage yang telah mencipta nama di mata dunia sebagai pusat peranginan atau dahulu dikenali sebagai 'retreat dan rest area'. Oleh itu, kami di Cameron Highlands melaksanakan projek pembangunan dengan hati-hati. Di samping membekalkan sayur-sayur yang

segar, Cameron Highlands mengeksport bunga ke luar negara yang bernilai kira-kira RM40 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Hai, pendek sangat, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merayu kepada kerajaan negeri yang bersempadan supaya mengurangkan pembukaan tanah di sebelah bukit bersempadan. Jika ini tidak dilakukan, sudah tentu suhu di Cameron Highlands akan bertambah panas dan sayur-sayuran jenis 'highlands crop' dan bunga tidak akan dapat hidup dengan segar. Dengan ini, bunga-bunga tidak dapat dieksport ke luar negara seperti ke Holland dan beberapa negara Eropah. Jika ini berlaku, kita kehilangan beberapa juta wang 'foreign exchange'.

Kepada Kementerian Kerja Raya juga saya mendesak supaya jalan tanah tinggi yang menghubungkan Genting Highlands, Frazer's Hill dan Cameron Highlands dapat disegerakan. Pembinaan jalan ini juga menggalakkan pertumbuhan pelancongan dan juga pengeluaran sayur jenis tanaman tinggi dan bunga-bunga yang cantik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sudah mempunyai expertist dan pengalaman untuk mengeluarkan bunga yang cantik dan tahan lama dan boleh dieksport ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, daerah Lipis dan Cameron Highlands mempunyai potensi pelancongan yang besar untuk dimajukan hingga menjadi produk pelancongan bertaraf dunia. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, perbelanjaan R&D akan dipertingkatkan sekali ganda. Oleh itu, saya menyarankan satu kajian khusus untuk pembangunan agro-ecotourism akan dapat dilaksanakan di kawasan saya. Dengan ini saya pohon kepada Kementerian Pertanian atau juga

kepada Kementerian, Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membuat kajian khusus bagi merealisasikan potensi pelancongan di Lipis dan Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat kawasan luar bandar, saya tidak dapat menyentuh banyak lagi perkara yang boleh dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Saya telah berhati-hati tidak mengulangi perkara-perkara atau program-program yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk memanfaatkan masa.

Walau bagaimanapun, saya sangat setuju dengan cadangan-cadangan yang diutarakan. Isu-isu ini termasuklah jalan kampung, kemudahan perubatan dan sebagainya. Harapan saya, permohonan peruntukan yang diangkatkan kepada kerajaan janganlah dipotong, terutamanya permohonan-permohonan yang merupakan kemudahan infrastruktur yang telah lama dirancang. Satu daripadanya ialah seperti.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Amihamzah bin Ahmad: Ada sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada tiga empat baris lagi. Seperti jalan raya antara Bentong dan Kuala Lipis yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan ini telah dibina di zaman British lagi, iaitu kira-kira hampir 100 tahun yang lalu dan sehingga sekarang tidak banyak pengubahsuaian yang dilakukan. Oleh itu, zaman yang serba membangun ini, terutamanya jalan ini merupakan jalan yang singkat dan jalan alternatif ke negeri Kelantan dan Terengganu, maka sewajarnya ia dinaiktarafkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Segambut.

4.53 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong (Segambut): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya satu peluang membahaskan perkara di hadapan kita, iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pertumbuhan daya pengeluaran adalah kunci kepada pembangunan masa hadapan. Rancangan Malaysia Ketujuh siri yang ketujuh, cetakan biru Dasar Pembangunan Lima Tahun yang dirangka oleh kerajaan menjangka purata pertumbuhan tahunan sebanyak 8% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar bagi tempoh 1996 sehingga tahun 2000.

Menurut kerajaan, prospek pertumbuhan ekonomi akan bergantung kepada pertambahan daya pengeluaran, yakni kenaikan sumbangan oleh Faktor Keseluruhan Pertumbuhan Daya Pengeluaran (FKPDP), dengan izin, Total Factor Productivity. Kesannya secara perbandingan, pertumbuhan pelaburan akan berlaku pada kadar yang perlahan dan pertumbuhan pekerjaan yang rendah dapat dijangkakan untuk tempoh RMK-7.

Pihak kerajaan bersifat optimistik yang pertukaran polisi strategiknya dapat menambahkan penggunaan teknologi tinggi dan teknologi maklumat untuk menjanakan FKPDP yang wajib untuk mencapai pertumbuhan ekonomi berserta dengan kestabilan harga.

Tuan Yang di-Pertua, strategi ini adalah unggul dan sesuai kepada tahap pembangunan negara kita. Kami juga percaya cita-cita politik wujud untuk melaksanakan polisi ini. Tetapi kejayaannya memerlukan satu cita-cita yang tinggi dalam kemampuan negara untuk mempergunakan batas teknologi

dan penekanan kepada penggunaan yang cekap terhadap modal dan buruh dalam proses pengeluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa batas teknologi dapat dipindahkan kepada negara maju ke Malaysia. Tetapi, kami kluatir Malaysia tidak begitu bersedia untuk menghadapi perubahan yang secara mendadak. Ini dapat dilihat dengan kekurangan sumber tenaga manusia dalam bidang teknologi. Sistem pendidikan kita masih dalam peringkat pembaharuan dan penyempurnaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa kerajaan patut mempercepatkan proses pembaharuan dalam keseluruhan sistem pendidikannya untuk mengutamakan sains dan teknologi. Pelaksanaan polisi pendidikan sains dan teknologi seperti tertera di dalam RMK-7 tidak boleh dilengahkan. Kami mungkin lambat dalam bidang ini, tetapi kita boleh membuat perubahan secara mendadak ini dengan memastikan literasi komputer di dalam sistem persekolahan bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke tahap institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi pertumbuhan industri. Di kala kerajaan memindahkan polisi perindustrian dari bergantung kepada pasaran tempatan kepada pengeluaran untuk pasaran eksport, kerajaan mengharapkan firma-firma dapat melibatkan diri ke dalam operasi besar-besaran dan meninggikan pengeluaran untuk eksport. Polisi ini ditekankan kepada penyusunan semula industri yang strategik yang memajukan pertumbuhan modal dan teknologi intensif serta aktiviti-aktiviti berdasarkan ilmu. Industri-industri berikut telah dikenalpasti sebagai industri-industri utama untuk matlamat ini iaitu kejuruteraan dan jentera automotif, petrokimia, angkasa lepas, besi dan keluli.

Kerajaan akan bergantung kepada pembangunan dan penggunaan

pertumbuhan teknologi, khususnya di dalam bidang bahan-bahan termaju dan teknologi maklumat dan mikroelektronik, teknologi penghasilan maju, bioteknologi serta tenaga dan teknologi berhubung dengan alam sekitar untuk mewujudkan kawasan pertumbuhan yang baru di dalam sektor perindustrian dan untuk menghasilkan faktor keseluruhan pertumbuhan daya pengeluaran yang wajib.

Tuan Yang di-Pertua, polisi ini adalah unggul dan jika tercapai akan memberikan perpindahan sektor yang dikehendaki di dalam struktur industri. Tetapi rancangan ini tidak memberikan apa-apa tanda mengenai sama ada Malaysia mempunyai perbandingan kedudukan yang lebih baik dalam mengeluarkan aktiviti berdasarkan teknologi yang sebegitu tinggi. Jika kita tidak boleh dan tidak bersedia, maka perancangan terhadap hasil pengeluaran yang bermutu mungkin akan membebankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek infrastruktur yang besar. Dengan infrastruktural yang cekap dan rangkaian kemudahan awam amat penting untuk mempertahankan pembangunan ekonomi. Kerajaan merasakan adalah memadai untuk meneruskan perkembangan infrastrukturnya secara besar-besaran. Kami bersetuju bahawa pelaburan sebegini memakan masa yang panjang, tetapi adalah perlu untuk memenuhi bekalan permintaan jangka panjang sesebuah ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan RMK-6, kerajaan telah meningkatkan anggaran perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Dari jumlah peruntukan sebanyak RM19.2 bilion, sebanyak RM15.5 bilion telah diberikan kepada sektor pengangkutan; RM3.7 bilion untuk kemudahan awam dan RM15.6 bilion untuk sektor komunikasi.

Semua rakyat Malaysia bersetuju bahawa perkembangan kedudukan infrastruktur adalah satu syarat mutlak untuk pembangunan masa hadapan negara kita, tetapi kerajaan telah mengakui bahawa masalah ekonomi yang terlampau pesat dan defisit akaun semasa telah dikaitkan dengan pelaksanaan yang pesat projek-projek infrastruktur yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan di sini adalah sama ada kerajaan memang ingin menundakan pelaksanaan sebahagian daripada projek-projek yang telah dijanjikannya. Tidak ada tanda-tanda daripada pihak kerajaan yang menunjukkan projek-projek lain akan ditangguhkan atau beberapa banyak perancangan perbelanjaan pembangunan yang dahulu telah dikurangkan untuk mencapai matlamat RMK-7 ini kepada kadar pertumbuhan yang sederhana.

Pada faktanya, daripada jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak RM160.5 bilion di bawah RMK-7, peruntukan bagi akaun Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) adalah untuk 46.2% daripada jumlah ini. Perbelanjaan pembangunan bagi PABK adalah dianggarkan akan bertambah daripada RM48.9 bilion dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kepada RM75.0 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan jangkaan perbelanjaan yang masih tinggi, kawasan polisi ini nampaknya menjadi satu halangan kepada usaha-usaha kerajaan untuk menyederhanakan pertumbuhan seperti yang diramalkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dalam sektor kesihatan. Semua rakyat Malaysia mengalu-alukan polisi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang memberikan penekanan terhadap memperbaiki status kesihatan penduduk terutama sekali menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada kawasan luar bandar dan memastikan golongan berpendapatan

rendah dapat menggunakan fokus kerajaan dalam menggalakkan serta mencegah kesihatan adalah untuk mengurangkan perbelanjaan ke atas pemulihan kesihatan adalah dalam arah yang betul. Pada masa yang sama, adalah sangat menyegarkan dapat melihat bahawa kerajaan akan terus mendesak untuk menggalakkan pendidikan kesihatan melalui mass media dan program-program berdasarkan masyarakat untuk memastikan penduduk-penduduk akan memelihara cara hidup yang sihat.

Di sini ada dua kawasan yang perlu dibimbangkan berkenaan dengan penjagaan kesihatan iaitu kos dan kualiti perkhidmatan. Mengkorporatkan atau menswastakan sektor kesihatan adalah diandaikan dapat membawa kepada kecekapan di dalam bekalan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kalau proses penswastakan akhirnya membawa kepada struktur monopolistik di dalam industri penjagaan kesihatan, maka rakyat Malaysia akan berasa bimbang mengenai kenaikan dalam kos menggunakan perkhidmatan kesihatan.

Tidak kira sama ada perkhidmatan kesihatan akan diberikan oleh sektor awam dan sektor swasta, kerajaan mestilah memastikan bahawa kedua-dua kos dan kualiti perkhidmatan mestilah dipelihara. Pengkorporatan tidak semata-mata bermaksud sektor swasta boleh memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Bekalan perkhidmatan kesihatan oleh sektor awam bukan bermakna bahawa perkhidmatan penjagaan kesihatan mestilah lebih rendah mutunya daripada yang diadakan oleh sektor swasta.

Rakyat Malaysia mahu diyakinkan bahawa kemajuan dalam sektor kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh tidak akan membawa kepada kos pengguna yang tinggi dan kualiti yang rendah dalam bekalan perkhidmatan

penjagaan kesihatan. Adalah penting juga bahawa industri penjagaan kesihatan tidak akan mendiskriminasikan harga dalam memberikan perkhidmatan. Kami ingin melihat semua warganegara Malaysia, tidak kira tahap pendapatan mereka akan menerima kualiti yang sama dalam perkhidmatan kesihatan, sama ada diberi oleh sektor awam mahupun swasta.

Dengan pendapat ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas kebolehan menjangka keperluan-keperluan masa hadapan dan rancangan yang berani ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Negara kita akan dijamin untuk mencapai objektif Wawasan 2020 yang mana akan melonjakkan Malaysia untuk menjadi negara maju dan bermaruah.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Mas.

5.05 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita oleh kerana dapat membentangkan di Dewan yang mulia ini Rancangan Malaysia Ketujuh yang begitu bermakna dan akan memberi manfaat kepada seluruh lapisan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengulangi beberapa komen yang begitu baik yang disuarakan oleh beberapa ahli rakan Yang Berhormat khusus daripada Barisan Nasional dan secara ringkasnya saya mengatakan di sini bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh ini betul-betul akan membawa negara Malaysia

kita ke satu tahap yang boleh membanggakan kita semua.

Negara dan pemimpin-pemimpin kita akan dihormati oleh negara-negara jiran, negara-negara di Asia Pasifik dan juga negara Barat khususnya negara-negara yang sudah maju oleh kerana Rancangan Malaysia Ketujuh ini dapat dibentangkan dalam keadaan yang betul-betul memberangsangkan iaitu kita sedang mengalami keadaan politik yang stabil, pertumbuhan ekonomi yang pesat dan tidak dapat ditandingi oleh negara-negara jiran dan juga perpaduan kaum dan semangat kekitaan kepada negara dan pemimpin-pemimpin yang sekarang ini boleh dikatakan di tahap yang tinggi sekali. Dengan suasana dan latar belakang yang sedemikian, kita berharap Rancangan Malaysia Ketujuh akan dapat dilaksanakan dengan mudah dan akan membawa negara kita terus maju ke arah tahun 2020. Tahniah sekali Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan seluruh Kabinet beliau oleh kerana dapat memelihara suasana yang aman dan harmoni di negara kita secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin menyuarakan beberapa perkara iaitu pertama sekali mengenai cara perbahasan di Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyatakan bahawa saya merasa sedih sedikit oleh kerana ada segolongan orang yang ingin mengambil peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini dengan tujuan yang tertentu. Maksud saya di sini Tuan Yang di-Pertua, rakan kita di sebelah sana Yang Berhormat dari Jelutong. Malangnya sekarang tidak ada di sini. Sebetulnya Yang Berhormat dari Jelutong sedar bahawa dalam Dewan yang mulia ini ataupun Dewan Parlimen ini adalah yang tertinggi dalam negara kita ini, dengan izin, the highest policy and law making body in Malaysia dan juga Yang

Berhormat dari Jelutong sedar sebagai Wakil Rakyat yang berpengalaman, yang sudah lama berkhidmat sebagai Wakil Rakyat dan banyak kali berucap di Dewan yang mulia ini dan kita berharap jangan dia berselindung di belakang, dengan izin, the immunity provided by this House or this Dewan. Dan oleh kerana itu saya menyarankan tolong dan pakailah peluang yang baik ini untuk membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan sebaik-baiknya dan jangan pakai peluang ini untuk menghentam sesiapa yang dia tidak ingini. Misal kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ataupun Ahli Yang Berhormat dari Kota Samarahan ataupun pemimpin-pemimpin yang lain.

Janganlah berucap sebagai anak yang belum dewasa dan mengeluarkan kata-kata yang tidak sesuai, tidak baik didengar dan janganlah pakai perkataan yang unparliamentary. Kalau boleh, tingkatkan taraf perbahasan Ahli Yang Berhormat saudara dari Jelutong di Dewan ini. Mungkin seperti saudara Ahli Yang Berhormat di sebelah sana dari Kepong, saya puji oleh kerana mungkin membuat banyak homework sebelum berucap.

Tetapi yang menyakiti hati kita iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong selalu bercakap sebagai Peguam yang tidak bertanggungjawab, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, always passing sweeping statement, sweeping remarks. Misal kata, saya menyemakkan *Hansard* ini, dia selalu mengatakan misal kata, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, he said in English: "Not fit to be a Prime Minister", "Yang Amat Berhormat dari Kota Samarahan corrupt" dan Wakil Rakyat dari Sarawak, dia mengatakan, "tidak ada kualiti". Semua perkataan seperti ini tidak berasas, seharusnya tidak patut dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebagai a learned lawyer. Saya memohon supaya standard perbahasan Ahli Yang Berhormat dari

Jelutong dapat diperbaiki ataupun ditingkatkan sekali lagi.

Sehubungan dengan ini, oleh kerana saudara kita di sebelah sana dari Kepong ada di sini, tempoh hari dia mengatakan, boleh mengadakan satu kursus, kali ini saya menganjurkan supaya Ketua Pembangkang dapat berhubung dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, kalau boleh buat kursus untuk Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ataupun pihak-pihak pembangkang yang tidak begitu pandai berucap dalam Bahasa Malaysia, dengan izin, 'use the correct language at the correct time'.

Yang kedua, mengenai pembangunan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, teras Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk mempertingkatkan potensi pertumbuhan pengeluaran, mencapai transformasi struktur ekonomi serta pembangunan seimbang. Ada beberapa rakan Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telah menyuarakan pandangan mereka tentang pembangunan luar bandar, di sini saya tidak ingin mengulangi sekali lagi sebagai Ahli Parlimen yang mewakili kawasan pedalaman di negeri Sarawak, saya menyokong semua saranan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting di sini, ialah pembangunan yang seimbang, yang ditekankan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dengan perkembangan yang berjalan dengan begitu pesat di kawasan bandar. Kita berharap selepas berakhirnya Rancangan Malaysia Ketujuh, kawasan di pedalaman, kawasan luar bandar di seluruh negara tidak dapat berkembang dengan begitu maju, kalau setanding kemudahan-kemudahan asas patut ada dibekalkan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, semua matlamat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini

adalah baik tetapi yang saya ingin tegaskan dan menyarankan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dengan pembangunan luar bandar dan kementerian yang ada kaitan dengan pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat termiskin. Bolehkah kita memastikan selepas Rancangan Malaysia Ketujuh ini dilaksanakan nanti, kawasan luar bandar di Malaysia ini maju setaraf dengan kawasan di bandar. Dari segi kemudahan asas iaitu jalan raya, jalan kampung, jalan ke rumah panjang, air paip, bekalan elektrik, kawasan perindustrian, kawasan perumahan estet iaitu housing estate dan sebagainya. Apakah salahnya misal kata, industrial estate dapat ditubuh di kawasan luar bandar?

Saya berharap dengan kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan pembangunan di kawasan luar bandar misal kata daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi dan lain-lain harus mengambil kira secara total, satu strategi yang baru yang agresif, strategi yang luar biasa, yang dapat mengubah nasib dan masa depan rakyat kita khususnya di kawasan luar bandar. Jangan semua dasar ataupun polisi ini masih tinggal menjadi teori sahaja dan kita berharap dan selepasnya Rancangan Malaysia Ketujuh, masyarakat ataupun rakyat jelata di kawasan luar bandar boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakyat yang tinggal di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, iaitu mengenai Pan-Borneo Highway.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya sekali lagi menarik perhatian Menteri Kerja Raya tentang pembangunan jalan raya di Sarawak iaitu Pan Borneo Highway. Sebetulnya, Pan-Borneo Highway ini banyak kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, tetapi pada kali ini, maksud saya di sini

iaitu Pan Borneo Highway yang belum siap iaitu daripada Simpang Miri/Bintulu Road ke Nanga Mengamit di Limbang. Pan-Borneo yang belum siap ini jarak jauh kira-kira dalam lingkungan 237.2 kilometer dan yang belum pernah dibina jaraknya ialah 141 kilometer dan yang sekarang ini ada jalan dan harus diperbaiki 96.2 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, Pan-Borneo Highway ini banyak kali dibangkitkan. Tadi kita pun mendengar dari beberapa Wakil Rakyat dari Sarawak dan saya rasa sejak tahun 1984 ada rekod mengatakan kajian ini telah dilakukan oleh JICA Study Team daripada negara Jepun dan dalam tahun 1984 estimate yang diberikan oleh Japan International Corporation Agency (JICA) berjumlah hanya RM197.8 juta untuk kesemua Pan-Borneo Highway yang sampai sekarang belum lagi dibina.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya iaitu oleh kerana saya adalah Wakil Rakyat daripada kawasan Bukit Mas dan juga rakan sebelah sana daripada Barisan Nasional, daripada Parlimen kawasan Baram, ini adalah kawasan yang belum dibina lagi. Persoalan saya, adakah Pan Borneo Highway ini tidak penting dari segi sosio ekonomi ataupun pembangunan di kawasan tertentu itu, oleh kerana ongkosnya hanya RM197 juta?

Tuan Yang di-Pertua, malangnya ada projek berbilion-bilion projek-projek yang lain yang kita dapat laksanakan di Malaysia. Dan yang kedua, adakah Kerajaan Barisan Nasional bersimpati dengan suku kaum yang kecil, yang diam di kawasan Parlimen Baram dan kawasan Parlimen Bukit Mas khususnya kaum Orang Ulu, suku kaum Kayan, Kenyah, Perawan, Lembawang, Kelabit dan Penan.

Oleh kerana pembinaan jalan raya ini akan membangunkan kawasan tersebut dan secara langsung dapat meninggikan taraf sosio ekonomi mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca rekomendasi yang dibuat oleh JICA Study Team mengenai jalan raya Pan Borneo Miri/Bintulu/Long Lama/Nanga Mengamit di Limbang, dengan izin, is in English, Tuan Yang di-Pertua:

The entire project from Miri/Bintulu Road to Limbang is considered to be economically feasible, it is recommended however that the project be implemented in the following stages in descending order of economic effects:-

First stage - Miri/Bintulu Road/Long Lama Section, Nanga Mengamit-Limbang section should be open for traffic in 1985.

Second stage - Long Lama/Gunung Mulu Junction including the bridge at Batang Baram to be constructed by 1990.

Third stage - Gunung Mulu Junction/Nanga Mengamit section to be constructed by 1995.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya sekarang ini memanglah tahun 1996 dan kita membentang Rancangan Malaysia Ketujuh hanya rekomendasi first stage itu 50% yang dilaksanakan. Oleh kerana itu saya memohon jasa baik sekali lagi Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, apalah salahnya teruskanlah projek Pan Borneo Highway ini supaya kita tidak payah melalui negara Brunei Darussalam. Sekiranya negara Brunei Darussalam tidak ingin perpaduan dengan Malaysia, dia tutup hujung sebelah sini ke Miri, tutup ke Limbang, kita tidak dapat berjalan daripada Kuching sampai ke Kota Kinabalu mengikut jalan raya.

Dan juga dalam rekomendasi JICA Study Team ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam paragraph 15, saya baca dalam Bahasa Inggeris:

"In order to maximise the benefit expected to be obtained from the implementation of the project, it is strongly recommended to promote the following schemes along the road transaction:

- (a) development of Long Lama as sub-regional centre;
- (b) utilisation programme of Gunung Mulu National Park;
- (c) programme development of road side agricultural potential areas;
- (d) development of major commodities in roadside areas;
- (e) comprehensive tourism development in the entire areas.

Tuan Yang di-Pertua, ada lima sebab yang begitu penting sekiranya Pan-Borneo Highway ini diteruskan seperti rekomendasi yang diberi oleh JICA Study Team ini. Justeru itu saya sekali lagi memohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, yang saya berpendapat adalah Menteri yang begitu peka dan prihatin terhadap masalah rakyat luar bandar atau kalau boleh teruskan pembinaan jalan raya Pan Borneo Highway ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh oleh kerana ia secara langsung dapat menguntungkan masyarakat kami, Tuan Yang di-Pertua, Orang Ululah, saya. Kadang-kadang malu juga mengatakan Orang Ulu because we are the Orang Aslian Sarawak but, Tuan Yang di-Pertua, that is my duty, dengan izin.

Yang keempat, pergerakan rakyat dari Sarawak, Sabah ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya ingin bertanya kepada Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, bagaimanakah kita dapat merapatkan lagi hubungan yang mesra di antara penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan

Sabah. Maksud saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu bagaimanakah kita dapat mempertingkatkan pergerakan rakyat jelata dari Sarawak ke Semenanjung, dengan izin, the movement of the ordinary people from Sarawak to Semenanjung. Jadi, pertanyaan saya kepada kedua-dua kementerian ini oleh kerana saya rasa sekiranya kita dapat mempertingkatkan pergerakan rakyat yang berpendapatan rendah dari Sarawak ke Semenanjung, ia dapat mempertingkatkan pelancongan di dalam negeri dan selain daripada itu ia dapat membantu di dalam usaha kita untuk memupuk semangat integrasi nasional.

Kita banyak kali membangkitkan tentang masalah kapal terbang dengan tambang yang begitu tinggi, malangnya tidak ada penyelesaian. Yang saya akan cadang di sini, apakah salahnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ataupun dengan bantuan daripada Jabatan Perdana Menteri, tolong beri satu geran, misal kata, RM100 juta, hidup semula feri Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, supaya orang Sarawak dan Sabah dapat datang ke Semenanjung dan orang Semenanjung pergi ke Sarawak dan Sabah dengan senang, dengan mudah, oleh kerana misal kata, dari kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dari Lawas, Limbang ke Kuala Lumpur, dengan izin, economic class, makan belanja tambang pergi balik RM1,000 lebih dan ramai orang dari Sarawak tidak sempat datang ke Semenanjung.

Oleh kerana matlamat Feri Malaysia ini baik, saya rasa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan harus ambil kira dan itulah sebabnya saya katakan tadi kalau kita betul-betul ingin memupuk semangat perpaduan dan mempertingkatkan integrasi nasional di antara kita dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung, caranya iaitu untuk mempertingkatkan, dengan izin, to increase the mobility of ordinary people so that they can mix together. Dengan itu

apakah salahnya Feri Malaysia sudah gagal kita cuba, mungkin beri nama baru, Feri Nasionalkah, Feri Muhibbahkah dan saya cadang minta semua kerajaan negeri memberi sumbangan untuk Feri yang baru ini supaya kita dapat memberi peluang kepada rakyat yang miskin, tengok, dengan izin, the two KL Towers, the tallest in the world, misal kata dan saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan juga kementerian yang berkenaan dengan perpaduan rakyat harus ambil kira.

Yang kelima, iaitu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuara sedikit tentang resolusi European Parliament tentang Bakun Hydroelectric Power. Di sini, saya terus terang, Tuan Yang di-Pertua, I don't have any interest Bakun HEP, yang penting iaitu negara-negara Barat selalu menyentuh hal Bakun Hydroelectric Power. Kita merasa sedih sedikit oleh kerana sekali lagi European Parliament telah menghentam Bakun Hydroelectric Power Project ataupun negeri Sarawak secara tidak langsung negara kita Malaysia. Mereka membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan Bakun dan Tropical Hardwood. Saya menyaran kepada Kementerian Luar Negeri supaya membuat satu langkah yang bijaksana supaya, dengan izin, this interference of the European Parliament on the internal affairs of our country, kalau boleh kita dapat beritahu kepada mereka we can rule our country dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Michael Lisa Kaya: Perkara ini harus dijelaskan oleh kementerian dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua : Baram.

5.27 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram): Terima kasih,, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai dengan Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin 6hb Mei 1996 di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional serta pegawai-pegawai kerajaan kerana menyediakan satu rancangan negara yang amat komprehensif dan merangkumi semua aspek pembangunan yang bertujuan memberi keselesaan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangga dengan pencapaian negara kita sepanjang tempoh dua setengah dekad semenjak tahun 1970 Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan dari segi pertumbuhan ekonomi serta memenuhi objektif sosialnya. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pada kadar purata 8% setahun pertumbuhan ekonomi dicapai dalam suasana inflasi secara relatifnya rendah, kemajuan pesat dalam usaha mengurangkan kemiskinan telah tercapai, pendapatan perkapita meningkat daripada RM1,106 pada tahun 1990 kepada RM9,786 pada tahun 1995. Kita sedar bahawa pertumbuhan ekonomi yang tinggi ini menghasilkan perubahan secara beransur-ansur daripada bergantung sebahagian besarnya kepada pengeluaran dan eksport komoditi utama kepada ekonomi perindustrian yang lebih moden.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kejayaan pertumbuhan ekonomi kita, cabaran baru akan timbul dan ini memerlukan penyesuaian ke atas dasar dan program yang sedia ada serta pelaksanaan pendekatan baru juga. Saya yakin strategi-strategi, langkah-langkah dan program-

program yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah tepat untuk menghadapi cabaran masa depan semasa kita menuju ke arah Wawasan 2020.

Saya bersetuju bahawa bagi memastikan dasar di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini, sentiasa sesuai dan selaras dengan perkembangan masa dan persekitaran flexibility dan pragmatism akan terus merupakan unsur yang penting dalam melaksanakan dasar. Kreativiti dan daya inovasi sentiasa kita galakkan untuk memastikan prestasi akan sentiasa meningkat bagi mencapai pembangunan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa peningkatan pendapatan perkapita negara dari segi isi rumah mencatat pertumbuhan pendapatan yang positif dalam Rancangan Malaysia Keenam. Apa yang kita bimbang ialah pengagihan pendapatan di antara isi rumah di bandar dan di luar bandar. Nisbah ketidaksamaan pendapatan meningkat dari 1:1.7 pada tahun 1990 kepada 1:20.0 pada tahun 1995. Jika kita tidak mengatasi peningkatan nisbah ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tentulah usaha kita menyusun semula masyarakat dan pengagihan pendapatan itu kurang berkesan.

Dalam hal ini, saya berharap kerajaan akan memberi penekanan yang lebih untuk meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar termasuk isi rumah yang miskin di bandar. Perhatian khusus perlu diberi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi dan program pengagihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara satu sebab nisbah ketidaksamaan pendapatan itu meningkat ialah kerana negara kita ini masih mempunyai rakyat Malaysia yang miskin. Kemiskinan ini ialah salah satu penyakit sosial yang tidak pilih kaum,

masyarakat dan bangsa. Jika kita tidak mempunyai program yang berkesan untuk membasmikannya, tentu ia akan merebak dalam kemasyarakatan kita sepanjang generasi yang akan datang. Justeru itu, kita berasa bangga oleh kerana pencapaian usaha kita untuk mengurangkan kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan pengagihan pendapatan dalam Rancangan Malaysia Keenam, adalah dikatakan cemerlang.

Dari rekod kita, kemiskinan rakyat Malaysia telah berkurang daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.0% pada tahun 1995. Di kawasan luar bandar kadar kemiskinan berkurangan daripada 21.1% pada tahun 1990 kepada 15.3% pada 1995. Bagi golongan termiskin pula, kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 3.9% pada tahun 1990 kepada 2.1% pada tahun 1995. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pula, kita juga berhasrat akan mengurangkan kadar kemiskinan ini ke paras 6% dan kadar kemiskinan golongan termiskin pada kira-kira 0.5%.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengululukan hasrat kerajaan untuk mengambil tindakan yang positif untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Program PPRT seperti bantuan membina rumah, ASB, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dan lain-lainnya adalah sangat baik dan memberi manfaat yang besar kepada rakyat miskin. Saya menyanan supaya program ini dilaksanakan dengan kesannya di seluruh Malaysia, terutamanya kepada negeri dan daerah termiskin, masyarakat Orang Asli dan golongan termiskin di bandar. Saya juga menyanan supaya semua agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program ini diselaras mengikut satu pendekatan iaitu 'integrated approach' dengan izin, supaya faktor kos dan kegunaan tenaga manusia boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak lagi rakyat Malaysia, terutamanya orang miskin di luar bandar, khususnya di kawasan saya di Baram yang belum lagi menikmati program ini, saya minta supaya kerajaan menjalankan satu kajian untuk memperkenalkan dan seterusnya mendaftar rakyat-rakyat miskin di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita menekan pertumbuhan ekonomi di bandar, kita juga harus memberi kepentingan kepada pembangunan luar bandar kerana 45.3% penduduk Malaysia kini adalah di luar bandar. Kita semestinya perlu melaksanakan program yang bertujuan untuk membangun dan memodenkan ekonomi luar bandar seperti pembangunan pertanian, pembangunan tanah, industri di luar bandar, pembangunan infrastruktur dan pembangunan berasas sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak, pembangunan luar bandar adalah sangat penting, kerana Sarawak mempunyai aset tanah yang luas. Keluasan tanah di Sarawak yang belum diterokai adalah kurang lebih 6.7, 65 juta hektar. Aset seperti ini patutlah dibangunkan supaya memberi peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar menikmati kejayaan pembangunan negara kita. Program-program pembangunan pertanian dan pembangunan tanah perlu dipertingkatkan tinggi lagi supaya sektor ini juga boleh menyumbang kepada KDNK negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang pembangunan kawasan saya iaitu P.191 di Baram. Baram ialah satu kawasan luar bandar yang luasnya 22,800 kilometer persegi dan mempunyai kurang lebih 80,000 penduduk. Tanahnya subur untuk pembangunan pertanian, akuakultur, perhutanan, buah-buahan dan lain-lain. Oleh kerana kawasan Baram ini luas, dan sangat berpotensi untuk dibangun, saya

bercadang supaya kerajaan menjalankan satu kajian feasibility di kawasan itu untuk menentukan satu master plan pembangunan bagi Lembah Baram.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan perasaan saya ialah kawasan ini terlalu mundur dari segi pembangunan jika dibanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Dalam jangka Rancangan Malaysia Keenam, pembangunan di Baram adalah minimum sahaja. Banyak isu belum diselesaikan seperti pendaftaran kad pengenalan, penduduk-penduduk, perumahan untuk masyarakat, kekurangan penjana elektrik, bekalan air bersih ke kampung rumah panjang, kemudahan-kemudahan bomba, kemudahan-kemudahan klinik dan lain-lain lagi. Jalan-jalan baru tidak ada dibina dalam jangka lima tahun yang lalu. Oleh yang demikian, saya minta supaya kerajaan memberi peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini untuk membina jalan yang berikut.

Yang pertama, menurap jalan raya Pan Borneo dari Miri, Beluru, Long Lapuk yang keadaannya terlalu teruk, berlumpur musim hujan, berdebu musim panas. Sepertimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas tadi, saya juga hendak sentuh tentang jalan raya Pan Borneo ini supaya dari Long Lapuk, Pan-Borneo disambung dan dibina dari ke Long Lama terus ke Marudi, Mulu, Limbang dan Lawas.

Sektor ini sahajalah yang dikatakan the missing link, dengan izin, untuk kita merealisasikan jalan raya Pan-Borneo yang berada di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Saya menyeru supaya jalan ini boleh dibina dalam jangka Rancangan Malaysia Ketujuh ini sebelum kita masuk ke abad 21. Jika jalan ini dibina, tentu kita boleh membangunkan tanah yang berpotensi dan luas di kawasan tersebut. Jalan Pan-Borneo ini juga akan mempertingkatkan lagi integrasi di antara

negeri Sarawak dan Sabah dan menyumbangkan kepada pembangunan BIMP-EAGA di rantau tersebut.

Yang keduanya yang saya hendak sentuh ialah Jalan Miri ke bandar Marudi. Jalan utama ini telah dirancang beberapa lama dahulu, tetapi jalan ini belum lagi dibina sehingga sekarang. Saya bimbang jika jalan ini tidak dibina, tentu bandar Marudi yang menjadi pusat daerah Baram akan lebih mundur dan disisihkan dari arus pembangunan. Saya ingin tahu bilakah kedua-dua jalan yang saya sebut ini boleh dibina kerana kita terlalu lama menunggu iaitu 33 tahun semenjak kita merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta kerajaan mempertingkatkan lagi klinik desa di Long Lama, Long San, Bario, Long Mato, Long Panai dan juga di Long Jigan. Saya berharap lapangan terbang di Long San boleh disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini kerana projek ini telah lama dirancang.

Saya juga menyarankan supaya Long Lama dinaikkan tarafnya ke taraf daerah dan Long San dijadikan satu subdistrict oleh kerana penduduk di Hulu Baram sukar untuk menerima perkhidmatan dari pegawai pentadbiran kerajaan di kawasan tersebut. Saya juga meminta projek tenaga mini hidro dibina di kawasan Apo-Tutoh, Long San dan juga di Liomato. Inilah pusat-pusat di mana para penduduk ramai di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana memilih Long Lama di kawasan Baram untuk dibangunkan sebagai satu pusat pertumbuhan desa iaitu PPD. Projek ini adalah sangat bermakna bagi kaum Orang Ulu yang terlibat kerana mereka belum pernah lagi menikmati projek yang besar seperti ini. Dengan adanya projek PPD ini, beribu-ribu hektar tanah asal

bumiputera, khususnya NCL land, dengan izin, boleh dibangunkan untuk kawasan kelapa sawit secara komersil. Projek ini tentu meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk di kawasan itu dan mempertingkatkan lagi mutu kehidupan mereka. Saya berharap, peruntukan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi PPP di Long Lama ini yang berjumlah RM31.2 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini boleh diperuntukkan dengan bermurah hati.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun arah aliran trend kemerosotan bahagian sektor pertanian kepada KDNK daripada 18.7% pada tahun 1990 kepada 13.6% pada tahun 1995, sektor pertanian masih lagi penting bagi negara kita, terutamanya untuk menukar ekonomi luar bandar serta menjamin sekuriti makanan negara.

Kita sepatutnya jangan bimbang kerana arah aliran seperti ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara semakin bergantung kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan, pembuatan dan industri-industri yang lain.

Memandangkan peralihan ekonomi ke arah negara perindustrian dan kelemahan struktur yang diwujudkan dalam sektor pertanian, saya bersetuju bahawa pendekatan yang lebih strategik akan diamalkan untuk memampakan pertumbuhan pertanian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Strategi dan program sepertimana yang terkandung dalam Dasar Pertanian Negara atau DPN dahulu perlulah dikaji semula. Pembangunan pertanian harus memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti melalui penggunaan sepenuhnya sumber pertanian yang lebih cekap. Saya bersetuju dengan pendekatan yang dicatat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh seperti penggalakan sektor swasta, mengambil bahagian dalam industri pertanian, mempertingkatkan lagi PNP,

mempercepatkan lagi penggunaan mekanisasi dan automasi dalam bidang pertanian dan lain-lain lagi untuk mempertingkatkan lagi produktiviti pertanian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Jadi, untuk mengakhiri ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyarankan dari segi subsidi supaya janganlah ditarik balik subsidi kepada pekebun-pekebun kecil ini dahulu selagi kita belum lagi memberi alternatif untuknya.

Dengan ucapan yang demikian, saya menyokong cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pengkalan Chepa.

5.47 ptg.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pada 6hb Mei 1996 yang lepas, Perdana Menteri telah membentangkan draf Rancangan Malaysia Ketujuh yang menggariskan perancangan ekonomi negara bagi tempoh tahun 1996 hingga tahun 2000.

Tumpuan kerajaan pada 5 tahun akan datang sudah pasti menjurus kepada sektor ekonomi. Ini terbukti apabila sektor ini menerima peruntukan RM33.7 bilion, iaitu separuh daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM67.5 bilion. Ini berbanding hanya RM19.8 bilion atau 29.3% yang diperuntukkan bagi sektor sosial.

Walaupun peruntukan persekutuan kepada sektor sosial bertambah pada

jumlah dan peratus berbanding Rancangan Malaysia Keenam, namun peruntukan kepada subsektor kesihatan menurun dari segi peratus. Menerusi Rancangan Malaysia Keenam, subsektor ini menerima peruntukan RM2.5 bilion atau 4.3%. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, ia menerima RM2.7 bilion atau hanya 3.9% iaitu kekurangan sebanyak 0.4%. Adakah pengurangan ini merupakan langkah awal bagi penswastaan hospital-hospital seperti yang disuarakan oleh pemimpin kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara utama yang perlu diberikan perhatian dalam draf Rancangan Malaysia Ketujuh. Pertama, ialah penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara dan kedua, penerusan dasar penswastaan negara. Statistik yang dikeluarkan oleh kerajaan menyebut bahawa bumiputera hanya memiliki 20.6% daripada keseluruhan hak milik modal saham syarikat berhad bagi tahun 1995 berbanding dengan 19.3% bagi tahun 1990. Peningkatan 1.3% pemilikan bumiputera dalam tempoh 5 tahun bukanlah satu perkara yang boleh dibanggakan, lebih-lebih lagi apabila ia lebih banyak tertumpu kepada syarikat-syarikat gergasi yang diswastakan oleh kerajaan. Angka ini juga jauh ketinggalan daripada sasaran 30% pemilikan bumiputera seperti yang digariskan oleh Dasar Ekonomi Baru.

Selain daripada itu, modal bumiputera yang kecil ini dimiliki oleh hanya segelintir tokoh-tokoh korporat yang berada di keliling pinggang pemimpin-pemimpin negara. Kelompok kecil inilah yang benar-benar menikmati peluang yang diberikan oleh kerajaan. Mereka ditatang bagaikan minyak yang penuh dengan alasan mereka adalah tulang belakang ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 25 entiti ataupun projek mewah ataupun projek utama telah dikenal pasti untuk diswastakan. Perancangan ini

meliputi antaranya projek kontroversi Hidro Bakun, Perwaja Steel Bhd., rangkaian lebuh raya, pelabuhan dan hospital. Walaupun penswastaaan seperti yang didakwa oleh Perdana Menteri telah memberi faedah yang besar kepada Malaysia, namun kepincangan dasar ini dan bebanan yang terpaksa dipikul oleh majoriti rakyat dari pelaksanaan dasar berkenaan sepatutnya menyedarkan kerajaan untuk mengkaji semula perkara ini. Penswastaaan tidak selalunya menjanjikan perkhidmatan yang lebih baik. Contoh yang popular ialah kes Indah Water Konsortium (IWK). Malahan hasil dari penswastaaan, rakyat terpaksa menanggung beban peningkatan kos seperti kadar bayaran tol dan caj perkhidmatan kesihatan. Keadaan ini sudah tentu tidak membantu kerajaan dalam usaha mensifarkan inflasi.

Dalam kesempatan yang berharga ini, kami ingin menasihatkan kerajaan supaya lebih peka dan bertanggungjawab dalam melaksanakan social obligation kepada rakyat yang telah memberikan mandat yang besar di dalam pilihan raya lepas. Kami bimbang privatisation akan bertukar menjadi piratisation. Satu cara mudah untuk menguasai harta-harta awam oleh kelompok elit ekonomi dengan restu dan sokongan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang pilihan raya umum yang lepas Perdana Menteri telah berjanji akan meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 (Pindaan) 1991 yang telah mencetuskan banyak kontroversi dan ketidakadilan kepada rakyat. Sekarang setelah memberikan mandat yang besar kepada Barisan Nasional, rakyat menuntut janji tersebut ditunaikan. Akta draconian dan zalim ini telah menimbulkan banyak kesan buruk kepada rakyat terutamanya orang-orang Melayu. Peristiwa pahit dan sedih di Pantai Kundur Melaka dan Kerpan, Kedah masih segar dalam ingatan kita. Kini para petani di Lembah Bujang, Kedah akan menerima

nasib yang sama apabila tanah-tanah mereka akan diambil oleh kerajaan. Rancangan Kerajaan Kedah untuk membangunkan kawasan seluas 6,600 hektar di Lembah Bujang untuk projek Bujang Valley International Resort menimbulkan kegelisahan penduduk yang terbabit. Kawasan Lembah Bujang ini menurut kenyataan Menteri Besar Kedah akan meliputi tiga mukim iaitu Mukim Semeling, Mukim Merbuk dan Mukim Bukit Meriam. Projek ini melibatkan pengambilan tanah rakyat yang lebih besar berbanding dengan rancangan Jerai International Park yang telah dibatalkan dua tahun yang lepas. Saya menimbulkan perkara ini kerana nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kedah tidak berminat menyuarakannya. Boleh jadi mereka tidak sensitif terhadap masalah rakyat ataupun mereka dihindangi oleh sindrom bisu ataupun mereka sibuk dalam teka-teki mencari siapa Menteri Besar Kedah yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat bukti-bukti bahawa atas nama pembangunan ekonomi dan untuk tujuan awam tanah-tanah kepunyaan rakyat diambil secara zalim daripada mereka dan kemudiannya diberikan kepada swasta. Kontroversi pengambilan tanah terutamanya di Kedah ini merupakan bukti nyata bagi kenyataan kita. Kerana itu kami meminta pihak kerajaan menyegerakan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah ini terutamanya seksyen 3(a), 3(b) dan 68(a) bagi memastikan keadilan diperolehi oleh para pemilik tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kami bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa kualiti sumber manusia merupakan aset dan penyumbang terbesar kepada pembangunan negara. Kalimah kualiti walau bagaimanapun, perlu difahami dalam pengertiannya yang luas dan menyeluruh. Ia tidak sepatutnya merujuk hanya kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan kecekapan bekerja semata-

mata. Manusia berkualiti ialah mereka yang memiliki pegangan agama yang kukuh, mempunyai tasawur yang jernih, berakhlak mulia dan iltizam dengan dasar-dasar kebenaran dan keadilan di samping memiliki ilmu-ilmu semasa, mempunyai kemahiran dan technical know-how. Lantas, usaha-usaha ke arah melahirkan manusia seimbang perlu dipertingkatkan melalui aspek pendidikan. Kami bersetuju dengan cadangan Ketua Pengarah IKIM agar dualisme pendidikan dihapuskan di dalam negara kita ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Minta maaf. Masa tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Sistem pendidikan negara yang sekularis (*Diganggu*) telah memberikan natijah yang pahit kepada bangsa kita. Sementara kita berbangga dengan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita yang meningkat, masalah penagihan dadah mencapai tahap di luar kawalan, bilangan pesakit AIDS terus meningkat dan soal keruntuhan moral anggota-anggota masyarakat terus menghantui fikiran dan menjadi mimpi ngeri kepada kita semua. Kerana itu, sebagai langkah sementara sebelum kita menghapuskan dualisme pendidikan yang ada, kita suka mencadangkan kepada kerajaan supaya membanyakkan pembinaan sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini dan juga memperkenalkan aliran sains di sekolah-sekolah menengah agama yang belum lagi menawarkan aliran tersebut. Kerana kita percaya masalah-masalah masyarakat

yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini hanya akan dapat diatasi dan diubati dengan meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama di dalam diri mereka.

Kita percaya dengan meningkatkan pembinaan sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama ini akan dapat membantu untuk melahirkan sumber manusia yang berkualiti dalam pengertiannya yang menyeluruh dan dapat membangunkan negara ini menjadi sebuah 'baldatun toiyibatun warabbun Ghafur' - negara makmur yang direndhai oleh Tuhan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerlun. Maaf, Yang Berhormat Jerlun. Nanti sekejap ya. Ada satu Usul. Sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Ahli-ahli bukan kerajaan yang akan berucap selesai berucap atau sehingga jam 8.45 malam yang mana lebih terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Minta sokongan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di atas nama Timbalan Menteri yang mencadangkan bahawa mesyuarat pada malam ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua ahli-ahli yang bukan kerajaan yang akan berucap, selesai berucap atau sehingga jam 8.45 malam yang mana yang terdahulu hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Ahli-ahli bukan kerajaan yang akan berucap selesai berucap atau sehingga jam 8.45 malam yang mana lebih terdahulu.

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Jerlun, sila.

5.57 ptg.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli (Jerlun): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut berucap membahaskan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Parlimen yang mulia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Kabinet serta pegawai-pegawai kerajaan yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi merangka Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan bermula pada tahun 1996 sehingga tahun

2000 yang dibentangkan pada 6hb Mei yang lalu.

Jika kita amati ucapan Yang Amat Berhormat dan jika kita teliti isi kandungan buku Rancangan Malaysia Ketujuh ini yang merangkumi berbagai aspek daripada permulaannya yang memperlihatkan pencapaian ekonomi makro negara sehinggalah kepada keadaan bagi alam sekitar di negara kita dalam usaha kerajaan untuk mempertingkatkan, memartabatkan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, maka penyediaan yang sedemikian rupa adalah perlu sebagai garis panduan bagi dilaksanakan oleh kerajaan dan pelaksana-pelaksananya. Apakah peranan kita bersama di dalam menghayati pelaksanaan supaya rancangan ini menjadi satu kenyataan.

Yang penting bagi kita orang-orang politik sama ada terutamanya daripada parti kerajaan mahupun daripada pihak pembangkang, kita haruslah melihat perspektif penyediaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini daripada segi perspektif yang positif. Positif untuk kita membangunkan negara kita, untuk kita membangunkan rakyat kita dan untuk kita melihat kemajuan yang dicapai oleh negara dan kemajuan yang dicapai oleh rakyat kita.

Kita mahu di dalam tempoh beberapa penggal yang akan datang, berpandukan pengalaman kita, bukan sahaja kita telah dapat meningkatkan pencapaian ekonomi di dalam negara kita, tetapi di samping itu kita juga telah dapat mencapai kestabilan politik.

Yang penting bagi kita ahli-ahli politik, seperti yang telah saya jelaskan tadi, kita harus melihat dari segi positif bagaimana untuk kita menyemarakkan, bagaimana harus kita mengambil iktibar dengan peluang yang ada ini untuk kita mensepadukan keadaan politik di dalam

negara kita dan kita tidak harus menghasut rakyat memberikan gembur-gembur kepada rakyat tentang perkara-perkara yang negatif. Kita tahu akibat daripada kenyataan-kenyataan kita yang seumpama itu, terutamanya pihak pembangkang, walaupun untuk kepentingan politik mereka tetapi rata-rata rakyat sudah tidak dapat menerima perkara-perkara yang negatif.

Rakyat hari ini sudah pandai berfikir. Rakyat sudah melihat di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional, mereka telah hidup dengan begitu baik dan telah dapat mencari rezeki, mereka telah dapat menunjukkan kebolehan mereka dan mereka telah dapat menggunakan anggota, tenaga yang ada kepada mereka bagi bekerja untuk membina negara.

Jadi, jika pemimpin-pemimpin parti politik, jika kita dapat menggerakkan senario ini ke arah yang lebih positif, maka sudah tentulah pencapaian yang dirangkakan oleh kerajaan tercapai dengan lebih baik dan jika ini dapat kita laksanakan maka inilah satu lagi jasa besar kita kepada rakyat untuk dikenang oleh generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kita mempunyai peranan yang penting, semua orang sedar kita memainkan peranan sebagai ahli politik untuk membina negara kita, bukan sahaja dari segi idea kita untuk kita melahirkan pendapat idea-idea kita tetapi juga pandangan-pandangan kita selalunya diambil kira oleh rakyat. Oleh kerana itu, jika kita tahu betapa pentingnya peranan kita sebagai ahli politik di dalam tugas kita untuk membina negara ini, maka kita harus menerangkan kepada rakyat tentang kerja kuat yang sedang dilakukan oleh kerajaan kita.

Maka ini Rancangan Malaysia Ketujuh, satu rancangan yang flexible, yang begitu baik, yang disediakan oleh pemimpin-

pemimpin kita dan para cerdik pandai kita, maka kita harus jangan mensia-siakan segala masa, fikiran, pengorbanan yang mereka telah berikan. Kita harus berbangga dengan pencapaian yang telah dicapai oleh negara kita dari segi mempopularkan lagi negara kita.

Negara kita ini sudah pun dikenali di dunia. Negara kita terkenal bukan sahaja kerana kewibawaan pemimpin-pemimpin tetapi kerana peranan yang telah diberikan oleh rakyat kepada kita. Peranan parti-parti politik yang ada di dalam negara kita, yang peka terhadap tugas dan peranan kita masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tugas kita harus mempertingkatkan penerangan, penjelasan kita kepada dunia luar supaya negara kita ini lebih dikenali lagi. Di sinilah peranan Kementerian Penerangan kita. Kementerian Penerangan yang sudah disusun sedemikian rupa dari semasa ke semasa, jika kita bandingkan Kementerian Penerangan tentang peranan dan fungsi tugas mereka di zaman darurat dahulu sehinggalah sekarang ini, sudah tentulah peranan mereka ini sudah berubah. Tetapi, apa yang penting bagi kita, mungkin peranan ini dapat diperbaiki lagi oleh pihak jabatan ataupun Kementerian Penerangan melalui agensi-agensi di bawah mereka.

Maklumat-maklumat oleh agensi-agensi penerangan di bawah Jabatan Penerangan ini cukup penting bagi rakyat, infrastruktur, kemudahan asas dari segi teknologi maklumat, haruslah diperbekalkan diadakan ataupun dipertingkatkan siaran-siaran radio kita, siaran-siaran televisyen kita dan juga media cetak kita haruslah bukan sahaja berada di lingkungan yang ada sekarang tetapi haruslah tidak ada sempadan, misalannya radio kita haruslah didengari seberapa jauh yang boleh kepada pendengar-pendengar di seantero dunia ini.

Kita tidak mahu lagi melihat frequency radio kita, televisyen kita direbut-rebut dengan frequency yang terdapat di negara-negara jiran terutamanya dari negara Thailand. Frequency radio kita yang siarannya berebut-rebut dengan negara jiran dan akibatnya dengan kerana siaran ini memihak kepada negara jiran, berlakulah bukan sahaja kepada radio tetapi juga kepada siaran televisyen kita terutama di kawasan sempadan di utara Semenanjung.

Jadi, kita berharap Rancangan Malaysia Ketujuh ini, perkara ini mestilah diselesaikan oleh pihak Kementerian Penerangan dan kita berharap bukan sahaja penjelasan siaran-siaran ini akan jelas, akan dapat didengar dengan jelas tetapi dapat ditonton dengan terang oleh negara-negara jiran, kerana kita tahu penduduk di rumpun Melayu mempunyai hampir-hampir 250 juta orang yang bertutur Bahasa Melayu, yang bahasa pertuturan harian mereka adalah Bahasa Melayu.

Jika melalui media massa ini, radio dan televisyen kita, dapat dipancarkan dan dapat ditonton, didengar oleh 250 juta penduduk ini, maka sudah tentulah satu sumbangan kita ke arah peningkatan penguasaan bahasa yang standard di kawasan rumpun Melayu kita, bukan sahaja radio dan televisyen tetapi juga media cetak, akhbar-akhbar, surat khabar, kita haruslah dilanggan, haruslah disebarikan melepasi sempadan, bukan sahaja di utara Semenanjung ini, di Bukit Kayu Hitam ataupun di Rantau Panjang. Surat khabar kita hendaklah merentasi sempadan-sempadan itu, masuk jauh ke daerah pedalaman negeri Thailand. Banyak orang Melayu yang bertutur Bahasa Melayu, yang boleh membaca Melayu, sama ada melalui pembacaan rumi atau jawi akan melanggan akhbar-akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia atau melanggan akhbar-akhbar Utusan Melayu dan jika ini dapat kita laksanakan, maka satu lagi pendekatan kita untuk

membina satu rumpun Melayu di kepulauan Melayu akan dapat kita laksanakan bukan sahaja di daerah-daerah sempadan ini tetapi juga di negara-negara tetangga kita termasuklah Singapura dan negara-negara Indonesia dan juga di sebelah selatan Filipina dan jika ini dapat kita laksanakan, maka hasrat kita untuk kita mempertingkatkan penggunaan Bahasa Melayu dengan lebih luas akan dapat kita sebarikan ke kawasan rumpun Melayu di kepulauan Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mekanisme yang boleh kita laksanakan untuk kita memartabatkan lagi negara kita, sama ada di kalangan kerajaan dan pihak swasta terutamanya, pihak-pihak syarikat yang mendapat manfaat daripada dasar penswastaan bagi membina sebuah universiti Melayu antarabangsa yang akan berfungsi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar dari negara-negara di rantau Asia, di negara-negara Kemboja, kita dapati ramai Melayu Champa, orang Melayu di Burma, ramai orang-orang Melayu di kepulauan Mindanao, di selatan Filipina, malah ramai masyarakat Melayu di Ceylon, di Afrika Selatan malah di kepulauan Pulau Cocos di Australia dan di lain-lain tempat.

Jika kita membina suatu pusat pengajian Melayu antarabangsa, dengan cara itu maka akan lebih ramai lagi pelajar-pelajar negara-negara di rumpun Melayu ini akan datang dan belajar di universiti-universiti ini dan inilah satu daripada kaedah mekanisme yang boleh kita memartabatkan lagi Bahasa Melayu, mendaulatkan lagi Bahasa Melayu sebagai bahasa kawasan Asean ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah rancangan-rancangan agama yang disiarkan oleh TV dan juga radio khasnya Forum Perdana, Hal Ehwal Islam yang semakin popular dan mempunyai ramai penonton.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan yang telah membuat beberapa perubahan agar tajuk ceramah atau perbincangan yang disiarkan melalui kedua-dua media itu lebih relevan kepada keperluan semasa. Selama ini rancangan-rancangan yang disiarkan itu banyak berkisar kepada soal-soal yang berkaitan dengan akidah perundangan Islam, moral, perpaduan, pendidikan, kemasyarakatan, kerukunan serta nilai-nilai hidup murni dan sebagainya.

Walaupun ahli-ahli panel sering bertukar ganti tetapi pandangan serta pendapat mereka sama sahaja, dan ini berterusan sepanjang masa tahun demi tahun. Bila tiba bulan Ramadan, musim haji, Perayaan Maulidul Rasul atau Ma'al Hijrah, pokok perbincangan tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Begitulah yang berlaku setiap tahun tanpa sebarang perubahan.

Tujuannya memang sangat baik dan patut diteruskan supaya masyarakat Islam senantiasa sedar dan insaf akan tanggungjawab masing-masing terhadap agama. Bagi generasi muda ia merupakan satu pengajaran atau wadah yang amat berguna ke arah pembentukan peribadi mulia sebagai muslim sejati. Disebabkan skop perbincangan di masa-masa lalu agak terbatas, maka timbul tanda tanya adakah rancangan-rancangan agama yang disiarkan itu khusus untuk keperluan akhirat semata-mata. Apakah tidak ada aspek-aspek lain yang berkaitan dengan kehidupan seharian seperti ekonomi, perniagaan, sains dan teknologi patut ditonjolkan supaya dapat membuka minda mereka untuk menerima perubahan dan pembaharuan dengan idea-idea yang baru.

Di samping mengalu-alukan langkah tersebut, saya berharap kementerian yang berkenaan memastikan mereka yang mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan agama hendaklah benar-benar arif dalam sesuatu subjek supaya huraian

atau pandangan yang diberikan boleh difahami dengan mudah dan dihayati sepenuhnya.

Dalam satu rancangan agama yang disiarkan baru-baru ini saya dapati ahli-ahli panel yang mengambil bahagian kelihatan kurang selesa dan pandangan-pandangan yang diberikan sering terkeluar daripada tajuk sebenarnya. Sepatutnya dalam rancangan-rancangan agama seperti itu sekurang-kurangnya salah seorang ahli panel mestilah pakar tentang sesuatu tajuk yang diperbincangkan. Huraianya secara terperinci sama ada secara teori atau pun praktikal akan memberi laluan yang mudah kepada lain-lain ahli panel untuk menokok tambah dan dengan itu rancangan tersebut berjalan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bagi cendekiawan Islam untuk mempelajari dan seterusnya menguasai sesuatu bidang ilmu moden sebagai tambahan kepada kepakaran yang sedia ada pada mereka dalam pelbagai jurusan pengajian Islam bukanlah sesuatu yang mustahil dilakukan atau di luar kemampuan mereka. Sejarah telah membuktikan ramai cendekiawan dan saintis Islam yang muncul beberapa abad selepas wafat Baginda Rasulullah s.a.w telah memberi sumbangan yang tidak ternilai sehingga berjaya membawa sebahagian dari Benua Eropah ke satu era kemajuan yang amat menakjubkan dalam sejarah peradaban manusia. Mereka telah mempelopori pelbagai ilmu yang mencakupi sains dan teknologi, astronomi, pertanian, senibina, optik, perubatan, kajihayat dan sebagainya dan semua ilmu itu telah dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk kemajuan bagi kepentingan manusia sejagat.

Di sebalik kekurangan dan masalah yang dihadapi pada ketika itu, mereka mampu menghasilkan beribu-ribu buah buku ilmiah dan sebahagian dari buku-buku tersebut termasuk beberapa

penemuan baru hasil kajian dan penyelidikan mereka dalam pelbagai bidang masih digunakan sebagai bahan rujukan.

Kejayaan cendekiawan dan saintis Islam dalam zaman kegemilangan Islam di masa lalu itu patut menjadi contoh serta dorongan kepada para cendekiawan Islam masa kini untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan moden sebanyak yang mungkin supaya mereka mampu menterjemahkan setiap persoalan yang ada hubungkait dengan keperluan akhirat mahupun yang ada kaitan dengan keperluan semasa seperti ekonomi, pentadbiran, pengurusan, sosio-politik dan lain-lain.

Salah satu sumbangan yang sangat-sangat diharapkan daripada mereka ialah menghasilkan lebih banyak buku-buku ilmiah yang meragkumi pelbagai bidang kemajuan hasil kajian dan penyelidikan yang berpandukan ajaran Islam untuk keperluan masa kini dan masa depan. Pegangan kita yang tidak berbelah bagi bahawa "Al-Quran merupakan sumber ilmu yang selengkap-lengkapnya sesuai untuk sepanjang zaman" merupakan cabaran kepada para cendekiawan Islam kita untuk membuktikan kebenarannya.

Andainya kita dapat melahirkan lebih ramai cendekiawan Islam yang serba boleh dalam dekad-dekad akan datang, Insha-Allah, hasrat kerajaan hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan dan kemajuan Islam yang terulung di rantau ini akan menjadi kenyataan.

Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan di majlis penutup Persidangan Antarabangsa Mengenai Islam di Asia Tenggara baru-baru ini. Beliau, antara lain berkata:

"Di Malaysia kita menggunakan pendekatan yang berdasarkan kepada ajaran Islam. Dalam usaha membangkitkan semangat masyarakat

Islam, cendekiawan perlu mencari perubahan baru dalam semua lapangan bagi mengembalikan kegemilangan Islam seperti di zaman lampau"

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang perkembangan sukan negara kita yang pada keseluruhannya menunjukkan kemajuan dan peningkatan yang menggalakkan. Selain daripada hoki dan badminton yang masih mengekalkan prestasi kecemerlangan di peringkat dunia, ada beberapa lagi sukan yang selama ini tidak begitu diberi perhatian seperti bowling dan perahu layar turut mencapai kejayaan yang gemilang dan sekaligus mengharumkan nama baik negara dalam arena sukan antarabangsa, kecuali bolasepak yang paling popular dan paling ramai peminat, masih terumbang-ambing. Ada yang berpendapat prestasinya meningkat dan ada pula beranggapan sebaliknya menurut kacamata masing-masing.

Walau apa pun andaian mengenainya, yang nyata kegagalan demi kegagalan pasukan bola sepak negara dalam beberapa siri pertandingan peringkat antarabangsa, dan yang terakhir ke pusingan kelayakan Piala Asia baru-baru ini telah mengecewakan banyak pihak. Malaysia adalah di antara sebilangan kecil negara di rantau ini yang mempunyai kemudahan terbaik dari segi pengurusan, pentadbiran, kepimpinan, latihan dan sebagainya. Sokongan padu kerajaan-kerajaan negeri dengan menyediakan pelbagai kemudahan di samping bantuan wang, sumbangan para penaja dan individu, pengambilan ramai jurulatih dari luar untuk pasukan kebangsaan dan negeri menunjukkan bahawa semua pihak mahu kesebelasan pemain negara berada dalam barisan pasukan elit yang disegani dan dihormati sekurang-kurangnya di Benua Asia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah cukup ya.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Bola, bola pun masuk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? (*Ketawa*)

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya menyokong ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit.

6.20 ptg.

Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas (Parit): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh tentang majlis daerah. Saya rasakan bahawa pentadbiran majlis daerah itu sendiri dan bidang tugas ahli-ahli majlis perlu diberi beberapa kebaikan dan garis panduan yang mungkin akan membawa kepada kemajuan perkhidmatan majlis daerah itu sendiri kepada masyarakat-masyarakat terutamanya masyarakat-masyarakat di luar bandar. Saya mengatakan begini kerana dalam kebanyakan majlis daerah, tenaga profesional dan pakar rujuk yang profesional amat kurang. Ahli-ahli majlis daerah selalu diminta supaya memberikan perkhidmatan yang cemerlang, menunjukkan prestasi yang boleh memajukan masyarakat di kawasan mereka. Tetapi masakan ini boleh dibuat oleh mereka, masakan ini boleh dijalankan, sedangkan pakar-pakar rujuk di dalam berbagai-bagai bidang pengkhususan profesional semata-mata di dalam tahap juruteknik sahaja.

Justeru itu, saya harap apabila diadakan pindaan Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapatlah dimuatkan tenaga-tenaga profesional dan pakar rujuk yang cukup supaya dapat membantu ahli-ahli majlis daerah menjalankan tugas mereka demi untuk kemajuan masyarakat mereka.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya tertarik dengan saranan Yang Berhormat daripada Parit mengenai dengan majlis daerah. Kita melihat rata-ratanya memanglah ianya diterajui oleh golongan pentadbiran ataupun P.T.D. Menyentuh soal ini saya ingin minta penjelasan, adakah Yang Berhormat akan cuba mencadangkan supaya majlis daerah ini diterajui oleh seluruh Ahli Parlimen Barisan Nasional di satu-satu daerah berkenaan ataupun di kawasan berkenaan untuk menjadi Yang di-Pertua Majlis Daerah ataupun Timbalan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran dan sebagainya? Terima kasih.

Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu itu amat baik sekali, dan saya rasa bukan saya sahaja bersetuju, bahkan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun bersetuju juga. Jadi, nampaknya itu yang hendak Yang Berhormat mahukan saya cadangkan, bolehlah saya cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Di Kuala Lumpur ada 9 majlis daerah. (*Ketawa*)

Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang bidang tugas ahli-ahli majlis, tatkala ini saya rasakan definisi dan pengtakrifan yang jelas tidak ada pada ahli-ahli majlis. Kebanyakan ahli-ahli majlis tidak diberitahu ataupun tidak diberi sesuatu garis panduan yang jelas dan nyata tentang tugas-tugas mereka. Justeru itu, saya rasa kebanyakan fungsi ahli-ahli majlis daerah ini lebih

menumpukan kepada duduk di dalam mesyuarat dan perbincangan serta majlis-majlis temu duga sahaja.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa satu pengtakrifan yang lebih jelas, lebih nyata, lebih menyeluruh diberi supaya bidang-bidang tugas ahli majlis ini lebih ketara lagi, supaya ahli-ahli majlis ini dapat peluang dan boleh bertugas dengan lebih berkesan lagi kepada rakyat, supaya tugas-tugas seperti masalah-masalah atau isu-isu berkaitan dengan elektrik, dengan air ataupun dengan longkang dapat dibantu, dapat dijalankan oleh ahli-ahli majlis daerah ini, dan tidaklah tugas-tugas ini semuanya dibebankan kepada wakil-wakil rakyat sama ada daripada Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang mesyuarat pembangunan daerah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Parit kena bagi Parit yang Sulong. *(Ketawa)* Saya cuma hendak bertanya sahabat saya dari Parit adakah beliau sedar bahawa dalam majlis daerah terdapat beberapa jawatankuasa, seperti Jawatankuasa Pembangunan dan Pelan dan Jawatankuasa Kesihatan, Jawatankuasa Trafik, Jawatankuasa Pelesenan dan sebagainya. Jadi, sama ada Yang Berhormat jelas mengenai hal ini, dan adakah sekiranya jawatankuasa ini telah wujud, adakah ini berkesan ataupun mungkin Yang Berhormat berpendapat bahawa perkara ini perlu diperteguhkan lagi fungsinya?

Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada 'Parit yang Sulong'. Saya 'Parit bongsu'. Sebenarnya memanglah sebelum saya menjadi Ahli Parlimen saya bertugas sebagai Ahli Majlis Daerah Perak Tengah.

Saya tahu bahawa jawatankuasa-jawatankuasa ini wujud, dan ahli-ahli majlis memanglah memainkan peranan yang penting dalam ahli-ahli jawatankuasa ini. Cuma ahli-ahli jawatankuasa, ahli-ahli majlis daerah diberi kawasan macam juga Ahli-ahli Parlimen di dalam majlis daerah itu sendiri, tetapi pada saya, tidak ada satu cara kesedaran, tidak ada satu pengkhususan yang jelas yang diberi kepada ahli-ahli majlis ini supaya mereka ini bertanggungjawab kepada kawasan yang diberi, dan justeru itu, melayani rungutan ataupun permohonan tentang pembangunan, tentang isu-isu, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh orang-orang kawasan yang ditugaskan kepada ahli majlis daerah itu sendiri. Jadi, pada saya, secara keseluruhannya struktur itu ada. Cuma penguatkuasaan pentadbirannya perjalanannya itu kurang pada tahap ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk berbalik kepada mesyuarat pembangunan daerah. Mesyuarat pembangunan daerah ini memang amat penting sekali, di mana semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan daripada agensi-agensi di dalam daerah itu duduk sebulan sekali untuk berbincang tentang kemajuan di dalam sesebuah kawasan. Tetapi apa yang amat menyedihkan sekarang ini ialah Ahli-ahli Parlimen tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir di dalam majlis-majlis mesyuarat itu sekiranya Ahli-ahli Parlimen ini tidak dapat hadir pada masa mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, sedia maklum, mesyuarat-mesyuarat Parlimen bukannya satu hari, bukannya satu minggu, bahkan kadang-kadang dua bulan dan tiga bulan. Selain daripada itu, Ahli-ahli Parlimen terutamanya daripada penyokong-penyokong kerajaan ini mempunyai berbagai-bagai taklimat. Hari ini pun tadi saya tengok ada taklimat. Dahulu, kelmarin, minggu lepas ada taklimat di sebelah pagi. Macam manakah Ahli-ahli

Parlimen ini boleh menghadiri mesyuarat pembangunan daerah, sedangkan mereka terpaksa duduk di Kuala Lumpur untuk sama ada mesyuarat semasa bersidangnya Parlimen ataupun untuk menghadiri taklimat-taklimat.

Saya pernah bangkitkan hal ini di dalam satu mesyuarat majlis pembangunan daerah, dan saya difahamkan bahawa ada arahan daripada Jabatan Perdana Menteri bahawa Ahli-ahli Parlimen ini tidak boleh menghantar wakil. Jadi, bagaimanakah Ahli Parlimen ini boleh duduk dalam dua mesyuarat dalam satu ketika. Bagaimanakah.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun, ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya Ahli Parlimen dapat wakil duduk dalam Dewan Rakyat, fasal saya faham mengenai kedudukan ini. Adakah juga Yang Berhormat mahu meminta supaya agensi-agensi penting seperti Ketua Polis Daerah juga diizinkan duduk di dalam Majlis Pembangunan Daerah. Oleh kerana dalam arahan yang baru, Ketua Polis Daerah tidak termasuk atau tergolong sebagai ahli Majlis Mesyuarat Pembangunan Daerah.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pendapat Ahli Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Tentang wakil untuk Ahli Parlimen itu, memang saya tak setujulah. Tetapi tentang wakil di dalam Majlis Mesyuarat Pembangunan Daerah itu sendiri, saya setuju kerana banyak perkara yang dibincangkan, banyak masalah pembangunan dari kawasan yang hendak dikemukakan, yang hendak diutarakan, yang hendak dikhususkan di dalam mesyuarat

pembangunan itu sendiri. Tetapi apabila mengatakan adakan arahan bahawa tidak boleh menghantar wakil, maka terbantutlah cadangan-cadangan, terbantutlah masalah-masalah yang hendak dibawakan.

Jadi, ini merupakan saya rasa satu masalah yang harus difikirkan balik, yang harus dinilai semula oleh Jabatan Perdana Menteri. Sebab duduknya, kehadiran, kewujudan entiti Ahli Parlimen di dalam mesyuarat Majlis Daerah itu memang amat penting sekali dalam konteks kita mahu memajukan masyarakat.

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu, ya. Sila.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup berminat dengan isu Jawatankuasa Majlis Pembangunan Daerah ataupun Majlis Daerah. Jadi, saya ingin minta penjelasan sedikit sebanyak, adakah Yang Berhormat maklum bahawa seseorang Ahli Parlimen itu kadang-kadang terpaksa duduk di dalam dua Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah. Umpamanya saya sendiri terpaksa duduk di dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah Jelebu dan Jempol iaitu dua daerah yang berlainan.

Apa yang anehnya, kadang-kadang pentadbir daerah telah maklum bahawa Ahli Parlimen sebagai ahli Jawatankuasa yang harus hadir dan mesti duduk dalam persidangan Parlimen, tetapi masih lagi menetapkan tarikh mesyuarat itu pada hari-hari persidangan. Apakah boleh supaya mereka ini dimaklumkan bahawa sekiranya persidangan Parlimen berjalan, haruslah dan mestilah mengadakan mesyuarat, sama ada pada hari Jumaat ataupun hari Sabtu.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya

rasa itu cadangan yang baik. Kalau misalannya pihak Yang di-Pertua Majlis Daerah ataupun Mesyuarat Pembangunan Daerah ini dapat menyesuaikan masa itu untuk memberi ruang kepada Ahli-ahli Parlimen menghadiri mesyuarat, itu memanglah baik. Tuan Yang di-Pertua, harap beri masa saya lebih nanti.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari sahabat saya, pernahkah Yang Berhormat mengadakan umpamanya satu mesyuarat pre-council di antara Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dalam kawasan Yang Berhormat? Sekiranya kita tidak dapat hadir, maka bermakna suara kita juga sampai ke Majlis Pembangunan Daerah. Oleh kerana ini juga amalan yang saya lakukan, oleh kerana kalau kita mempunyai satu peraturan yang rigid di sini, oleh kerana kehadiran kita juga saya rasa adalah flexible dalam tindakan pembangunan daerah dalam hal ini.

Jadi, saya cuba hendak membantu kerunsingan Yang Berhormat tidak hadir dalam mesyuarat pembangunan daerah ini. Yang saya tanyakan, adakah Yang Berhormat pernah mengadakan satu perundingan atau perbincangan awal sebelum kita pergi ke mesyuarat pembangunan daerah supaya ada satu suara yang selaras, sama ada daripada Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, bermakna kita menumpukan kepada masalah yang sama.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, itu memangnya ada, tetapi kalau ada sesuatu isu, kalau ada sesuatu cadangan itu yang kita sendiri punya, maka kalau kitalah sendiri menghadirinya dan kita sendiri yang mengutarakannya, kesannya itu saya rasa berbeza daripada kesan kalau kita wakilkan kepada orang lain.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sama juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, samalah misalannya di dalam Dewan ini kita ada ramai wakil rakyat atau Ahli-ahli Parlimen dan kalau misalannya saya ada cadangan, mungkin saya boleh wakilkan kepada Ahli Parlimen yang lain. Tetapi, cara Ahli Parlimen itu membawakan cadangan saya, pengkhususannya ataupun darjah kepentingan cadangan itu bagi Ahli yang diwakilkan tadi mungkin berbeza daripada darjah kepentingan kita yang sebenarnya. Sebab itulah saya rasakan perlu kita sendiri yang mengutarakan cadangan itu supaya komitmen kita ada supaya cadangan-cadangan kita itu lebih berkesan lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekali lagi, fasal semua orang minat ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu lagi, pernahkah Yang Berhormat bereksperimen menerusi kerjasama ataupun your good rapport, dengan izin, dengan Pegawai Daerah, juga mengutarakan untuk Majlis-majlis Daerah itu bermakna masalah dan suara kita menerusi writing dan we fax over to Pejabat Daerah. Saya cuba hendak membantu ini, saya kasihan tengok Yang Berhormat.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas niat untuk membantu saya itu. Cuma, pada saya, saya mahukan diri saya hadir di dalam mesyuarat itu dan kalau saya tidak dapat hadir, saya mahu wakil saya yang saya beri taklimat yang mengikut arahan daripada saya untuk mengemukakan cadangan saya. Itu sahaja yang saya mahu.

Sebab itulah saya memohon sekali lagi kepada Jabatan Perdana Menteri untuk

memikirkan kembali arahan ini supaya dapat misalnya wakil-wakil peribadi daripada Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat lain yang tidak dapat menghadiri mesyuarat itu dapat diwakilkan kepada orang-orang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang Jabatan Polis. Saya rasa.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dan bertanya kepada Yang Berhormat dari Parit berhubung dengan wakil ini. Saya juga di peringkat Majlis Daerah kadang-kadang kita terasa dukacita sebab yang mewakili jabatan-jabatan itu selalunya tidak dapat, misalnya yang mewakili Pengarah Telekom tidak dapat membuat keputusan. Jadi, bila wakil rakyat atau sesiapa membangkitkan sesuatu perkara, pihak yang mewakili jabatan itu tidak dapat membuat keputusan. Dia kata, nanti dia balik dan tanya boss dahulu. Sebulan kemudian baru dia datang, dia kata dia tak jumpa bossnya. Kalau sebulan kemudian dia datang, dia buat keputusan, tak apa tetapi selepas sebulan, dia masih belum dapat keputusan. Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat kalau yang menghadiri mesyuarat di peringkat daerah mesti orang yang boleh buat keputusan?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu cadangan yang amat baik sekali. Kalau saya cikgu, saya beri "A" kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Jabatan Polis. Sejak akhir-akhir

ini, saya rasa kejadian perlumbaan haram memang selalu berlaku. Jadi, perlumbaan haram ini ada dua keburukannya. Pertama, perlumbaan itu sendiri mengancam keselamatan umum, termasuk keselamatan orang-orang yang mengambil bahagian dan keduanya, perlumbaan haram ini merupakan satu perjudian.

Di dalam bandar tempat saya tinggal, misalnya di Ipoh, kerap kali terdapat perlumbaan-perlumbaan haram ini berlaku khususnya di hujung minggu. Perlumbaan haram ini biasanya berlaku di antara pukul 11.00 malam hingga pukul 1.00 pagi ataupun pukul 2.00 pagi. Walaupun saya rasa pada pengamatan saya, kejadian-kejadian ini ada di dalam pengetahuan pihak polis, terutamanya Bahagian Trafik, tetapi sedihnya perlumbaan-perlumbaan ini masih lagi berjalan.

Pernah satu ketika saya melihat sendiri bagaimana orang ramai berkerumun di tepi-tepi jalan kerana menunggu saat-saat bermulanya perlumbaan-perlumbaan haram. Pernah juga saya membuat laporan kepada Bahagian Trafik untuk mengambil sesuatu tindakan terhadap kejadian itu, tetapi saya nampak cadangan ataupun laporan saya itu dipandang sepi sahaja sebab selepas itu, kejadian perlumbaan haram ini masih lagi berlaku. Jadi, saya ingin menyeru kepada pihak polis supaya dapat menjalankan pengawasan dan pengawalan yang lebih ketat lagi agar perlumbaan-perlumbaan haram ini tidak berlaku walaupun di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini ialah tentang kesalahan-kesalahan trafik. Kesalahan-kesalahan trafik sering sahaja dilakukan, sama ada oleh pemandu-pemandu ataupun penunggang-penunggang kenderaan dan kita dapati bahawa pada masa ini walaupun ada denda yang dikenakan berupa denda kewangan yang saya rasa rata-rata jumlahnya RM150, tetapi kejadian melanggar peraturan-peraturan jalan raya ini masih berlaku.

Jadi, saya berharap pihak polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan atau pun pihak yang bertanggungjawab dapat mencari satu jalan penyelesaian dan dapat mencarikan satu cara denda yang lebih kreatif lagi yang mungkin boleh membendung masalah ini. Kita dapati ada di tempat-tempat lain satu cara denda mungkin merupakan satu perkhidmatan kepada masyarakat ataupun community service, misalannya untuk menyuci longkang, menyapu jalan raya ataupun memalukan orang yang membuat kesalahan trafik itu sendiri.

Jadi saya hendak cadangkan di sini, sekiranya kalau ada denda-denda yang berupa denda kewangan itu tidak mendapat kesan yang positif dan tidak merupakan satu cara penyelesaian yang muktamad, mungkin pihak yang bertanggung jawab, sama ada daripada pihak polis ataupun JPJ dapat mencari satu idea yang kreatif. Gubalkan satu denda yang mungkin dapat membendung masalah yang amat ketara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi diganggu oleh ramai kawan-kawan. Berilah saya sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang pendidikan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa itu tetap 20 minit.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Satu perkara lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sila gulung.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua,

tentang pendidikan. Saya ingin merayu di sini agar Kementerian Pendidikan dapat memikirkan untuk menubuhkan lebih banyak lagi sekolah-sekolah berasrama ataupun sekurang-kurangnya asrama tempat tinggal di kampung-kampung. Kalau dulu konsep asrama itu ialah supaya murid-murid dari luar bandar dapat pergi ke bandar untuk belajar, saya harap pada masa ini biarlah konsep asrama itu untuk membantu murid-murid di luar bandar belajar di sekolah-sekolah luar bandar kerana asrama ini merupakan ataupun memberi satu environment, satu persekitaran yang kondusif kepada pembelajaran, dan anak-anak yang miskin yang tinggal di rumah-rumah ini kalau mereka dapat duduk di asrama, mungkin mereka mendapat pencapaian atau prestasi di dalam pendidikan yang lebih cemerlang.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya wanita-wanita ini mendapat satu peluang untuk bekerja dalam waktu anjal untuk menolong menampung keperluan sumber tenaga manusia bagi negara kita.

Cuma satu lagi cadangan saya, di samping kita memberi jadual waktu anjal itu, saya harap dapat pihak kerajaan memikirkan untuk menubuhkan kolej-kolej yang berupa seperti ala 'community college' yang kita dapati di Amerika Syarikat supaya suri rumah yang tidak ada kelulusan akademik yang tinggi, mungkin yang lulus Tingkatan Tiga ataupun lulus SPM sahaja dapat belajar di komuniti kolej ini. Bukan kerana hendakkan kelulusan akademik, bukan kerana mereka hendakkan kelulusan profesional tetapi untuk memperkembangkan lagi daya pemikiran dan kreativiti mereka. Berilah peluang juga kepada wanita-wanita ini supaya mereka belajar di kolej ataupun di universiti untuk

mengembangkan minda mereka dalam bidang-bidang pengajian seperti Apresiasi Sastera, Sajak, Fine Arts dan juga Komunikasi

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nampaknya ramai lagi yang hendak berucap. Kelang.

6.43 ptg.

Dr. Tan Yee Kew (Kelang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Intipati Rancangan Malaysia Ketujuh ialah untuk mewujudkan sebuah sektor industri yang lebih agresif sejajar dengan Wawasan 2020 kita. Oleh itu, memang tepatlah penekanan diberi ke atas perkembangan sumber tenaga manusia, infrastruktur dan kemudahan, sains dan teknologi. Jika dikaji dengan teliti jelas bahawa strategi pembangunannya adalah mirip ke arah pembangunan sebuah sektor industri yang menekankan perkembangan teknologi tinggi dan industri berat. Di sebaliknya, sektor industri kecil dan sederhana kurang mendapat perhatian kerana tidak jelas halatuju dan kejitian strateginya.

Adalah dirasakan industri kecil dan sederhana dapat memberi sokongan kepada industri yang lebih besar dengan memainkan peranan sebagai vendor menghasilkan barang-barang kecil dan komponen kepada industri yang lebih besar itu, agar ia dapat menggerakkan usaha untuk mencabar tahap industrialisasi yang tinggi. Untuk mencapai objektif ini, sejumlah 123 syarikat vendor telah ditubuhkan di bawah Skim Pembangunan Vendor dan 155 lagi syarikat di bawah Skim Pemasaran Bersepadu semasa

pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam. Tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan industri kecil dan sederhana baru ini adalah sejajar dengan kehendak perkembangan industri kita. Tetapi jumlahnya adalah terlalu kecil dan lebih penting IKS yang sedia ada yang berjumlah 12,000 masih mendapati diri mereka tersisih daripada arus pembangunan perindustrian ini.

Strategi pembangunan industri yang tertera dalam Rancangan Malaysia Ketujuh masih meneruskan tekanan terhadap perkembangan IKS sebagai industri sokongan yang kukuh kepada perusahaan yang lebih besar berorientasikan eksport. Terlalu sedikit diperkatakan mengenai IKS di luar sistem vendor. Adakah IKS di luar sistem vendor ini mempunyai sebarang peranan? Tidakkah mereka juga diberi peluang untuk membangun?

Sebenarnya syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah sistem vendor ini merupakan sebahagian kecil saja daripada jumlah IKS yang sedia ada dan IKS ini telah membuktikan ketahanan mereka semasa berlakunya kemerosotan ekonomi pada tahun-tahun 80-an dulu. Dengan bantuan yang sempurna syarikat-syarikat ini boleh memberikan tenaga dan kepelbagaian kepada sektor industri dan memperluaskan asas sektor industri. Malangnya bantuan yang diharapkan tidak ketara dalam strategi Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Misalnya salah satu daripada masalah besar yang dihadapi IKS hari ini ialah kekurangan buruh. Tetapi polisi sumber manusia seperti yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tidak memberi sebarang penyelesaian kepada masalah ini. Ia lebih mengutarakan penggunaan modal teknologi secara intensif dan penggunaan automasi untuk mengurangkan keperluan tenaga kerja terutama sekali tenaga kerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang diutarakan ini memanglah di luar

keupayaan kebanyakan IKS yang sedia ada. Setengah daripada industri yang dijalankan tidak memerlukan teknologi tinggi ataupun perkhidmatan mesin. Dengan izin, some industry are simply economically not viable to go for high-tech or automation and there are some which by nature of their production process required manual labour. Bahkan ada hasil yang mereka keluarkan hanya memerlukan tenaga manusia saja. Tetapi adakah kita hendak menyisihkan saja industri seperti ini? Gejala ini mungkin berlaku jika kita tidak membantu cuba mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mereka, apatah lagi bila kerajaan mengemukakan polisi yang lebih ketat terhadap kemasukan pekerja-pekerja asing nanti.

Kita boleh berbangga kerana telah tercapai kadar pengangguran 2.8% dan kita semua tahu bahawa kadar pengangguran 4% sebenarnya adalah lebih kurang kadar guna tenaga penuh. Oleh itu, pada hakikatnya kadar pengangguran 2.8% menunjukkan keadaan di mana kekurangan tenaga buruh berlaku. IKS yang memang tidak boleh menentangi syarikat-syarikat multinasional dan industri besar dari segi pemberian gaji dan kemudahan-kemudahan pekerja sudah tentu akan kalah di dalam usaha untuk mendapatkan pekerja-pekerja.

Kami mengalu-alukan strategi yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menggalakkan lebih ramai surirumah dan pesara memasuki semula pasaran buruh. Tetapi kita harus ingat bahawa kedua-dua kategori pekerja ini hanya boleh menyumbangkan tenaga dalam beberapa sektor tertentu saja. Oleh itu gunatenaga mereka tidak akan menyelesaikan masalah semesta kekurangan buruh di kebanyakan industri.

Cadangan penubuhan perbadanan pembangunan industri kecil dan sederhana sangatlah diperlukan agar dapat membantu bina sebuah sektor IKS yang kukuh dan

harapan saya ianya tidak akan mementingkan IKS yang tertentu sahaja ataupun sentiasa sibuk dengan menubuhkan IKS baru. Sebaliknya janganlah diabaikan masalah yang dihadapi oleh IKS yang sedia ada dan hulurkanlah bantuan untuk membantu mereka menyelesaikan masalahnya.

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah berkaitan dengan kekurangan sekolah rendah Cina di kawasan-kawasan perumahan baru. Boleh dikatakan tidak ada langsung sekolah rendah Cina yang baru didirikan dalam beberapa tahun ini. Walaupun permintaan terhadapnya sering disuarakan oleh kaum Cina. Masalah ini semakin runcing terutama sekali di kawasan-kawasan bandar. Ambil sahaja sebagai contoh, di Subang Jaya di mana jumlah penduduknya hampir menjangkau 80,000 orang dan kebanyakannya terdiri daripada kaum Cina, hanya terdapat sebuah sahaja sekolah rendah Cina di situ.

Pada tahun 1997 pihak sekolah itu hanya boleh menerima kemasukan murid bagi tahun satu seramai 450 orang murid sahaja tetapi terdapat lebih dari 900 orang kanak-kanak yang berdaftar menanti. Kanak-kanak ini adalah dari kawasan Subang Jaya.

Hal ini bukanlah satu perkara asing, bahkan sering terjadi di banyak kawasan-kawasan perumahan. Saya ingin tahu, berapa banyakkah sekolah rendah didirikan dalam pelaksanaan RMK-6? Dan berapa banyakkah daripadanya sekolah rendah Cina?

Memandangkan keperluannya agak genting, saya rasa adalah perlu didirikan sebuah sekolah rendah Cina di setiap kawasan perumahan di mana terdapat kebanyakan penghuninya kaum Cina.

Kami juga sedang menunggu dengan penuh harapan pelaksanaan apa yang dipanggil sekolah wawasan, iaitu satu

konsep yang telah banyak diperkatakan. Sekolah wawasan yang meliputi sebuah sekolah kebangsaan, sebuah sekolah rendah Cina dan sebuah sekolah rendah Tamil sebenarnya boleh membantu dalam menyelesaikan masalah pembinaan jenis sekolah di satu kawasan di mana penghuni-penghuninya terdiri daripada berbilang kaum dan rizab tanah sekolah adalah terhad. Walau bagaimanapun, saya berasa kecewa kerana tiada satu diperkatakan mengenai sekolah wawasan ini di dalam RMK-7. Saya ingin tahu adakah pihak kerajaan telah meluputkan cadangan awal ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMK-7 terdapat satu ruang khas yang dimuatkan dengan program pembangunan wanita. Tumpuan istimewa ini telah menyebabkan rakan-rakan sejawat saya dari golongan kaum lelaki telah membuat bantahan dalam Dewan yang mulia ini bersabit masalah ketidakseimbangan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dituntut oleh kaum wanita di negara ini adalah jauh lebih daripada apa yang termaktub dalam RMK-7.

Pembangunan untuk wanita mestilah bermula dengan bersamaan di sisi undang-undang. Kami berasa lega apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim mengaku bahawa masih lagi terdapat undang-undang yang mendiskriminasikan kaum wanita yang perlu diubah. Kita berharap ini dapat dilakukan dengan seberapa segera. Misalnya, Akta Penjagaan Kanak-kanak yang mana ia tidak mengenakan atau memberi hak-hak yang saksama kepada seseorang ibu haruslah dipinda dengan seberapa segera. Begitu juga dengan Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah diluluskan pada 1994 harus diwartakan secepat mungkin.

Kami menyambut baik seruan kerajaan supaya penyertaan wanita dalam pasaran buruh dipertingkatkan agar dapat

menambahkan penawaran tenaga buruh. Saya rasa, selain daripada menyediakan asuhan kanak-kanak serta penyediaan kemudahan perumahan dan pengangkutan di antara rumah dan tempat kerja, penekanan juga harus diberi dalam bidang pendidikan dan latihan untuk wanita. Kita tidak memasuki pasaran buruh semata-mata sebagai gantian untuk buruh bergaji rendah, dengan izin, we do not want to enter the labour market merely to substitute for cheap foreign labour.

Buat masa ini, lebih kurang 84% daripada pekerja wanita terlibat dalam pekerjaan yang menawarkan gaji rendah kerana mereka tidak mempunyai latihan profesional atau kelulusan akademik. Walaupun pencapaian wanita dalam bidang pendidikan telah meningkat dalam beberapa tahun ini dan hampir separuh daripada kemasukan ke universiti pada tahun 1994 terdiri daripada penuntut wanita, namun generasi yang lebih tua iaitu golongan yang berumur 35 tahun ke atas adalah kurang bernasib baik. Ini adalah kerana mereka telah dibesarkan semasa negara kita kurang berada dan kebanyakan daripada mereka tidak mampu ke sekolah.

Mereka ini sama ada bekerja sebagai buruh berpendapatan rendah atau memberi sumbangan tenaga dalam perniagaan keluarga yang sebenarnya merupakan 'under employment', dengan izin. Bagi mereka yang mempunyai keluarga yang tidak mengharapkan sumbangan wang mereka, akan terus menjadi suri rumah oleh kerana mereka tidak dapat memperolehi pekerjaan yang baik kerana mereka tidak mempunyai kelulusan dan kelayakan. Maka golongan ini mungkin sekali merupakan golongan sumber manusia yang terbesar yang potensinya belum diterokai.

Pekerja wanita harus digalakkan mengikuti kursus profesional atau latihan supaya mereka dapat memperolehi

pekerjaan yang lebih baik. Suri rumah yang mempunyai anak-anak yang dewasa juga harus digalakkan supaya lebih bersedia dengan menghadiri kursus sebelum memasuki pasaran buruh. Oleh itu, kursus yang bersesuaian dengan kehendak kategori penuntut dewasa haruslah disediakan di universiti-universiti dan kolej-kolej di negara kita. Banyak universiti di luar negeri bukan sahaja menyediakan kursus untuk penuntut dewasa, tetapi membenarkan juga syarat-syarat kemasukan yang istimewa untuk mereka. Kemudahan-kemudahan untuk pendidikan dewasa sepatutnya dimuatkan juga dalam agenda latihan sumber manusia kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, punca sumber manusia juga terdapat kepada isteri-isteri yang terdiri daripada rakyat asing, wanita yang berkahwin dengan rakyat asing dan suami yang terdiri daripada rakyat asing. Kami berasa gembira kerana Perdana Menteri tercinta, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah pun memperkatakan tentang isu isteri-isteri yang terdiri daripada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat! Yang Berhormat diingatkan bahawa nama Ahli yang lain termasuk Perdana Menteri tak perlu disebut.

Dr. Tan Yee Kew: Ya, minta maaf.tentang isu isteri-isteri yang terdiri daripada rakyat asing dan beliau telah bersetuju mereka dibenarkan bekerja di negara ini. Oleh kerana negara kita sedang menghadapi kekurangan tenaga kerja yang genting, saya menyeru supaya 'redtape' pentadbiran dapat dikurangkan agar mereka dapat memperolehi pekerjaan secepat mungkin yang boleh.

Saya juga merasakan janganlah ada diskriminasi di antara isteri-isteri yang mempunyai kelayakan profesional dan yang tidak profesional kerana kekurangan

tenaga pekerja berlaku dalam kebanyakan sektor. Walaupun isu isteri-isteri yang terdiri daripada rakyat asing telah mendapat pengakuan dan menuju ke arah penyelesaian, namun kaum wanita yang berkahwin dengan pemuda rakyat asing masih terus menderita akibat diskriminasi yang lebih teruk. Isteri-isteri yang terdiri daripada rakyat asing sekurang-kurangnya dibenarkan menetap di negara ini sedangkan suami yang terdiri daripada rakyat asing hanya dapat datang ke negara ini dengan visa lawatan sosial sahaja.

Ini adalah tertakluk di bawah undang-undang imigresen yang ada sekarang. Keadaan ini yang menyebabkan ramai wanita Malaysia bermastautin di negara luar semata-mata untuk hidup berkeluarga.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kira-kira lebih puluhan ribu penuntut yang sedang menuntut di seberang laut. Tidak dapat dinafikan sesetengah daripada mereka akan jatuh cinta dan berkahwin dengan rakyat asing. Jika kita tidak mengubah undang-undang Imigresen kita, kita akan terus kehilangan ramai wanita yang layak dan kita telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk melatih mereka. Tuan Yang di-Pertua, telah tiba masa kita menukar undang-undang kita, memujuk semula anak-anak perempuan kita kembali ke tanah air bersama suami mereka dan membenarkan mereka bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh yang merupakan sebuah dokumen yang penting yang menentukan hala tuju pembangunan negara dan memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai pelbagai strategi yang akan digunakan untuk mencapai objektif kita. Banyak lagi perkara yang ingin saya nyatakan, tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, terpaksa saya berhenti di sini.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Dr. Tan Yee Kew: Akhir kata saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada EPU dan stafnya yang terlibat dalam mengeluarkan dokumen ini tanpa ragu (*Ketawa*) dan saya percaya sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional akan dapat melaksanakan rancangan ini dengan jayanya. Dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya ingat ramai peminat hendak minta jalan, tetapi nampaknya tidak. Arau.

7.02 mlm.

Tuan Kamaruddin bin Ahmad (Arau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kejayaan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan adalah cuai bagi saya jika saya juga tidak dapat berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan seramai lebih kurang 800,000 orang yang telah menjayakan Rancangan Malaysia Keenam. (*Ketawa*) Saya akan ringkaskan ucapan saya ini khususnya mengenai beberapa perkara sahaja iaitu pada pandangan saya, kejayaan kerajaan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Keenam adalah kerana beberapa adunan.

Yang pertamanya ialah kerana Wawasan 2020 yang dicampurkan dengan Dasar Pembangunan Nasional dan juga berpaksikan Dasar Penswastakan. Wawasan 2020 telah mewujudkan suasana yang lebih liberal. Wujud perpaduan dan dengan itu politik stabil. Wawasan 2020 juga mewujudkan suasana lebih liberal terhadap ekonomi dan suasana saingan yang sihat dan dengan itu kita mendapati ekonomi stabil. Wawasan 2020 juga mewujudkan suasana yang liberal yang mewujudkan sikap yang lebih cergas dan pemudah cara birokrasi yang merangsangkan pertumbuhan. Saya percaya bangsa lain daripada bumiputera patut berterima kasih

kepada wawasan kerana wujudnya suasana yang lebih liberal yang kita rasai bersama. Kita ucapkan tahniah kepada pengasas wawasan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga penyokong dan pendokong setia Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh mengenai penswastakan. Dasar penswastakan ialah menswastakan bersekali dengan encumbrances, atau dengan izin, tanggungan, bukan semata-mata keuntungan dengan bantuan tenaga mahir dengan aset kemudahan asas yang telah pun disediakan bahkan bersekali dengan tanggungjawab sosial. Saya menyokong saranan yang dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan penutupnya di konvensyen UMNO baru-baru ini. Dulu kerajaan menanggung semua bahkan kadangkala unsur pertanggungjawaban ini berserta dengan kebajikan melebihi matlamat keuntungan dan kini telah diserahkan kepada swasta untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Swasta kini mementingkan keuntungan yang banyak dan ada kalanya mahu untung cepat walaupun kos pengeluaran ataupun bagi overhead yang tinggi, dengan izin bagi menjamin aliran tunai yang berterusan. Penswastakan perlu seimbang di antara keuntungan dan tanggungjawab sosial. Pekerja-pekerja yang telah pun diswastakan tidak perlu lagi menagih keadilan dan pertolongan daripada kerajaan kerana tanggungjawab ini telah diserahkan kepada swasta berkenaan.

Melatih dan mendidik rakyat berkemahiran tinggi memiliki ilmu kejuruteraan, perubatan dan profesion-profesion lain termasuk kejuruteraan maklumat dan komunikasi adalah amat sesuai diletakkan sebahagian besarnya kepada agensi yang diswastakan. Kita sedar penswastakan juga menghasilkan cukai dan hasil bukan cukai yang banyak

kepada negara ini. Keperluan-keperluan sosial yang lain yang dahulunya dicubit dari kantung separa kerajaan ataupun agensi berkanun sekarang ini perlulah pula kita cubit daripada kantung agensi yang diswastakan. Jika tidak, tidak ada makna dasar penswastaaan, tidak ada erti jika terdapat banyak gergasi dan gergasi itu tidak boleh bantu makhluk lain, akhirnya gergasi itu akan makan makhluk yang lemah sama ada dalam ekonomi, politik ataupun sosial. Kalau agensi yang diswastakan tidak tahu setakat mana hendak rangka pelan tindakan korporat mengenai tanggungjawab sosial, badan selia di jabatan ataupun kementerian berkenaan boleh aturkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kesan Rancangan Malaysia Keenam, ekuiti yang lebih di bahagian penagihan dadah. Penagih mesti dipulihkan, undang-undang sahaja tidak cukup, disiplin seperti kerahan tenaga perlu disegerakan. Statistik menunjukkan hampir 1.8 juta penagih yang berada dalam negara ini—hampir 10% rakyat daripada dalam buaian hinggalah yang bertongkat, 10% daripada rakyat Malaysia. Masalah ini serius dan Kementerian Dalam Negeri, pihak swasta terutamanya syarikat gergasi, Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat serta pakar-pakar dalam dan luar negeri perlu duduk semeja untuk atasi masalah ini. Formula dan tindakan perlu disegerakan agar ianya berkurangan dan tidak meningkat ekuiti hingga 20%.

Selain daripada itu, kesan Rancangan Malaysia Keenam juga ekuiti graduan teknikal, kejuruteraan, perubatan, bidang teknologi maklumat, komunikasi dan sebagainya di bahagian bumiputera amat rendah. Peranan ini perlu dimainkan oleh badan swasta, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sains dan Alam Sekitar serta Kementerian Telekom. Tahniah kepada Syarikat Telekom Malaysia (STM) kerana mengasaskan Universiti Telekom. Banyak

lagi kerja yang perlu dilakukan. Kesan Rancangan Malaysia Keenam ada lagi yang kita rasa cukup berat yang perlu diselesaikan.

Hampir dua juta rakyat asing membanjiri negara kerana kemakmuran, gaji tinggi, makanan senang, tempat tinggal selesa, politik aman dan stabil dan keadaan ini memanglah berlaku di mana-mana negara maju, contohnya di Amerika, Jepun dan United Kingdom memang ada pendatang-pendatang asing, tetapi, adakah selama-lamanya kita mahu mengharap negara ini dibina oleh rakyat asing?

Di samping melaksanakan pembangunan yang pesat, kesan kehadiran mereka perlu diberi penelitian yang tajam. Beberapa kemungkinan akan timbul selain daripada yang positif, ada terdapat banyak kemungkinan yang negatif yang rakan-rakan saya telah sebutkan beberapa hari yang lalu. Umpamanya, kekayaan disalurkan ke luar, kemudahan awam direbut bersama. Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak kemudahan awam untuk menampung keperluan pendatang asing ini. Perbezaan budaya, perbezaan fahaman agama, masalah perumahan, masalah bahan makanan, masalah kesihatan, jenayah, waima masalah tanah perkuburan. Sanggupkah negara ini menanggung semua ini?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu kita bertindak, hantar pulang segera yang datang tanpa izin. Kedua, usir segera yang hanya ada surat perjalanan sementara yang teringin hendak duduk lama. Bila cukup tempohnya, hantarliah ataupun usirliah segera. Urusan penghantaran pulang ini bukan sahaja tanggungjawab negara ini, bahkan juga negara pendatang. Negara pendatang juga perlu bertanggungjawab terhadap perkara ini.

Ketiga, tegaskan undang-undang tanpa tolak ansur, yang jika kita cuai akhirnya terdedah kepada fitnah. Skwad basmi

pendatang tanpa izin ini perlu segera ditubuhkan dan berfungsi dengan pegawai dan bekas pegawai penguatkuasaan yang cemerlang dan berdisiplin menganggotainya. Kementerian Pengangkutan dan agensi swasta di bawahnya, umpamanya MAS dan juga syarikat-syarikat penerbangan lain perlu diajak bersama oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengongsi bersama budget untuk tujuan penghantaran ini.

Selain itu, kesan Rancangan Malaysia Keenam dan sebelumnya, kita dapati bahawa pewaris golongan pertengahan menghadapi tekanan jiwa dan kebanyakan terjebak kepada gejala-gejala sosial, seperti lepak, bohsia, bohjan, GRO, bertambahnya tempat hiburan. Semua ini adalah untuk mencari pelarian sosial dan pemberontakan jiwa ini perlu dibendung. Segera cari gantian, kalau tidak, punah waris negara. Tindakan seterusnya ialah tanamkanlah modal yang banyak untuk asas agama yang kuat agar tidak mudah penghakis iman.

Jabatan koordinasi agama perlu ditubuhkan. Semua agama akan duduk di bawah satu bumbung untuk tujuan koordinasi dan melaksanakan program yang besar-besaran bagi menyelesaikan masalah ini atau sekurang-kurangnya kita kurangkan pada tahap yang minimum. Norma-norma sosial yang tegas di peringkat prasekolah dan persekolahan seperti sebat adalah disokong. Tetapi sebat bukan sebarang sebat, sebat kasih, sebat bijaksana. Sedarkan ibu bapa, terutama golongan berpendapatan pertengahan. Rancangan Malaysia Keenam mewujudkan kumpulan yang besar, kumpulan pertengahan ataupun pendapatan pertengahan.

Kalau dikaji di pusat hiburan, di pusat membeli-belah, di pusat pemulihan akhlak gadis, dan di pusat latihan untuk sekolah ataupun di sekolah kanak-kanak, di pusat serenti, di penjara, kebanyakan adalah

anak-anak dari golongan pertengahan. Anak eksekutif bank, anak pengarah-pengarah jabatan, anak pengurus-pengurus syarikat; di tengah-tengah ibu bapa golongan pertengahan sibuk bekerja bersungguh-sungguh mencari rezeki, masalah pula kepada anak-anak. Tanya diri kita apakah kita mahu mewarisi semua gejala ini?

Seterusnya tegakanlah undang-undang yang ada pada kita, yang bukan sampai ke peringkat 'police state' ataupun negara kepolisan. Kesungguhan Rakan Muda, program Rakan Sukan, Rakan Masjid. Kesungguhan Rakan Muda, program Rakan Sukan, Rakan Masjid mestilah dilaksanakan bersungguh-sungguh dengan penuh rasa keikhlasan dan kejujuran bagi membasmi gejala-gejala yang dihadapi ini. Banyakkan kegiatan kebudayaan. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan perlu mengadakan program-program ini bukan sahaja di peringkat Kompleks Kebudayaan Negara, tetapi hendaklah diperluaskan di semua peringkat supaya anak muda kita ini tahu apakah kebudayaan Melayu, kebudayaan Cina, kebudayaan India, kebudayaan suku kaum lain.

Kita tidak mahu anak muda hanya tahu kebudayaan rock, kebudayaan lain-lain lagi yang saya sendiri tidak tahu, tetapi disebut sekali-sekala. Maka saya rasa kementerian ini perlu diperbanyakkan peruntukannya khususnya untuk mengganti unsur-unsur negatif yang dibawa masuk daripada luar dan dinikmati oleh anak muda kita.

Kementerian Penerangan dan Penyiaran bentuklah budaya sendiri. Dalam kita sama-sama berhempas pulas membaiki gejala sosial dan kehancuran budaya bangsa, datang pula unsur-unsur yang negatif yang lebih menarik yang dihidangkan di kaca TV. Panas setahun lenyap dengan sebab hujan sehari. Kementerian Dalam Negeri kuatkuasalah

tapisan penguatkuasaan pengedaran filem melalui video-tape dan cakera laser. Nampaknya, sudah jadi lali ataupun immune, tolong tegaskan. Orang di atas jangan cuba patahkan tindakan penguatkuasaan ini. Saya ingin ingatkan liberal dalam aspek ini akan hanya membantu melebarkan gejala sosial yang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya menjelang detik 12 malam tahun 2000, kita berharap tiada lagi rakyat miskin. Perseimbangan belanjawan negara antara fizikal dan pembangunan insan.

Ketiganya, anjakan paradigma. Sempurna dengan perayaan kita Maal Hijrah yang akan kita sambut pada hari Ahad ini, maka marilah kita sama-sama memikirkan agar ada paradigma yang dianjak; hijrah. Jadi, saya mencadangkan supaya dalam kita melaksanakan program dalam bandar, marilah kita ubahkan pula kepada luar bandar. Jalan raya, first class jalan raya. Sepatutnya sudah 40 tahun ataupun 30 tahun lebih kita merdeka, jalan raya di luar bandar sepatutnya sudah jadi first class. Bekalan air, elektrik dan sebagainya patut sudah kelas pertama. Kerana mereka telah membantu kita sejak merdeka sehingga hari ini menubuhkan kerajaan ini. Ini yang perlu kita beri perkhidmatan yang lebih kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Ya, saya akan cuba gulung, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berharap Kementerian Pendidikan juga akan melaksanakan sekolah secara first class, maktab perguruan, universiti, semuanya dibuka di luar bandar. Dengan sendirinya struktur lain akan ikut dinikmati oleh rakyat di luar bandar. Begitu juga rangkaian ekonomi

atau kerja-kerja kontrak dan sebagainya boleh dilaksanakan oleh penduduk-penduduk luar bandar. Saya ingin sentuh sedikit mengenai negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Sedikit sahaja pendapatan penduduk kerana negeri ini negeri padi. Kebetulan pula negeri ini mundur. Negeri padi, negeri mundur. Adakah kita mahu memaksa mereka terus menanam padi dan terus mundur? Ini perlu kita fikirkan. Maka saya berharap kementerian-kementerian berkenaan, umpamanya MITI dan Kementerian Pembangunan Usahawan teruskan usaha IKS ini secara lebih agresif ke luar bandar supaya mereka dapat menikmati pendapatan yang lebih yang mungkin sama dengan saudara-saudara mereka di negeri-negeri lain yang maju yang telah mengubah paradigma mereka. Maka saya berharap kementerian ini akan terus melaksanakan program-program yang saya harapkan ini.

Yang akhirnya ialah meletakkan negara ini sebagai "Naga Asia" dalam semua aspek, ekonomi, pendidikan, sosial, sukan dan sebagainya sebagai salah satu negeri ataupun negeri yang utama, negeri juara di Asia ini. Semua ini perlu komitmen yang bersungguh-sungguh dari pemimpin sehingga kepada orang bawahan, berpaksikan disiplin dan ketinggian akhlak demi meningkatkan darjat dan harakat bangsa.

Sekian, saya menyokong usul yang dikemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hulu Rejang.

7.22 ptg.

Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rejang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh beberapa perkara. Saya setuju dengan apa yang

disebut dan diseru oleh Yang Berhormat dari Sarawak iaitu dari Baram, Bukit Mas, Selangau dan juga Batang Sadong tentang pembangunan luar bandar, pertanian, tentang masalah kad pengenalan, sijil kelahiran dan kemudahan yang serba kekurangan yang lain. Oleh itu, saya akan sentuh perkara-perkara khas di kawasan pedalaman, lebih-lebih lagi di kawasan saya.

Tetapi sebelum itu, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh yang begitu lengkap. Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah pendidikan sebab pendidikan adalah, dengan izin, equalizing factor untuk masyarakat di luar bandar dan bandar.

Di negeri Sarawak, kita panggil masyarakat pedalaman dan bandar. Keadaan di pedalaman Sarawak teruk dan serba kekurangan. Misalnya, satu-satunya cara perhubungan adalah melalui sungai yang berjeram dan ada buaya pula. Di bahagian Kapit, dalam kawasan saya yang lebih kurang sebesar negeri Pahang, kita ada lebih kurang 40 hingga 50 kilometer jalan raya sahaja. Bertaburan di kawasan pedalaman adalah kaum-kaum pribumi negeri Sarawak dan dalam keadaan yang terpinggir dan tersisih, bertaburanlah sekolah-sekolah rendah. Di kawasan sebegitu, satu-satunya hubungan mereka dengan dunia luar ialah melalui radio.

Di kawasan Hulu Rejang, kami tidak dapat siaran TV di hampir kesemua rumah panjang. Jumlah sekolah-sekolah di pedalaman mungkin mencukupi, tetapi prestasi sekolah-sekolah tersebut masih kurang, lebih-lebih lagi dari segi menghasilkan kecemerlangan. Kita tidak mahu satu keadaan dalam tahun 2020, Sarawak hanya berjaya dan berupaya menghasilkan tenaga buruh kasar untuk ladang dan kilang.

Keadaan ini telah berlarutan dan kementerian harus mencari penyelesaian sebelum keadaan ini menjadi lebih buruk. Perhatian atas perkara berikut harus diberi keutamaan ataupun pertimbangan. Pertama, sekolah-sekolah di pedalaman memerlukan tenaga guru mahir dan terlatih dalam matematik, Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Kedua, sekolah-sekolah di pedalaman memerlukan kelengkapan yang cukup dan selesa seperti rumah guru, asrama dan bilik-bilik darjah. Murid-murid dan guru-guru di pedalaman memerlukan pertimbangan khas agar diberi perkhidmatan asas seperti dental clinic ataupun klinik desa, dibenarkan penggunaan parabola untuk televisyen dan diberikan kelengkapan asas seperti telefon supaya guru-guru dapat menghubungi tempat lain. Sekarang, kita boleh menggunakan telefon yang menggunakan kuasa solar.

Sekolah-sekolah di kawasan pedalaman harus diperuntukkan dengan tenaga dan alat khas, jika perlu. Drebar bot, misalnya outboat engine dan juga life jacket, kita tidak dapat memikirkan guru-guru dari Semenanjung ataupun dari Kuching dan Sibu dapat membawa bot di hulu sungai, satu-satunya alat perhubungan dengan keadaan yang serba kekurangan.

Satu lagi, sekolah-sekolah di pedalaman memerlukan bekalan air dan api yang memuaskan dan mencukupi. Dengan keadaan yang serba kekurangan yang terdapat sekarang, tidak hairanlah misalnya di daerah Belaga yang ada 16 sekolah rendah dan satu sekolah menengah hanya berjaya menghasilkan 30 orang siswazah sejak Malaysia ditubuhkan. Tidak hairanlah jumlah mereka yang mendapat 4A di dalam PMR tahun lepas di daerah Kapit yang ada 44 sekolah rendah hanya lebih kurang 40 orang, sama dengan sekolah rendah SR(P) St. Rita di Sibu.

Rakyat Malaysia di pedalaman Sarawak sama mengidam aspirasi rakyat Malaysia yang lain. Saya menyeru supaya masalah pendidikan di pedalaman Sarawak juga diberi perhatian yang sewajarnya seperti di Kuala Lumpur. Masih mengenai pendidikan, ingin juga saya menyentuh sedikit tentang teknologi maklumat dalam pendidikan dan latihan. Kerajaan meramalkan semua sekolah menengah akan ada akses kepada komputer tidak lama lagi. Bagaimanakah komputer ini digunakan jika ia disimpan dalam kelas tanpa sokongan? Ia hanya akan menjadi perhiasan dan dengan izin, creates upper set of enhance education.

Adakah ini disambung dengan Internet tanpa sumber tambahan? Jika ia pun, ia ada had dan batasnya, kita perlu lebih dari itu. Kita perlu sumber pendidikan ataupun learning resources yang terdapat di sini yang lebih bermakna kepada murid. Ini bermakna Malaysia mesti membuat sumber ataupun alat ini untuk murid kita dalam bahasa Malaysia dan berunsur budaya dan nilai kita. Menggunakan komputer untuk menambah pendidikan tidak dapat memberi nilai yang basic, tetapi komputer boleh membantu usaha untuk mengekal ataupun reinforce nilai-nilai tersebut.

Secara kasar, sekarang jika kita memasuki sebuah kedai komputer, sekurang-kurangnya 5 permainan untuk satu CD rom. Ada 5 CD rom dalam bahasa Inggeris, satu dalam bahasa Cina dan hampir tidak ada permainan ataupun pendidikan di pasaran dalam bahasa Melayu. Pendek kata, kita kekurangan software programme tempatan untuk pendidikan. Saya mencadangkan pihak universiti mengambil langkah yang pertama ke arah ini.

Di universiti, ada alat dan pakar-pakar. Pihak universiti harus sedar, ada kehidupan ivory tower mereka. Kita memerlukan learning resources, dalam bahasa Malaysia

dan kita tidak harus melemaskan murid kita dengan program yang dibentuk oleh orang lain, negeri lain dan budaya lain. Saya harap dengan adanya corporatization, universiti akan memberi priority yang utama kepada tanggungjawab ini.

Selain masalah pendidikan, di Sarawak masih memerlukan jalan raya di pedalaman. Bandar utama di pedalaman perlu dihubungkan dengan bandar besar. Tanpa ada rangkaian jalan raya, mustahil pedalaman Sarawak dapat dimajukan dengan cepat. Kerajaan harus juga memikirkan mengambil alih atau menaik taraf rangkaian jalan raya kayu balak yang terdapat sekarang. Sambil kita berpuashati dengan jumlah peruntukan RM718 juta yang diperuntukkan dalam lima tahun yang akan datang, kerajaan haruslah juga dengan seriusnya merancang rangkaian jalan ke pedalaman lebih-lebih lagi pedalaman lembah Sungai Rajang, misalnya Kanowit ke Kapit dan Bakun ke Belaga.

Perkara yang saya ingin sentuhkan seterusnya ialah sektor kesihatan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh perkhidmatan akan terus diperluaskan dan dipertingkatkan bagi mencapai taraf kesihatan untuk rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup lebih baik. Walaupun kita mengalu-alukan niat baik ini tetapi di pedalaman Sarawak ada beribu-ribu rakyat Malaysia yang tidak akan dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang saksama. Perancang tidak harus berlindung di sebalik kriteria dan guideline yang digubal untuk melicinkan rancangan.

Misalnya sudah bertahun-tahun rakyat Belaga ataupun Bakun memohon hospital tetapi tidak diluluskan oleh kerana jumlah penduduk di daerah tersebut kurang daripada 30,000. Tetapi daerah ini adalah sebesar negeri Kedah dan hospital yang terdapat adalah di Kapit 100 kilometer jauhnya dari Belaga dan Bintulu hampir-

hampir 120 kilometer. Apa yang lebih menyulitkan keadaan, pesakit harus melalui jeram Pelagus yang terbesar dan terpanjang di Malaysia sebab melalui Sungai Rajang sahajalah dapat sampai ke Kapit. Dari Belaga ke hulu pula ada lebih kurang 50 jeram-jeram yang bila-bila masa boleh meragut nyawa seseorang yang menggunakannya.

Di samping bahaya, perjalanan tersebut adalah mahal. Jika dari Long Busang ke Belaga dan balik menelan belanja lebih kurang ataupun lebih dari RM2,000. Saya menyeru Kerajaan Malaysia yang ingin membentuk masyarakat penyayang dan mempunyai tokoh-tokoh yang berjiwa rakyat, binalah hospital di Belaga dan lengkapkanlah klinik desa dengan kemudahan klinikal yang lebih sesuai. Klinik desa di pedalaman Sarawak tidak harus sama dengan di luar bandar lain. Di pedalaman Sarawak klinik desa boleh menentukan seorang pesakit itu hidup atau mati.

Jurang ketidaksamaan jelas jika kita lihat nisbah doktor dan penduduk. Jika kita bangga dalam tahun 1995 nisbah ini ialah satu doktor kepada 2,177 penduduk. Di daerah Belaga, jumlah penduduk hampir 24,000 tidak ada seorang doktor tetap, tidak ada doktor gigi dan pharmacist. Binalah sebuah hospital di Belaga dengan cepat. Dengan terbinanya Bakun dan adanya ladang-ladang kelapa sawit, saya jamin jumlah penduduk akan melebihi 30,000. Kerajaan juga harus memberi galakan untuk murid-murid tempatan di luar bandar menjadi doktor. Di daerah Belaga dan Baleh, penduduk (population) hampir 50,000 hingga 60,000 orang belum ada seorang doktor yang dihasilkan.

Dan perkara yang terakhir yang ingin saya sentuhkan ialah tentang penempatan semula di Bakun. Pihak rakyat yang terlibat dengan penempatan berasa lega bahawa pihak Kerajaan Negeri Sarawak dipertanggungjawabkan untuk menentu

dan mengawas perkara ini. Pengusaha (developers) datang dan pergi tetapi kerajaan akan kekal dan tidak boleh lari dari tanggungjawab mereka. Walaupun penempatan semula ini berlaku akibat terbinanya Empangan Hidro Bakun, tetapi saya memandangnya sebagai satu program pembangunan yang boleh membawa banyak manfaat kepada rakyat yang terlibat.

Seperti apa yang dicadangkan oleh Organisation for Economic Corporation and Development (OECD) di Paris, dengan izin:

(1) All voluntary resettlement should be conceived and executed as development programme providing sufficient investment, resources and opportunities to settlers to share in project benefit. Displaced persons should be:

- (i) enable to reconstruct a land-based or employment-based productive existence;
- (ii) compensated for their losses at replacement cost;
- (iii) assisted with the move and during the transition period at the relocation site; and
- (iv) assisted in the effort to improve their former living standard, income earning capacity and production level or at least to restore them.

(2) Indigenous group, ethnic minorities who may have informal customary right to the land or other resources taken for the project must be provided with adequate land, infrastructure and other compensation. The absence of legal title to land by such group should not be a bar to compensation.

(3) The implementation of the settlement plan is to be effectively supervised.

Saya menyentuh empat perkara ini, tanah, pekerjaan, ganti rugi dan juga pengawasan sebagai satu peringatan dan panduan untuk pihak pelaksana. Pihak Bakun Development Committee (BDC) yang ditubuhkan oleh rakyat Baloi yang terlibat telah menyampaikan laporan kita kepada kerajaan pada penghujung tahun 1994 dan saya percaya pihak kerajaan telah menelitinya dengan tabah dan sabar. Saya harap pihak kerajaan telah dan akan mengambil berat perkara-perkara yang kami kemukakan dan boleh dijadikan panduan dalam perancangan penempatan semula Bakun. Setakat ini, kami di BDC berpuashati dengan perbincangan yang diadakan. Sekurang-kurangnya pihak BDC telah reiterate isu-isu utama dalam laporan kami. Pihak Lead Agency (LCDA) untuk merancang penempatan telah pun berhubung rapat dengan pihak BDC. Dan pengumuman oleh Yang Berhormat Dr. George Chan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 10hb Mei 1996 tentang program penempatan dan compensation meyakinkan. Ini jelas menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam exercise ini.

Biasanya dalam projek penempatan semula yang diakibatkan oleh projek seperti projek Bakun kita harus berhati-hati oleh kerana exercise tersebut boleh menimbulkan masalah ekonomi, sosial dan alam sekitar yang rumit. Sistem produksi penduduk telah dibubar. Punca hasil dan wang sudah hilang dan mereka telah dipindah di mana social and productive skill mereka kurang sesuai dan saingan untuk bahan-bahan keperluan ataupun resources lebih sengit di tempat yang baru. Penempatan semula boleh berakhir dengan kesukaran hidup yang kekal dan kemiskinan.

Oleh kerana itu, rancangan penempatan semula yang baik sangat-sangat perlu; ia memberi satu jalan untuk mengurangkan kesan negatif perpindahan dan menimbulkan pembangunan untuk mereka

yang terlibat secara langsung dengan projek Bakun. Saya menaruh penuh harapan dan kepercayaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan pucuk pimpinan kita untuk menentukan rakyat Baloi yang terlibat akan mendapat manfaat dengan terlaksananya projek ini.

Satu langkah yang utama yang boleh dibuat ialah memberi keutamaan kepada orang tempatan iaitu orang Baloi menjalankan kontrak kecil di Bakun. Misalnya membekal ration dan catering, labour supply, kerja-kerja di kawasan penempatan semula, kontrak memotong, felling ataupun clearing di ladang-ladang dan juga di kawasan tadahan. Jika tidak mampu sendiri, pihak tempatan boleh menubuhkan usaha sama strategik dengan pihak lain yang lebih berupaya dan berpengalaman. Saya percaya kerajaan ataupun pihak kontraktor akan menimbangkan cadangan ini.

Saya telah menyentuh beberapa perkara khas yang melibatkan kaum di pedalaman, diharapkan kerajaan akan memberi penekanan-penekanan di atas perkara-perkara tersebut. Dengan izin, at the risk of sounding parochial, saya telah memohon pembelaan yang lebih khusus untuk rakyat di pedalaman negeri Sarawak. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagan Serai.

7.40 mlm.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mengucapkan syukur kepada Allah dan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang mulia ini kerana mendapat peluang berucap.

Tuan Speaker, saya dan masyarakat kawasan Bagan Serai yang majoritinya

adalah dari golongan petani-petani dan penduduk-penduduk luar bandar merasa sangat berbangga dan berpuas hati di atas ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh yang baru lepas. Ucapan yang penuh dengan iltizam, kerajaan untuk membangun negara dan rakyat dalam semua bidang ini bolehlah diertikan bahawa itulah niat kerajaan untuk memajukan rakyat bagi menuju cita-cita, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju, Malaysia menjelang abad ke-21 dan seterusnya di tahun-tahun 2020 nanti.

Tuan Speaker, dalam azam untuk melaksanakan suatu pekerjaan itu, umpamanya bagi kita orang-orang Islam telah diajarkan supaya memulakan sembahyang kita itu dengan niat. Nabi Muhammad s.a.w. ada bersabda, 'innamal 'amal binniat', bahawasanya setiap satu pekerjaan itu bermulalah dengan niat dahulu. Apa yang telah kita saksikan ialah bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, selaku Imam kita, telah pun membacakan niat negara kita untuk melaksanakan amalan pembangunan lima tahun mulai tahun ini hinggalah ke tahun 2000.

Niat pembangunan yang telah dibukukan setebal lebih daripada 700 muka ini telah didahulukan dengan kajian-kajian, telah mengambil kira apa yang telah selesai dan apa pula yang belum dilaksanakan. Apa yang telah dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, disambung pula dengan Rancangan Malaysia Ketujuh dan ditambah lagi kajian demi kajian dibuat beberapa tahun lebih dahulu. Sekarang semuanya telah dibukukan dan akan menjadi panduan yang mesti dituruti oleh semua pelaksana.

Tuan Speaker, saya amat berharap di dalam pelaksanaan kita dapat dengan tepatnya menuju ke arah matlamat perancangan kita dengan licin dan berjaya. Saya percaya di dalam hal ini, semua pihak pemimpin-pemimpin dan rakyat,

negara dan penduduknya mengalu-alukan dan menunggu-nunggu gerakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Oleh itu, ada beberapa perkara yang saya ingin sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, jentera pelaksanaan yang terdiri daripada para pegawai dalam perkhidmatan awam hendaklah menerima tugas untuk menangani pembangunan ini dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan semangat bekerja yang tidak boleh dipersoalkan seperti masa lepas-lepas juga tetapi pada kali ini usaha-usaha hendaklah dilipatgandakan lagi. Kita hendaklah ingat dan sentiasa bersyukur bahawa negara kita telah mencapai kemajuan dan banyak kejayaan telah pun melalui satu transformasi atau dalam bahasa Arabnya, 'Al-Tajdeed' iaitu pengubahan daripada negara pertanian ke arah negara perindustrian.

Ini juga telah pun berlaku di negara-negara Barat. Tetapi oleh kerana kita baru, selepas mencapai kemerdekaan dengan jayanya, keamanan telah dapat kita pertahankan, pendidikan dapat dipertingkatkan, maka negara kita sedang menuju dengan lajunya ke arah pencapaian kemajuan bagi negara ini. Di dalam arus pembangunan ini, banyak pegawai-pegawai kerajaan di semua peringkat telah pun diberi ganjaran di dalam tahun baru ini. Gaji mereka telah disemak semula, kesatuan mereka telah memperjuangkan nasib mereka dan mereka telah menerima ganjaran itu, maka saya rasa mereka sudah tentu cukup berpuas hati untuk menyinsing lengan dan bekerja bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini, ada segolongan manusia yang mungkin telah pun disebutkan oleh saudara-saudara saya yang terdahulu ataupun ada yang tak nampak atau ketinggalan iaitu kumpulan ini adalah

orang yang paling hadapan di dalam pembangunan negara kita iaitu di peringkat barisan hadapan ialah mereka yang bekerja dengan ikhlas, yang tidak menerima ganjaran sangat, ganjaran sedikit sangat kalau dibandingkan dengan kerja mereka iaitu para ketua-ketua kampung. Mereka ini dilantik dan dengan kerja sukarela tak kira pagi ataupun petang, time mereka tidak kira.

Saya pernah berjumpa ketua kampung di tempat saya yang mana isterinya dan dia sudah pun melangkah kaki untuk turun ke sawah, tiba-tiba elok sahaja sampai hendak mencecah kaki dekat sawah, ada orang panggil: "Tok ketua, ada sedikit kerja ini!" Dia pun khabak kat isteri dia: "Ha, tak apalah, hang pilah dulu ke bendang dan nanti saya mai". Sampailah tengah hari dia tak pi ke bendang dah! Jadi, kerja-kerja mencari rezeki mereka ini kadang-kadang sudah pun terserah kepada isteri mereka dan juga orang-orang lain. Walhal kerja mereka, kenduri-kendara pun kena pergi, kematian mereka kena pergi, hingga orang masuk jawi pun mereka kena ada dan masjid surau pun mereka kena hadir. Majlis-majlis keagamaan pun mereka kena hadir, sehingga kenduri-kenduri bangsa lain pun mereka kena pergi juga. Jadi, orang-orang ini kita beri sedikit sangat ganjaran. Kalau tidak silap saya, mereka diberi RM600 setahun, iaitu lebih kurang RM50 sebulan. Adakah patut, adakah padan?

Saya sukalah bertanya kepada wakil-wakil kementerian, dari jabatan mana mereka ini diletakkan? Jabatan Perdana Menteri atau dari jabatan mana? Berapa ramai ketua-ketua kampung ini dalam negara kita? Barangkali ada juga dalam majlis ini yang bapa dia boleh jadi ketua kampung yang dia tahu sendiri berapa susahnyanya ketua kampung sampai pukul 12.00 malam kadang-kadang tak balik dan semua kegiatan di kampung, baik politik pun dia juga, kebajikan pun dia juga dan mereka ini ada yang kayuh basikal

kerana tak mampu, ada yang naik bas sahaja, ada yang jalan kaki, ada yang naik motor dan ada yang bernasib baik, anak-anak mereka tolong, ada yang pakai kereta pun ada juga.

Jadi, kehidupan mereka sentiasa dalam keadaan susah. Maka saya inginlah mencadangkan kepada pihak yang berkuasa, kerajaan memikirkan taraf hidup mereka ini. Kepada saya, sebagai menghormati kerja mereka ini sekurang-kurangnya berilah RM250 sebulan untuk mereka bergerak dan melayani, untuk beli basikal baru atau apa dan pelbagai lagi. Kerana tidak ada ketua kampung saya ingat tak ada negara kita, walaupun kita boleh kata apa juga sekarang ini negara kita maju dan pelbagai lagi, institusi ketua kampung ini tidak hilang.

Saya sudah perhati dari dahulu hingga sekarang ketua kampung ini ada juga dan sentiasa berganti dan ada yang kekal sampai bertahun-tahun, sampai tua umur, 70 pun! Kalau kita masih bertenaga, masih dikehendaki oleh masyarakat, masih disayangi oleh masyarakat, mereka terus menjadi ketua kampung. Jadi, orang-orang ini janganlah kita kira sangat, berilah mereka sedikit ganjaran, lebih kurang RM250 ke sebulan ataupun cara-cara yang lain lagi beri supaya mereka ini bolehlah meletakkan diri dan kedudukan mereka lebih terjamin dan kepimpinan di peringkat kampung yang boleh memberikan khidmat yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut hal-hal sekolah agama rakyat. Di dalam negara kita saya tidak tahu berapa banyak sekolah agama rakyat dan sekarang ini sekolah agama rakyat memainkan peranannya sejak daripada dahulu lagi. Keluaran-keluaran daripada sekolah agama rakyat itu sudah banyak yang menjadi pemimpin, yang berjaya dan ada yang sampai ke peringkat mercu gading dan pelbagai lagi. Tetapi, apa yang ingin saya sebutkan di sini ialah apa

yang boleh diadakan oleh sekolah agama rakyat ini tidaklah semampu mana yang boleh diadakan oleh kerajaan, maka selayaknyalah sama ada kita terima atau tidak terima, mereka patut dibantu.

Sejak akhir-akhir ini banyak sangat sekolah agama rakyat ini yang terbakar. Kalau kita masuk ke sebuah sekolah agama rakyat, kita akan dapati penuntut-penuntutnya yang ramai, hostel ataupun asramanya yang penuh sesak dengan murid-murid yang duduk dalam keadaan terlalu berhimpit-himpit sehinggakan pada pandangan kita tidaklah selesa dan tidak sesuai untuk anak-anak murid di peringkat umur mereka itu belajar dalam keadaan yang macam begitu keadaannya. Oleh kerana itu saya mengharapkan kerajaan mengambil berat tentang sekolah agama rakyat dan mencadangkan di tiap-tiap negeri di dalam negara kita ini menubuhkan satu pusat latihan kepada para guru sekolah agama rakyat ini kerana sekolah agama rakyat tidak ada melalui satu latihan yang formal untuk jadi guru. Siapa yang agak ingin jadi guru dan apabila sekolah itu kekurangan guru dia tarik sahaja, jadi orang ini tidak ada latihan yang sempurna untuk jadi guru, sependai-pandai dia sahajalah, mengisi ruang masa dan ruang tempat di dalam sekolah-sekolah itu. Jadi, bayangkanlah berapa banyak masa anak-anak Melayu yang belajar di sekolah agama itu terbuang. Mungkin satu pelajaran yang boleh diselesaikan dalam masa tiga tahun ia akan mengambil masa 5 - 6 tahun, oleh kerana tidak melalui satu sistem yang mana gurunya tidak boleh menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih sempurna. Lebih-lebih lagi taraf guru-guru sekolah agama ini lebih kurang orang kata, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, mereka tidak ada tangga gaji yang boleh dibandingkan dengan para guru walaupun guru sekolah rendah di bahagian kerajaan dan sekolah-sekolah swasta yang lain. Jadi, ini saya rasa, mahu tidak mahu, kerajaan haruslah mengalihkan pandangan

mereka kepada sekolah agama rakyat ini kerana kita ingin dan kita sayang, anak-anak murid yang mereka hantar ramai yang berotak geliga dan bijak pandai terbenam di dalam sekolah-sekolah ini yang akhirnya balik di dalam kawasan-kawasan kampung yang membawa perasaan tidak senang kepada kerajaan yang telah ditanamkan perasaan tidak senang hati oleh kerana kemiskinan, oleh kerana itu ini yang mereka dapati daripada keadaan mereka itu, maka ini berpanjangan. Sebab itulah guru-guru sekolah agama pada keseluruhannya sepatutnya di sesebuah negeri itu mengadakan pusat latihan guru-guru sekolah agama kerana tiap-tiap satu negeri itu saya kira ramai juga, mungkin makan masa bertahun juga untuk habiskan melatih guru-guru sekolah agama ini walaupun latihan yang singkat, misalnya sebulan ataupun dua minggu mengikut modiu-modiu yang tertentu.

Dan begitu jugalah pusat-pusat latihan agama di peringkat negeri ini boleh mengambil juga para imam. Saya tidak tahu berapa banyak masjid yang ada di dalam negara kita ini dan berapa banyak pula masjid sejak ada pembangunan ini, peralihan manusia daripada satu tempat ke satu tempat mengejar pembangunan ada juga masjid yang sudah tidak cukup bilangan jemaah untuk melaksanakan sembahyang hari Jumaat. Ada masjid-masjid yang sudah tertunggu hendak cukupkan kuorum sampai ada yang pergi diturut ke rumah. Ini juga saya rasa di Jabatan Agama harus meneliti kerana ikut Mazhab Shafie kita hendak mencukupkan bilangan jemaah mesti ada pemastautin 40 orang, baru boleh sembahyang jumaat.

Jadi, sekarang ini sudah berlaku di dalam negeri maju ini, orang sudah berubah. Ada masjid yang terlampau penuh sampai melimpah-limpah, tidak muat masjid, ada masjid di dalam kampung yang dulunya penuh dengan orang

sekarang sudah tidak ada, hendak cari orang sudah tidak cukup. Jadi, ini satu keadaan yang mungkin para ulama kita melalui IKIM harus memikirkan cara mana. Bilangan orang ini yang sudah berkurangan dan ada juga di tempat-tempat seumpamanya di tempat-tempat Orang Asli yang baru menganut agama Islam tidak cukup bilangan untuk menunaikan fardu Jumaat dalam kampung itu sendiri manakala mereka masih segan silu untuk bercampur dengan orang-orang yang sudah lama di situ, mereka segan. Jadi, adakah mereka ini kita akan biarkan tertinggal daripada melakukan sembahyang Jumaat ataupun ada cara lain yang mana mereka dibenarkan mengikut takliq kepada mazhab yang lain, boleh menunaikan fardu Jumaat walaupun bilangan-bilangan yang kecil.

Jadi ini saya rasa perkara-perkara yang patut, sekolah agama dan juga pusat latihan tadi, bukan sahaja Tok Imam patut kita beri latihan. Imam-imam ini ialah penggerak masyarakat. Mereka, the agent of change, di peringkat mereka sendiri, mereka orang yang dihormati, yang sentiasa di hadapan, di masjid dan juga di tempat-tempat orang berkumpul, Tok-tok Imam dihormati. Jadi, orang ini mesti kita angkat taraf mereka. Kita beri latihan dan isi mereka dengan ilmu pengetahuan, bergerak sebagai Tok Imam, mereka diberikan kemudahan-kemudahan yang sempurna dan ini juga memerlukan satu latihan. Saya percaya di negeri Perak sahaja kalau dianggarkan satu buah masjid ada empat Imam, maka di sana sahaja ada 2,000 orang Imam, jadi 2,000 Imam ini walaupun ada diberikan latihan-latihan ringkas, satu hari satu petang ataupun satu minggu tidak memadai kerana mereka ini perlu diambil, digunakan aset mereka itu sebagai satu usaha pembangunan umat Islam dan keseluruhannya membangunkan negara itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Ismail: Saya ada sedikit, satu perkara sahaja. Di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu banyak wang. Tiap-tiap wakil rakyat seorang ada RM300,000 iaitu Ahli Parlimen dan tidak kira di ADUN-ADUN dan konsep yang kita utarakan tadi kepada sahabat-sahabat saya pun ingin supaya perkara ini diselesaikan di peringkat kampung. Orang kampung sendiri buat, macam mana Samuel Undung di Korea yang mencapai kejayaan iaitu konsep gotong royong. Saya hairan di dalam hal ini apabila saya berbincang dengan pegawai, dia kata konsep ini boleh beri 10% sahaja, kalau peruntukan RM2,000 boleh beri RM200 sahaja kepada orang itu walhal sekarang ini tidak ada orang yang boleh buat atau mahu buat kerja dengan 10% itu. Kalau angkut tanah tambak lopak boleh! Tetapi kalau hendak membaiki surau atau hendak menyapu cat dan sebagainya ini, maka konsep ini patut diubah.

Saya cadangkan supaya ditingkatkan kepada 30% upah gotong royong ini supaya boleh orang kampung menyertai Rancangan Malaysia Ketujuh sampai ke peringkat akar umbi. Jadi, itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sepang.

8.00 mlm.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh pada petang yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rancangan Malaysia Ketujuh ini, jelas

nampaknya kesungguhan kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan dengan sosio-budaya, ekonomi, juga yang paling utama menanamkan dan menyuburkan nilai-nilai mulia serta kerjasama antara kaum di Malaysia, seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Antara lain tujuan Rancangan Malaysia Ketujuh dirangka sebegini rupa adalah untuk membawa Malaysia ke abad ke-21 yang kukuh ekonominya dan rakyatnya yang bersatu padu.

Pada masa yang sama, untuk tujuan ini keadilan dalam mengagih-agihkan kekayaan negara diutamakan juga. Dengan itu, kerajaan juga merancang untuk menaikkan taraf hidup rakyat melalui peningkatan upah, kemudahan asas dan infrastruktur yang baik serta menanamkan dalam jiwa masyarakat nilai-nilai estetik yang lebih tinggi, iaitu kepada menghayati dan mengekalkan seni warisan dan budaya. Untuk tujuan ini, kerajaan akan menyokong pembangunan aspek budaya dengan menyediakan peruntukan bagi menyokong pembangunan, aktiviti kesenian, muzium, opera dan orkestra simfoni. Pendek kata, aspek kualiti hidup menjadi salah satu hala tuju negara kita bagi penyediaannya menghadapi abad ke-21, malah untuk mencapai taraf negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya apa yang dirancangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini baik belaka. Walaupun begitu, ada beberapa aspek dalam rancangan ini yang memerlukan penelitian dan penerangan yang lebih jelas. Saya menyentuh beberapa persoalan berhubung dengan pembangunan mampan, kualiti hidup, menangani masalah sosial dan nilai moral dan etika. Pada pandangan saya, perkara-perkara tadi amat berhubung kait dan amat penting bagi menilai kematangan sesuatu masyarakat atau negara. Negara yang maju adalah maju bukan sahaja dari segi pembangunan material dan kestabilan

ataupun kekuatan ekonominya, tetapi maju dari segi daya pemikiran rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan usaha kerajaan dalam masalah agar undang-undang berkaitan alam sekitar diketatkan lagi dan skopnya diluaskan lagi bagi menjamin keseimbangan antara pembangunan dan kawasan persekitaran. Kita dengar dan mungkin telah kita lihat penilaian kesan alam sekitar yang perlu dibuat sebelum sesuatu projek pembangunan dijalankan. Begitu juga mengenai usaha memelihara kawasan hutan, ianya dibuat sama ada melalui pengawalan kawasan pembalakan ataupun pengekalan kawasan hutan rizab, juga penanaman semula pokok-pokok hutan. Walaupun begitu, pada masa yang sama kita juga mendengar rancangan untuk membuat projek besar yang akan memusnahkan kawasan hutan dengan keluasan yang amat besar.

Begitu juga kita dengar dan lihat pembangunan secara rakus di kawasan tanah tinggi. Kita juga mendengar cadangan untuk membina lebuh raya Cameron Highlands, Genting Highlands, Bukit Frazer. Kita juga mendengar dan lihat bagaimana kejadian tanah runtuh di serata tempat dalam negara yang telah banyak meragut nyawa rakyat. Begitu juga kejadian banjir yang banyak merugikan rakyat. Dalam keghairahan kita untuk mengejar kemajuan, perlukah sikap sebegini dibiarkan berterusan? Kita sekarang mahukan negara yang maju dan rakyatnya menikmati hidup berkualiti. Jadi, apakah kerakusan dalam mengubah struktur alam semula jadi atas nama pembangunan sesuatu yang patut dihalalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari kerosakan alam sekitar akibat perubahan muka buminya, kerosakan alam sekitar oleh pencemaran akibat buangan bahan toksik, juga buangan kilang ke dalam sungai-sungai juga amat serius.

Pokoknya, selain dari undang-undang akta, kita telah lihat banyak kempen-kempen dibuat untuk menyedarkan rakyat mengenai pencemaran ini. Tetapi apakah arah sasarannya menepati yang dirancang. Dari itu, kita perlu meneliti pelaksanaan undang-undang yang ada sekarang bagaimanakah ianya dilaksanakan, siapa yang melaksanakan, adakah cara pelaksanaan yang ada sekarang ini berkesan? Marilah kita sama-sama fikir adakah kita serius dalam usaha membangunkan negara berlandaskan pembangunan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan asas yang sangat penting bagi memastikan rakyat di negara ini celik huruf. Dekad 1960-an, 1970-an dan 1980-an telah berjaya meningkatkan kadar celik huruf rakyat. Rancangan pembangunan negara telah berjaya meningkatkan kadar pendidikan dan seterusnya kadar celik huruf, telah meningkat kepada 85%. Di samping itu, pembangunan infrastruktur sangat pesat dijalankan hasil dari rancangan-rancangan pembangunan. Bertambah ramai bilangan profesional dalam negara, dan kesan paling jelas ialah peningkatan dalam profesional bumiputera.

Namun, kita tidak boleh duduk bersandar dan bersenang hati dengan pencapaian ini, kerana banyak lagi kelemahan-kelemahan terutama di kalangan bumiputera yang boleh sedikit-sebanyak mencacatkan kejayaan tadi. Misalnya, kadar kelulusan peperiksaan pelajar bumiputera adalah lebih rendah berbanding pelajar kaum lain. Begitu juga kadar kemasukan ke universiti dan kolej-kolej pengajian swasta, bilangan pelajar bumiputera adalah rendah. Antara punca adalah kelemahan sumber ekonomi. Kadar kemiskinan bumiputera masih nyata terutama di kawasan luar bandar. Usaha kerajaan memberikan persekolahan percuma pada hakikatnya sekarang ini adalah tidak percuma lagi. Para ibu bapa

terpaksa berbelanja besar bagi persiapan persekolahan anak-anak mereka. Kelemahan ekonomi juga menjadi sebab kepada kuasa beli yang lemah.

Oleh itu, pembelian bahan makanan dan kemudahan asas lain terbantut atau terhad. Kesannya, perkembangan fizikal dan mental juga lembab. Andaian ini memang satu kenyataan. Perlu keadaan ini diperbetulkan dengan inisiatif dari semua pihak yang berkenaan, terutama sekali kerjasama dan keprihatinan golongan profesional dan usahawan bumiputera yang telah berjaya bagi membantu kerajaan menangani masalah ini. Perlu diingatkan bahawa pembangunan infrastruktur semata-mata tanpa mengambil kira aspek kerohanian, perkembangan jiwa yang positif adalah pembangunan yang kosong.

Saya berpandangan salah satu penyebab kemunduran pelajar bumiputera khasnya adalah kerana kurang pengamatan nilai-nilai sosio-budaya yang terutama sekali nilai tanggungjawab sosial di kalangan golongan bumiputera yang berjaya, perlu ada satu prinsip tanggungjawab sosial dalam diri golongan para profesional dan usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, pengisian nilai tanggungjawab sosial amat penting agar golongan yang berkuasa dapat memastikan keadilan yang sebenar dapat dinikmati oleh rakyat. Ini penting kerana ia bersangkutan dengan masalah sosial, masalah moral dan nilai etika dan masalah perkembangan nilai estetik. Tanggungjawab sosial mesti sesuai dengan keadaan dan habitat tempatan. Kita tidak boleh menerima apa sahaja yang datang dari luar. Yang tidak baik kita tolak terus, manakala yang baik kita kaji dahulu pemakaiannya.

Saya ingin pejelasan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini antara hasrat kerajaan ialah meningkatkan nilai estetik di

kalangan rakyat. Apa yang saya nampak jelas penumpuan kesenian adalah bercorak kebaratan ataupun mungkin lebih menitikberatkan unsur kesenian yang agak kebaratan. Apa terjadi kepada kesenian tradisi negara ini? Saya percaya apabila disebut opera dan orkestra simfoni, ada unsur kesenian dari kalangan masyarakat Cina, tetapi bagaimana unsur kesenian masyarakat lain? Misalnya, kesenian bangsa Melayu seperti dikir barat, makyung dan boria, dondang sayang, keroncong serta permainan rakyat yang patut diketengahkan. Bagaimana pula kesenian bangsa bumiputera lain? Adakah apabila disebut memupuk nilai estetik yang lebih tinggi, bermakna kita mengenengahkan unsur kesenian asing?

Yang jelas sekarang ini unsur kesenian tempatan pun amat jarang kelihatan di kaca TV kita. Sekiranya ada kegiatan kesenian tradisi ditonjolkan, ianya ditunjukkan di tempat-tempat eksklusif untuk tontonan pelancong negara asing. Rakyat kita rata-rata didedahkan kepada corak kesenian atau lebih tepat lagi hiburan ala-kebaratan. Kita kkuatiri satu hari nanti bukan sahaja bumi dipijak milik orang, malah kesenian bangsa juga akan jadi milik orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini, dalam usaha kerajaan membendung masalah sosial dan moral di kalangan remaja kita yang sememangnya semakin parah keadaannya. Penekanan terhadap undang-undang dan pendidikan agama serta moral dititikberatkan. Ini sememangnya dialu-alukan. Namun begitu, bagaimanakah dapat kita memastikan pengaruh negatif dan sikap-sikap tidak sihat di kalangan remaja, juga orang dewasa dapat kita bendung dengan berkesan sekiranya tarikan-tarikan untuk melakukan maksiat serta jalan-jalan ke arah melakukan perkara-perkara yang melalaikan amat mudah didapati.

Marilah kita lihat tindakan demi keseragaman dunia hiburan dan punca-punca kegiatan yang tidak sihat yang melanda golongan remaja dan dewasa kita hari ini. Di merata media massa kita lihat penonjolan artis dan dunia glamour masing-masing sama penting dan besar liputannya dengan pemimpin kita, malah, telah memalapkan sinar para ilmuan, baik para ilmuan dan tokoh agama mahupun dalam bidang lain seperti kesenian, sastera bahasa, kemasyarakatan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mintalah kalau boleh, saya hendak benarkan kesemua Ahli-ahli berucap, kalau sekiranya dapat pendekkan sedikit ya.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Baik Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh lihat trend atau gaya hidup hiburan dan kesenian ini adalah berlapikkan unsur-unsur luar. Tidak cukup dengan itu, kita disajikan dengan filem atau muzik serta corak pelancongan cara Barat yang rata-ratanya konsep kehidupan dan kemasyarakatannya bertentangan dengan cara hidup dan konsep kemasyarakatan kita.

Saya berpendapat, bukan sahaja program.....minta maaf Tuan Yang di-Pertua, hendak memendekkan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Dalam keadaan negara memerlukan sumber tenaga dari rakyat tempatan yang lebih banyak lagi dan dalam usaha untuk melahirkan lebih banyak tenaga kerja mahir dan dalam usaha untuk menggalakkan kaum wanita lebih ramai lagi yang bekerja, kita semua didedahkan dengan bentuk-bentuk hiburan yang melalaikan. Bagaimanakah matlamat Wawasan 2020 akan dicapai sekiranya kemajuan dari segi pendidikan dan lain-

lain yang berkaitan sama kuat kempennya dengan hiburan?

Saya ingin mengaitkan perkara ini dengan usaha kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Bagi menggalakkan ramai wanita memasuki bidang pekerjaan, peraturan kerja yang lebih anjal akan diperkenalkan. Walaupun ini satu langkah positif dalam usaha memperkukuhkan kedudukan ekonomi wanita dan negara, tetapi apakah kesannya terhadap anak-anak bagi wanita yang berkeluarga? Apakah kemudahan yang telah dapat disediakan bagi pendidikan serta penjagaan anak-anak bagi wanita yang bekerja sudah mencukupi dan memuaskan? Kita bimbang, masalah moral dan sosial menjadi lebih parah kerana tarikan serta pengaruh unsur-unsur luaran dan tolakan unsur-unsur dalaman akan menjadi lebih hebat dari yang ada sekarang.

Saya berpendapat, bukan sahaja program ilmu keibubapaan dan kesihatan fizikal keluarga sahaja yang perlu diberi perhatian, tetapi keadaan tempat tinggal, suasana persekitaran, kawasan tempat tinggal sama juga pentingnya.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pembangunan infrastruktur, khususnya pembinaan lapangan terbang KLIA di kawasan Sepang. Projek KLIA ini menelan belanja sebanyak RM8 bilion. Jumlah yang besar ini diperuntukkan kepada pembinaan serta mencantikkan lapangan terbang. Namun begitu, kawasan kampung serta jalan-jalan di sekeliling KLIA dibiarkan tanpa perancangan yang rapi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan bahawa 11 kilometer di sekeliling KLIA tidak boleh dimajukan adalah tidak munasabah. Perkara ini sudah saya suarakan juga beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini kerana sedang KLIA dan Putrajaya dimajukan yang terletak di dalam multimedia super corridor, apa akan terjadi

kepada kawasan kampung-kampung Melayu di sekitarnya?

Saya ingin mencadangkan agar satu laluan baru dibina mulai Kampung Ulu Chuchoh menghala ke Salak Tinggi melalui laluan Kampung Bukit Changgang. Melalui kemudahan jalan raya sebeginilah, orang-orang kampung mendapat faedah dari pembangunan di kawasan mereka.

Sekarang ini, tidak ada laluan terus dari kampung-kampung berkenaan menuju ke pusat pentadbiran Salak Tinggi dan ke lapangan terbang. Jalan raya yang wujud ke KLIA jauhnya adalah 40 kilometer, sedangkan jalan terus sekiranya dibina jaraknya cuma 20 kilometer sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta menyuarakan beberapa masalah jalan raya di kawasan kampung-kampung di daerah Sepang. Memang benar kawasan Sepang sedang pesat membangun, tetapi malangnya keadaan sekelilingnya, terutama jalan raya masih belum lagi memuaskan. Jalan yang dimaksudkan ialah di Kampung Jenderam Hulu. Jalan ini digunakan sebagai laluan utama kenderaan dari Salak Tinggi, Nilai menuju ke kawasan kilang-kilang di Bangi.

Dengan wujudnya banyak kilang berhampiran kawasan Sepang, terutama sekali di Bangi, jumlah kegunaan jalan ini mula meningkat. Begitu juga kemalangan melibatkan kematian. Jalan ini sememangnya jalan yang lama lagi sempit dan berbengkang-bengkok. Dengan kepadatan kependudukan dan peningkatan kegunaan jumlah lori, bas dan motosikal, nyata jalan ini perlu satu alignment yang baru dan sudah pasti menelan belanja yang besar. Saya berharap, janganlah pembangunan ditumpukan di kawasan KLIA sahaja, sedangkan rakyat tempatan hidup dalam keadaan keresahan.

Akhir sekali, wujudnya jalan baru dari tol Nilai menuju ke Bandar Baru Salak

Tinggi seharusnya dua carriage way atau pembinaan divider, dengan izin, bermula dari tol Nilai sehingga ke jalan menuju ke Bandar Baru Salak Tinggi. Sayangnya, saya begitu sedih sekali kerana laluan di antara roundabout yang kedua, dengan izin, menuju ke Bandar Baru Salak Tinggi hanya wujud satu laluan dan tiada divider atau perintang di mana akibatnya timbul kemalangan yang berterusan, terutama sekali di waktu hujan dan malam. Oleh kerana peningkatan jumlah kenderaan di jalan ini, satu tindakan yang serius bagi melebarkan jalan ini sepatutnya dipercepatkan sebelum penduduk-penduduk berpindah di kawasan Nilai yang baru ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengemukakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua kali "akhir sekali" itu.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Yang paling akhir, Tuan Yang di-Pertua, last! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya juga ingin mengemukakan satu pertanyaan, iaitu mengapakah coastal highway yang akan diwujudkan dari Taiping ke Banting hanya tamat di Banting sahaja? Sekiranya kita peka dengan keadaan kawasan tanah rizab Melayu, seharusnya laluan ini terus disambungkan ke Sepang dan seterusnya ke Port Dickson dan ke Melaka.

Rangkaian inilah yang akan dijadikan rangkaian jalan alternatif yang sesuai, terutamanya bagi perkembangan ekonomi bandar-bandar di sepanjang jalan ini. Sekiranya hasrat ini diwujudkan, barulah orang-orang Melayu di kawasan ini, orang-orang kampung di kawasan ini mendapat faedah dari pembangunan yang diketengahkan oleh peringkat pusat.

Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Azmi, duduk ya, nanti sekejap. Berapa orang yang hendak bangun yang hendak berucap?

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sembilan orang ya. Sila duduk. Jika saya beri 10 minit seorang, boleh tak? Setiap orang boleh berucap. Jadi, kita sambungkan sehingga 9.45 malam. Yang Berhormat, sila. Sehingga jam 9.45 malam.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

8.18 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang:

Bahawa dengan tidak menghiraukan usul yang diputuskan terdahulu dari ini dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan hingga jam 9.45 malam ini.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sokong ya? (*Ketawa*) Hendak berucap ya? Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang memohon supaya Majlis Mesyuarat pada malam ini tidak akan ditangguhkan hingga jam 9.45 malam ini hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa dengan tidak menghiraukan usul yang diputuskan terdahulu dari ini dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan hingga jam 9.45 malam ini.

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Mersing. 10 minit Yang Berhormat.

8.19 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini pada 6 Mei 1996 yang lalu. Berasaskan prestasi negara di bawah Rancangan Malaysia Keenam, saya penuh yakin apa yang telah digariskan di dalam rancangan tersebut akan tercapai menjelang tahun 2000, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian dan status ekonomi bumiputera semenjak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan semakin bertambah baik berbanding masa sebelumnya.

J.M. Gullick dalam bukunya *Sistem Politik Bumiputera: Tanah Melayu (Barat)* antara lain menggambarkan kedaifan ekonomi orang-orang Melayu pada abad ke-19 yang lalu. Katanya, "Pada masa-masa lampau tiada satu pun untuk dimakan kerana kekurangan kerbau. Menanam padi amat sukar dan tiada seorang pun yang

boleh menentukan bahawa ia tidak payah berpindah pada hari esoknya."

Alhamdulillah, kini betapa nikmatnya hidup kita di bumi bertuah ini berbanding dengan kehidupan datuk nenek kita dahulu. Taraf kehidupan rakyat khususnya orang-orang Melayu lebih baik dengan adanya peluang untuk memiliki harta di dalam pelbagai sektor, peluang mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, adanya kemudahan berniaga dan sebagainya. Semuanya ini menuntut kita menjadi umat yang sentiasa bersyukur dan tahu menghargai nikmat yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, "keyakinan adalah kehidupan, sebaliknya keraguan dan kejahilan adalah kematian". Demikian pandangan seorang filosof di zaman kegemilangan Islam dahulu. Untuk menimbulkan keyakinan, maka perlu ilmu pengetahuan dan penimbaan pengalaman dalam bidang yang ingin diceburi. Di negara kita, reformasi pendidikan kini berada pada satu dimensi baru. Falsafah pendidikan negara mengungkap, antara lain bahawa "pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara".

Tuan Yang di-Pertua, usaha meningkatkan taraf sekolah vokasional menjadi sekolah teknik adalah satu langkah yang sangat dialu-alukan. Kelahiran lebih ramai pelajar mahir dalam pelbagai bidang teknikal akan dapat mempersiapkan mereka untuk menjayakan Wawasan 2020.

Selain itu, harapan untuk memperbanyakkan bilangan usahawan bagi melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera akan terlaksana secara tidak langsung. Langkah ini adalah seiring dengan hasrat Kementerian Pembangunan Usahawan untuk melahirkan lebih ramai usahawan menjelang dekad yang akan datang iaitu seorang bagi setiap 15 keluarga bumiputera.

Sehubungan itu, pelaksanaan sistem francais, sistem vendor, satu kampung satu produk perlu dipertingkatkan dengan lebih agresif agar matlamat yang diharapkan oleh kerajaan akan tercapai. Selain itu, usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh mestilah ditumpukan kepada peningkatan penglibatan bumiputera dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

Kerajaan boleh menjayakan hasrat ini antaranya melalui program usaha sama tulen antara bumiputera dan bukan bumiputera. Dewan-dewan perniagaan Melayu, Cina dan India perlu mengambil inisiatif dalam usaha sama ini supaya pelaksanaannya lebih menyeluruh dan lebih banyak bilangannya serta memastikan kejayaannya sebagaimana yang diharapkan. Mungkin beberapa insentif percukaian misalnya, boleh dipertimbangkan untuk menggalakkan kerjasama yang sedemikian. Dengan adanya kerjasama tulen, ini bukan sahaja lebih ramai usahawan dapat diwujudkan tetapi ia juga dapat menjalinkan ikatan perpaduan yang lebih erat antara berbilang kaum yang menjadi teras kepada kestabilan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan sumber manusia dengan memperkukuhkan institusi pendidikan. Contohnya dari segi kemudahan yang disediakan, lebih banyak bilik darjah

dirancang bagi menampung peningkatan enrolment dan mengurangkan kesesakan bilik darjah terutamanya bagi sekolah-sekolah di bandar-bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 5,280 bilik darjah tambahan telah dirancang tetapi hanya 75% atau 3,960 bilik darjah sahaja yang telah dibina. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, mengapakah 25% lagi tidak dapat disiapkan dalam tempoh tersebut? Apakah masalah-masalah yang dihadapi serta langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan baki tersebut dilaksanakan di samping yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh?

Selain daripada itu, menurut dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh, kadar kegagalan pelajar di peringkat SPM di peringkat nasional pada keseluruhannya adalah 33% pada tahun 1995 dan dari jumlah ini kira-kira 58% terdiri dari pelajar luar bandar. Ini bermakna bagi setiap 100 calon SPM yang gagal, 58 datangnya dari sekolah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu jumlah yang sangat tinggi lagi membimbangkan kerana ia boleh menjejaskan hasrat kerajaan dalam menjayakan wawasan negara. Kelulusan di peringkat SPM adalah syarat minimum sebelum seseorang itu boleh melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi terutamanya dalam bidang sains dan teknologi yang sangat-sangat diperlukan oleh negara. Sekiranya kegagalan sudah dialami di peringkat SPM lagi, bagaimanakah pihak kerajaan dapat memastikan hasrat mewujudkan kumpulan tenaga kerja mahir dalam bidang tersebut terutamanya di kalangan pelajar luar bandar tercapai?

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan membuat kajian yang menyeluruh mengapa kadar kegagalan pelajar luar

bandar tersebut terlalu tinggi. Dengan adanya kajian yang dicadangkan itu, pihak kerajaan dapat mengenal pasti sebab-sebab perkara-perkara ini terjadi dan seterusnya mengambil tindakan memperbaiki prestasi pelajar dari luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga ingin mengesyorkan supaya Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah yang lebih terancang untuk membantu pelajar-pelajar terutama di luar bandar dengan apa jua cara demi meningkatkan prestasi pelajaran mereka. Jangan cuma gahkan kejayaan cemerlang segelintir/sebilangan kecil sahaja pelajar terutama pelajar-pelajar berasrama penuh. Pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh sudah semestinya cemerlang kerana mereka adalah yang terpilih iaitu "the cream", dengan izin.

Kementerian Pendidikan perlu beri perhatian yang lebih kepada pelajar sekolah biasa terutama yang tinggal di kawasan luar bandar. Kementerian mestilah mengkaji sebab-sebab kelemahan ini dan mengambil tindakan sewajarnya. Segala kemudahan termasuk peralatan dan guru yang terbaik harus juga diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar sama, jika tidak lebih daripada apa yang dinikmati oleh sekolah-sekolah di dalam bandar.

Bagi mendapat guru-guru yang berkualiti dan komited, beberapa kemudahan dan insentif hendaklah disediakan. Rumah-rumah guru di sekolah luar bandar hendaklah disediakan dengan lebih banyak dan mencukupi. Saya mendapat tahu terdapat guru-guru yang baru pertama kali sahaja dihantar bertugas di luar bandar telah memohon untuk bertukar kerana masalah ketiadaan rumah di tempat ia ditugaskan. Kalau guru-guru disediakan tempat tinggal dalam kawasan sekolah umpamanya, maka mereka dapat memberikan perhatian sepenuhnya

terhadap tugas, kelas-kelas tambahan/ tuisyen boleh dijalankan untuk membantu pelajar yang lemah. Di samping itu, insentif kewangan juga harus diberi kepada guru-guru yang dihantar ke luar bandar bagi menarik minat guru-guru untuk bertugas di sana sama seperti pembayaran elaun kepada kakitangan kerajaan yang dihantar bertugas ke Sabah dan Sarawak. Dengan adanya insentif kewangan tidaklah pertukaran guru-guru ke luar bandar akan dianggap sebagai penalti yang melemahkan semangat mereka untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di sekolah luar bandar, saya juga berpendapat guru-guru yang mendapat anugerah khidmat cemerlang patut juga dihantar supaya mereka dapat berkongsi pengalaman dengan sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dulu Kementerian Pendidikan mengumumkan yang mata pelajaran komputer akan diperkenalkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara. Ini adalah satu rancangan yang baik kerana di peringkat sekolah lagi anak-anak didedahkan kepada dunia teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, cadangan yang baik ini tidak akan dapat dilaksanakan di kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan elektrik 24 jam. Contohnya Felda Gugusan Tenggaroh dalam kawasan saya Mersing P.129 yang mempunyai lapan rancangan tanah, kelas komputer tidak dapat dijalankan pada waktu persekolahan kerana tidak ada bekalan elektrik di waktu siang.

Namun demikian, pagi tadi saya telah diberitahu yang permintaan peruntukan untuk bekalan elektrik 24 jam telah diluluskan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya kepada Kementerian Tanah

dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana telah meluluskan dan berkongsi peruntukan sejumlah kira-kira RM8 juta bagi tujuan bekalan elektrik 24 jam ke Felda Gugusan Tenggara. Dengan adanya bekalan tersebut maka anak-anak kita di luar bandar juga akan dapat menikmati kemudahan pembelajaran komputer sama seperti yang diperolehi oleh rakan mereka di bandar.

Walau bagaimanapun, saya minta kerajaan menyatakan bilakah projek ini dilaksanakan kerana penduduk di kawasan berkenaan telah dijanjikan oleh pihak Tenaga Nasional sebelum ini untuk membekalkan elektrik 24 jam mulai Jun tahun 1996 ini yang tidak berapa hari lagi—Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, tugas menyebar dan meninggikan syiar Islam adalah tugas semua. Tidak harus ada pihak yang mendabik dada bahawa golongannya sahaja yang layak mendukung dan menayakan cita-cita melaksanakan Islam dalam sistem pentadbiran negara. Saya berharap kerajaan akan meneruskan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang telah menampakkan kejayaan semenjak dilancarkan di awal tahun 80-an dahulu. Cara pendekatan Kerajaan Barisan Nasional lebih praktikal, berhemah dan lebih bijaksana dengan mengambil kira komposisi masyarakat majmuknya yang menganuti kepercayaan yang berbeza. Yang pentingnya ialah adanya niat suci untuk melaksanakan dengan ketelitian atau konsep 'itqan' bagi menjana keberkesanan yang lebih menyeluruh pada umat Islam di negara ini dan juga masyarakat terbanyak amnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya!

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila akhiri ucapan Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tahun demi tahun, tahap pelaksanaan sistem pentadbiran Islam dikaji dan dijayakan seperti pinjaman kenderaan dan kediaman secara Islam. Sistem perbankan dan insurans Islam, bayaran zakat boleh dibuat seiring dengan cukai pendapatan dan banyak lagi yang sedang dan akan dilaksanakan.

Saya berharap pihak kerajaan dapat memperbanyakkan program bercorak menghidupkan aktiviti masjid dan mengadakan khutub khatib, bilik mesyuarat dan kemudahan yang lain untuk masyarakat berinteraksi.

Sementara itu, usaha membanteras ajaran sesat dan menyeleweng termasuk gerakan anti hadis harus dilipatgandakan bagi menyelamatkan 'survival' ummah yang seharusnya dijuruskan kepada matlamat pembangunan rohani dan jasmani, bagi meraih kemangsaan (kemajuan) negara yang lebih bermartabat. Dalam konteks ini, para belia harus digerakkan untuk menayakan program rakan muda, kalau boleh dengan melebihi aktiviti-aktiviti bercorak pembinaan minda dan sikap, meningkatkan taqwa dan wibawa dan program kemahiran agar seiring dengan program sukan, rekreasi, masyarakat dan lain-lain.

Program seperti rakan masjid dan rakan tadarus harus diperbanyakkan bukan sekadar dalam bulan Ramadan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih! Dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh, yang sudah berucap itu janganlah pulang, kalau tidak Ahli yang berucap yang kebelakang sekali akan berucap seorang sahaja. (*Ketawa*) Haraplah jangan pulang ya bagi yang sudah berucap. Ya, Yang Berhormat, satu lagi saya hendak minta, oleh sebab Yang Berhormat menyediakan ucapan selama 20 minit, jika sekiranya Yang Berhormat bangun berucap dengan menyebutkan point-pointnya sahaja dalam sepuluh minit boleh meliputi kesemua ucapan Yang Berhormat dalam 20 minit itu. Silakan Kangar.

8.32 m/m.

Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas izin Yang Berhormat Tan Sri untuk mengizinkan saya bersama-sama menyampaikan ucapan dan sekaligus menyokong terus usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sesungguhnya Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan persediaan awal untuk menyambung penghujung abad ke-20 dengan awal abad ke-21, ini merupakan satu jambatan untuk kita melangkah masuk ke abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpuas hati sekiranya saya tidak menyebut di sini, bahawa semasa ucapan wakil daripada Bagan tadi ada menyebut bahawa kerajaan kita begitu sombong terhadap Taiwan. Ini adalah satu kenyataan yang boleh menyinggung rakyat Malaysia. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat dari Bagan tadi, tetapi sayangnya beliau tidak ada di sini, menyebut bahawa satu pembelaan kepada rakyat Malaysia yang berjumlah lebih daripada 2,000 yang teraniaya disebabkan kira-kira 31 buah syarikat daripada Taiwan yang menutup operasi dinegara ini sejak tahun 1995 hingga sekarang.

Jadi, apa yang disebutkan tadi ialah pembelaan kepada Taiwan bukan pembelaan kepada rakyat Malaysia di mana pekerja-pekerjanya yang berkenaan itu tidak dibayar gaji dan tidak dibayar ganti rugi setelah syarikat berkenaan tidak beroperasi serta merta.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini menyeru kepada pihak kerajaan kita terutama sekali kepada Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah yang boleh membela kebajikan pekerja-pekerja kita yang terlibat dengan syarikat daripada Taiwan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyampaikan ucapan pada 6hb Mei dan hari ini 16hb. Mei, sudah sepuluh hari, dalam masa sepuluh hari ini, saya sempat meninjau pendapat daripada penduduk-penduduk kawasan Kangar dalam negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, Perlis ini cukup popular. Kalau kawan-kawan dari Sarawak berucap, mesti sebut Perlis, sebab dia sebut bahawa Sarawak sama besar dengan Semenanjung tak termasuk Perlis. Perlis disebut. Tadi, wakil daripada Lipis juga menyebut bahawa kawasannya enam kali lebih besar daripada Perlis. Perlis juga disebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dalam kawasan saya, terdiri daripada pelbagai kaum, Melayu, Cina, India dan Thai dan baru-baru ini saya bertanya pendapat daripada golongan Thai, golongan Thai berpuas hati sekali tambah-tambah lagi inilah pertama kali wakil daripada golongan Thai diberi peluang untuk menyampaikan pandangan dan pendapat keturunan ini di Dewan Negara di mana Yang Berhormat Encik Charern Intachat merupakan Senator pertama daripada keturunan Thai yang berasal daripada Kedah.

Jadi, bila sebut Thai ini dan saya sebut Kedah, sebenarnya golongan Thai ini, bukan sahaja dalam negeri Kedah di Kubang Pasu, Hosbar, dalam kawasan saya, dalam kawasan Parlimen Kangar pun ada, dalam kawasan Padang Besar pun ada, dalam kawasan Arau pun ada. Jadi, saya mengucapkan terima kasih di atas perlantikan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kelantan pun ada Thai!

Tuan Md. Isa bin Sabu: Oh, Kelantan. Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, ada wakil daripada Kelantan satu daripada masyarakat Thai. Nampaknya Barisan Nasional yang bersetuju supaya orang Thai dilantik dalam Dewan Negara. Inilah prihatinnya Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meninjau pendapat daripada rakan saya keturunan India. Dia yakin bahawa pendekatan yang dibawa oleh kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri dengan barisan kepimpinan kerajaannya, bahawa negara kita akan berjaya, katanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berjiwa besar, berfikir besar, bererti negara kita akan jadi negara besar, negara maju. Saya kata: "Macam mana saudara kata begitu?" Dia kata begini, dia sebut dalam bahasa Inggeris, jadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya sebut dalam bahasa Inggeris, dia kata: "If you are a scientist, think of becoming an Einstein not merely a reader in your university, if you are a medical man, think of some discovery which will bring healing to human race, if you are an engineer aim of at some new inventor, the mere at of aiming in something makes you big." Saya kata: "Kata-kata ini memang merangsangkan saya, betul atau tidak kata-kata kamu?" Dia kata: "Bukan!" "Kata-kata siapa?" Dia jawab kata: "Kata-

kata daripada Jawaharlal Nehru". "Patut pun!" Saya kata, bijak sekali.

Jadi, begitulah yakinnya masyarakat India dalam kawasan Parlimen Kangar dan di kalangan orang-orang Cina juga yang merupakan pengundi saya, penyokong kerajaan berpendapat bahawa tujuan Kerajaan Barisan Nasional cukup murni kerana Rancangan Malaysia Ketujuh bertujuan untuk merapatkan pertumbuhan ekonomi tak kira kaum dan tak kira kawasan, sama ada bandar ataupun luar bandar.

Jadi, seorang veteran bangsa Tionghua berkata, bahawa sebenarnya, apa yang dibuat oleh Barisan Nasional ini merupakan satu kerja yang murni, dia kata: "Yang korek telaga hanya satu". Apa maksud hanya satu? Yang gali telaga, maksudnya Barisan Nasional sahaja tetapi yang meminimum airnya banyak. Saya kata macam mana banyak? Banyak, kerana banyak penyokong Barisan Nasional dan dibanyakkan lagi oleh orang-orang yang sekalipun tidak menyokong Barisan Nasional tetapi turut mendapat nikmat.

Jadi, kebimbangan yang dibangkitkan oleh wakil dari Cheras, Tumpat, Bagan dan sebagainya patut diketepikan kerana kerajaan kita mempunyai pendekatan yang prihatin dan adil. Sebab itulah, pertumbuhan ekonomi Malaysia kita sejak lapan tahun kebelakangan ini pada kadar 8% setahun dinikmati oleh semua golongan, tak kira apa fahaman politik sekali pun.

Inilah yang dikatakan kerajaan kita adil, bertambah-tambah lagi apabila ditanya pendapat daripada golongan Melayu berpendapat bahawa inilah hikmahnya apabila kita mengamalkan demokrasi. Saya tanya: "Apa maksud demokrasi yang dapat mendatangkan hikmah begini?" Jawabnya, demokrasi yang dipimpin oleh UMNO, yang dipimpin oleh Barisan Nasional merupakan

demokrasi yang mendidik kita supaya wujudnya self-discipline, dengan izin, dalam masyarakat kita. Kalau masyarakat kita berdisiplin dengan sukarela, bererti akan meningkatlah kemampuan dan mutu demokrasi itu sendiri dalam menjaga kepentingan rakyat seluruhnya. Ini pendapat daripada golongan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini juga, saya dapat pandangan daripada akhbar Cina daripada *Utusan Malaysia* ditulis oleh seorang penulis daripada intelek Cina iaitu Encik Shea Weng Kyang. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, tentang demokrasi dan kemantapan politik untuk memajukan negara. Dia kata 'ulang tahun ke 50 parti UMNO yang telah diraikan secara besar-besaran baru-baru ini menandakan keutuhan dan kewibawaan parti politik berkenaan semakin mantap. Pengembangan positif dan parti itu secara langsung membawa pertumbuhan pesat ekonomi negara. Jadi, kekukuhan UMNO sebenarnya membawa kepada kekukuhan ekonomi negara. Ini kerana kedua-dua perkembangan tersebut saling mempengaruhi. Parti itu bukan setakat belia mempertingkatkan taraf kedudukan masyarakat Melayu, malah pencapaian yang paling penting dan bermakna ialah UMNO dapat mentadbir sebuah negara berbilang kaum dan bangsa secara aman dan makmur.

Inilah satu perkara pokok, Tuan Yang di-Pertua, aman dan makmurlah yang menyebabkan kita hari ini sejahtera dalam negara Malaysia yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum, budaya dan kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas izin yang diberikan kepada saya. Dengan ini saya sekaligus menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bintang.

8.41 mlm.

Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang): Terima kasih, di atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

Kita sedar bahawa negara kita sedang berkembang dengan pesat mengikut sasaran wawasan. Kita akan mencapai tahap perindustrian sebelum tahun 2020 jikalau pertumbuhan ekonomi stabil dan dikekalkan 8% setiap tahun. Jadi, kadar penduduk negara kita pada masa kini adalah 18 juta orang dan angka ini akan dipertingkatkan sebelum tahun 2020 ke kadar 35 juta orang.

Dengan keadaan demikian, pengeluaran bahan-bahan makanan sebagai hasil pertanian perlulah dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan pertambahan kadar penduduk. Namun Amerika Syarikat adalah merupakan sebuah negara yang paling maju sekali di dunia, tetapi kini ia juga mengeksport hasil pertanian seperti jagung, gandum, beras dan lain-lain bahan makanan. Oleh yang demikian, pertanian masih penting di negara kita. Malahan kerajaan kita juga telah memberi perhatian dan penumpuan kepada pembangunan pertanian dan sebanyak RM7.57 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Saya rasa jumlah peruntukan adalah tidak mencukupi kerana baru-baru ini satu isu kontroversi atas pembekalan ayam pun berlaku.

Ini jelas menunjukkan bahawa pembekalan ayam dan lain-lain bahan-bahan makanan juga penting di negara kita. Syarikat-syarikat yang terlibat di dalam pengeluaran ayam di negara kita telah berjaya mengeluarkan ayam dengan menggunakan teknologi yang paling canggih. Pengeluaran ayam yang berlebihan juga mengakibatkan harga ayam melambung dan didapati kerugian sebanyak RM200 juta dalam tempoh 6

bulan dan dialami oleh pengusaha-pengusaha bidang itu. Memandangkan jenis-jenis makanan ternakan pun banyak diimport dengan bayaran wang asing, maka saya ingin mencadangkan supaya adakan penyelarasan dan kerjasama di antara pihak swasta dengan pihak kerajaan agar dapat mengelakkan kerugian yang begitu besar. Di dalam konsep ekonomi terbuka, setiap jenis perniagaan mempunyai risiko dan para penternak pun sanggup menghadapi risiko itu kerana harga ayam melambung, ini adalah satu trend yang biasa. Oleh sebab ini, saya ingin mencadangkan bahawa harga ayam tidak boleh ditetapkan setiap bulan. Ini kerana 'maturity period' untuk ayam daging hanya 40 hari sahaja.

Jika harga ayam dikaji semula setiap 30 hari, dan harganya kena diturunkan, para penternak hanya boleh mengusahakan selepas 30 hari. Ini akan menjejaskan para pengguna dan ini akan menguntungkan para penjual. Saya ingin mencadangkan supaya harga ayam haruslah dikaji semula setiap minggu untuk mengelakkan kadar harga ayam dan keadilan kepada semua pihak.

Berbalik kepada isu nasional. Perkara mengenai tol di Kuala Lumpur kerana saya datang dari Kuala Lumpur. Saya tidak bersetuju bahawa kutipan tol di Jalan Kuching dilanjutkan selama 6 bulan kerana jikalau konsesi ini diberikan kepada syarikat yang sama, jadi syarikat terlibat itu haruslah menjustifikasikan kutipannya dengan projek yang diumumkan dengan lebih awal dan kutipan hanya boleh dikutip selepas siap projek itu.

Tentang pembangunan pendidikan, saya merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan bahawa permohonan Kolej New Era haruslah diluluskan jika institusi pengajian itu tidak melanggar peraturan Akta Pendidikan. Ada peribahasa Cina seperti berikut, "Tak kira kucing hitam atau kucing putih, selagi ia boleh

menangkap tikus, ia adalah dianggap sebagai kucing yang bagus dan cekap". Ini bermakna bahawa biarlah Kolej New Era atau Kolej ITM atau Kolej Rahman, selagi ia boleh mengeluarkan graduan-graduan yang berpotensi dan berkualiti, maka kolej itu adalah institusi pengajian yang terbaik sekali di mata orang ramai.

Dalam proses pembangunan sebagai negara maju berasaskan teknologi perindustrian dan maklumat, maka ramai tenaga belia yang berkualiti menceburkan diri dalam semua program dasar pembangunan nasional. Dengan itu kita seharusnya bersikap positif dan berpandangan jauh serta berwawasan. Berkaitan dengan pembangunan sekolah-sekolah kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, saya menyokong cadangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum di Wilayah Persekutuan ada 10 kawasan Parlimen tanpa kawasan Labuan, jadi setiap kawasan di Wilayah Persekutuan mempunyai pengundi seramai 60,000 orang. Maka, di negeri lain, setiap kawasan Parlimen ada dua atau tiga ADUN atau beberapa orang kaunselor untuk membantu Ahli Parlimen menjalankan tugasnya. Maka, di Wilayah Persekutuan, hanya ada seorang wakil rakyat sahaja tanpa ADUN atau ahli-ahli majlis bandaran atau kaunselor. Pentadbiran di Wilayah Persekutuan hanya ditadbir oleh Datuk Bandar sebagai Ketua Pentadbir yang berwibawa. Skop tugas setiap Ahli Parlimen adalah lebih berat jika dibandingkan dengan Ahli Parlimen di negeri lain.

Maka, saya ingin mencadangkan agar lebih kaunselor majlis bandaran dilantikkan dan lembaga itu boleh diketuai oleh ahli politik yang berpengalaman dan berjiwa rakyat. Sistem ini telah dilaksanakan dan diamalkan oleh kerajaan tempatan di Pulau Pinang baru-baru ini

dan mengikut apa yang dilaporkan di dalam surat khabar berkenaan hal ini dan rakyat jelata pun mengalu-alukan sistem ini yang dicadangkan oleh Kabinet kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun telah diarah untuk mengkaji pandangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap cadangan ini akan dapat direalisasikan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bandar Kuching.

8.48 mlm.

Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh masa yang amat singkat selaras dengan suatu dasar dalam negara yang pragmatik, Malaysia telah muncul sebagai satu kuasa ekonomi yang penting di rantau Asian dan Asia Pasifik. Ini, dapat digambarkan melalui pertumbuhan ekonomi yang konsisten di antara 8% hingga 10% dalam tempoh lapan tahun terakhir dan juga tidak ada tanda-tanda pertumbuhan ini akan menurun.

Tambahan pula petanda ini dijelaskan dengan peningkatan pendapatan individu dan taraf hidup yang semakin meningkat. Di tempat-tempat lain di negara ini di mana kehidupan tidak banyak dipengaruhi oleh kemajuan dan perubahan pelbagai usaha ditempuh untuk membawa golongan berkenaan dalam arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, isi perbincangan saya menyentuh dua persoalan. Pertama, bolehkah kita mencapai kemajuan ekonomi tanpa keseimbangan sosial.

Kedua, setakat mana Kerajaan Persekutuan bersedia atau mampu melibatkan diri untuk memperbaiki

infrastruktur terutama di kawasan-kawasan paling mundur di negara ini.

Mengenai persoalan yang pertama, sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional, saya berasa gembira kerana kerajaan telah mengenal pasti betapa pentingnya mempertahankan keadilan sosial dan memberi makna sebenar ke arah itu.

Dalam masyarakat tradisi seperti kita adalah amat mudah untuk melupakan nilai-nilai dan adat resam lama yang telah bertahan berkurun lamanya dalam usaha kita ke arah mengejar kemajuan ekonomi. Dalam masyarakat Cina contohnya, kita dipupuk untuk memelihara akan nilai-nilai kekeluargaan yang utuh dan mengembangkan keutuhan dan sosial serta menghargai nilai-nilai murni dalam kehidupan. Tetapi apalah gunanya sekiranya nilai-nilai murni tersebut dimusnahkan semata-mata kerana mengejar tujuan ekonomi. Tetapi pada masa yang sama merupakan nilai kebudayaan yang telah dipertahankan selama ini.

Oleh sebab itu, saya amat berbangga kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah menjadikan agenda sosial sebagai kunci utama dalam dasar pembangunan ekonomi dan perindustrian beliau. Masyarakat sendiri khususnya harus mengambil inisiatif daripada hanya menunggu kerajaan untuk menyediakan berbagai keperluan dalam masyarakat itu sendiri. Perniagaan yang berkembang hasil kestabilan politik dan kemajuan serta perkembangan ekonomi hendaklah turut sama membantu ke arah melaksanakan agenda sosial ini.

Saya tidak ragu-ragu lagi bahawa banyak syarikat yang mencapai kejayaan dan menikmati kemakmuran dalam negara ini akan turut serta berganding bahu menghadapi cabaran untuk membantu kerajaan dalam mempertahankan keadilan

sosial dan mewujudkan sebuah negara untuk setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, keturunan dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang kedua, perkara ini amat khusus dalam kes berhubung dengan negeri Sarawak. Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber asli yang nyata, negeri Sarawak masih ke belakang dari segi infrastruktur untuk memajukan negeri ini. Sudah diketahui umum minyak, gas, pambalakan dan hasil pambalakan telah memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negeri dan negara ini. Dengan penyertaan negeri ini dalam pembekalan elektrik berasaskan hidro dalam bentuk yang besar melalui Bakun dan penglibatan dalam sektor industri elektronik dan berteknologi tinggi, keperluan terhadap pembangunan infrastruktur haruslah juga diberikan keutamaan.

Saya difahamkan sebanyak RM3 bilion diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur bagi negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, khususnya untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya di samping pembaikan pelabuhan-pelabuhan. Pengeluaran dan eksport bukan hanya bergantung kepada pengangkutan darat, laut dan udara yang baik, tetapi juga pembangunan tersusun perkhidmatan berkesan dan cekap yang diberikan oleh sektor pelabuhan. Adalah diharapkan peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dapat ditambah di bawah Kajian Separuh Penggal.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan 'pendidikan' sesungguhnya digunakan secara meluas di Malaysia pada hari ini, dan juga banyak menimbulkan tekanan ke atas masyarakat berpelajaran dan terdidik dalam usaha menghadapi cabaran masa depan, terutamanya ke arah mencapai objektif menuju wawasan 2020. Dari pengalaman dan pemerhatian saya dan juga melalui media massa seperti akhbar,

radio dan televisyen, kita telah sedia maklum bahawa sistem persekolahan yang sedia ada sedang menghadapi tekanan dari segi keperluan jumlah bilik darjah dan kakitangan pengajar. Perkara ini adalah benar bagi kedua-dua sekolah rendah dan menengah, baik sekolah penuh kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan seperti sekolah-sekolah rendah Tiongghua.

Dengan bertambahnya permintaan untuk tempat belajar, program pembinaan sekolah yang sedia ada nampaknya masih lembab khususnya di Sarawak. Masalah ini perlu dikaji oleh semua pihak berkuasa terlibat dalam menangani masalah bersama ini. Saya telah berusaha memohon sekurang-kurangnya RM1 bilion untuk membina sekolah-sekolah baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, dan adalah diharapkan pertimbangan wajar diberikan terhadap permintaan ini. Sudah pastinya pendidikan dan latihan akan memainkan peranan utama yang akan menentukan kejayaan dalam perindustrian negara Malaysia ke arah mencapai objektif ekonomi, baik dalam tempoh jangka masa sederhana mahu pun jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

8.57 mlm.

Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya sudah menunggu lamalah. (*Ketawa*) Ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia kerana membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh yang menunjukkan segala impian dan wawasan masa hadapan negara kita. Rancangan Malaysia Ketujuh menegaskan langkah-langkah untuk memastikan pembangunan ekonomi negara berterusan dan pembangunan sumber manusia untuk menuju ke tahap

pembangunan masyarakat sains, teknologi dan juga teknologi maklumat yang canggih dan moden.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara yang penting sahaja kerana yang lain pun sudah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang pertama, walaupun Lebuhraya Utara-Selatan sudah disempurnakan dengan lebih daripada 1,000 kilometer, tetapi masih ada didapati kelemahan-kelemahan seperti interchange, dengan izin, yang kurang lebar dan merbahaya. Satu daripada interchange adalah dalam kawasan saya, iaitu interchange Juru, di mana jalan keluar masuk itu sangat sempit, hanya membenarkan jalan satu lorong dalam setiap hala sahaja. Jadi, saya ingin minta pihak yang berkenaan untuk melebarkan jalan masuk/keluar untuk setiap interchange itu sekurang-kurangnya dapat memuatkan lalu lintas dua lorong untuk setiap hala. Ini adalah untuk melicinkan lalu lintas semasa pergi kerja atau balik dari kerja.

Yang kedua, kesesakan lalu lintas dalam kebanyakan bandaraya-bandaraya ataupun bandar-bandar adalah diakibatkan oleh beberapa perkara seperti jalan yang sempit, lalu lintas yang banyak, penjaja-penjaja yang banyak dan sebagainya. Saya rasa di sini saya ingin cadangkan satu pendekatan berbagai saluran ataupun, dengan izin, 'multichannel approach' untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dalam kebanyakan bandar. Kita mesti cuba memperbaiki sistem pengangkutan awam atau public transport system. Didapati di dalam kebanyakan bandar, sistem pengangkutan awam itu kurang memuaskan, dan ini memaksakan kebanyakan orang ataupun pengguna kereta-kereta memakai 'single occupancy vehicle', (s.o.v.) dengan izin.

Kalau kita dapati, sistem pengangkutan awam itu adalah baik dan memuaskan

dan routes yang diikuti olehnya adalah sesuai untuk kebanyakan pengguna, kita akan dapati bahawa bilangan kereta pengguna-pengguna yang masuk ke dalam bandar akan dikurangkan. Jadi, ini adalah pendekatan yang pertama.

Yang kedua, saya rasa walaupun penjaja-penjaja yang berniaga di tepi jalan itu memberikan pelanggan-pelanggan mereka hidangan yang baik di tepi jalan, mereka sudah menjadi satu halangan kepada lalu-lintas. Saya rasa di sini kerajaan ataupun Kerajaan Tempatan mempunyai tanggungjawab untuk mencari tempat ataupun tapak pusat-pusat penjaja-penjaja supaya boleh menolong kita menyelesaikan masalah kesesakan lalu-lintas dan di samping itu juga dapat memberikan satu tapak pusat penjaja-penjaja yang bersih, moden dan selesa untuk kebaikan orang ramai, terutama sekali, baru-baru ini ada wabak taun yang berlaku di Pulau Pinang dan barangkali dengan adanya pusat penjaja-penjaja yang bersih, cantik dan selesa, wabak taun ataupun yang lain itu dapat dielakkan dengan penjagaan kebersihan dan sebagainya.

Yang ketiga, dalam penyelesaian kita untuk menyelesaikan masalah lalu-lintas ini adalah mendapatkan depot-depot untuk lori dan kenderaan berat di setiap bandar supaya lori-lori ataupun kenderaan berat itu tidak diletakkan sahaja di tepi jalan dan menjadikan halangan yang besar sekali.

Pada masa sekarang, pemilik-pemilik lori itu tidak ada pilihan selain daripada meletakkan lori mereka di tepi jalan pada waktu malam. Tetapi dengan adanya satu tapak untuk menyimpan lori-lori dan kenderaan berat pada waktu malam ataupun pada waktu siang juga, kita akan dapat mengelakkan masalah itu. Jadi, di kawasan Parlimen saya iaitu Bukit Mertajam, saya ingin mencadangkan untuk mendapatkan satu tapak yang luas

di kawasan Bukit Tengah untuk menjadikan sebuah depoh lori dan kenderaan berat untuk kawasan Bukit Mertajam. Jadi, untuk kawasan-kawasan lain, saya yakin tapak seperti itu dapat dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa pada masa perancangan untuk pembinaan bangunan-bangunan yang baru, eloklah perancang-perancang itu memberi elaun untuk jalan yang cukup lebar dan jangan hanya membuat jalan yang lebarnya lebih kurang 20 kaki sahaja. Kalau kita ada perancangan yang berpandangan jauh ke masa hadapan, kita mesti membina jalan yang sekurang-kurangnya 40 kaki atau 60 kaki lebarnya supaya walaupun pada masa sekarang bilangan kenderaan tidak banyak, dalam 5 tahun ataupun 10 tahun yang akan datang, bilangan kenderaan akan berlipat ganda dan kita mesti dapat mengelakkan masalah kesesakan lalu-lintas pada masa hadapan dengan cara perancangan yang betul dan berpandangan ke masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh adalah berkaitan dengan stesen transit sisa toksik yang dicadangkan untuk dibina di kawasan Bukit Minyak dalam kawasan Parlimen saya, iaitu Bukit Mertajam. Saya ingin menyarankan bantahan saya terhadap cadangan itu oleh kerana Bukit Minyak itu sudah dikenal pasti sebagai satu pusat pembangunan industri dan juga satu kawasan di mana projek-projek perumahan sedang dibangunkan seperti cendawan.

Kawasan Bukit Minyak ini akan menjadi satu kawasan yang ketumpatan populasinya akan menjadi tinggi dan ini adalah satu kawasan di mana pusat-pusat industri dan komersil akan dibangunkan. Ini adalah satu kawasan yang tidak lagi sesuai untuk dijadikan satu stesen transit sisa toksik industri.

Walaupun pelan ataupun rancangan ini belum dilaksanakan, saya rasa saya

ada tanggungjawab yang penting untuk menyuarakan bantahan orang ramai di kawasan saya terhadap cadangan ini. Kita berasa bahawa kalau ini adalah dijadikan stesen transit, tentunya sisa-sisa toksik ini akan dipindahkan daripada lori yang masuk dan keluar ke dalam tong-tong dan juga bekas-bekas yang tertentu sebelum dipindahkan ke tempat lain.

Kita difahamkan bahawa sisa-sisa toksik akan dikelaskan ataupun dibezakan di antara jenis-jenisnya di sini dan akan diasingkan ke dalam bekas-bekas yang lain. Dalam proses itu, kalau kita tidak mempunyai pengendalian yang rapi, saya rasa sisa toksik ini akan menjadi satu punca yang berbahaya kepada kesihatan orang ramai di kawasan Bukit Minyak itu.

Jadi dengan sebab-sebab itu, saya ingin menyarankan bantahan yang tegas sekali terhadap projek stesen transit sisa toksik di Bukit Minyak dan saya harap pihak Kerajaan Pusat dan pihak Kerajaan Pulau Pinang dapat merancangkan satu lagi stesen transit sisa toksik yang sesuai dan tentunya bukan di dalam kawasan Bukit Minyak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sentuh satu bahagian yang lain iaitu berkaitan dengan keselamatan penduduk-penduduk di dalam masyarakat kita sekarang ini. Memandangkan bilangan anggota polis dan bilangan kereta peronda polis adalah sangat kurang di dalam bilangan bila dibandingkan dengan bilangan projek-projek perumahan di dalam setiap kawasan Parlimen.

Contohnya, di Bukit Mertajam didapati semuanya ada 74 buah projek perumahan. Ada 74 taman perumahan, kecil atau besar, semuanya dikira sekali dan semuanya ada lebih daripada 200,000 orang penduduk dalam kawasan itu. Bilangan polis ataupun bilangan kereta peronda polis hanya 6 buah.

Mengikut Ketua Polis Daerah, antara 6 buah kereta ronda itu, biasanya ada 4 buah sahaja yang dapat dipakai pada satu masa yang tertentu. Jadi, kalau kita hanya ada 4 buah kereta peronda polis, macam manakah pihak polis dapat memberikan rondaan yang cukup dan rapi terhadap aktiviti-aktiviti jenayah dan sebagainya yang selalu berlaku pada waktu malam dan juga yang berlaku pada waktu siang?

Saya yakin pihak polis dengan bilangan anggota polis yang tidak mencukupi serta kenderaan-kenderaan yang tidak mencukupi tidak mempunyai kemampuan untuk menjaga keselamatan orang ramai di kawasan saya. Saya minta pada amnya, Kementerian Dalam Negeri mesti menambahkan bilangan anggota polis serta kenderaan-kenderaan polis yang sesuai untuk memberikan pihak polis satu kemampuan yang mencukupi untuk mencegah keselamatan masyarakat kita pada masa ini.

Berkaitan dengan keselamatan ini juga, saya ingin mencadangkan supaya kem tahanan pendatang asing tanpa izin di kem Juru, Bukit Mertajam ini dipindahkan ke satu tempat yang lebih selamat. Pada masa sekarang, orang ramai di kem Juru atau perkampungan Juru ini sedang menjalankan satu projek indah dan bersih, tetapi di dalam kawasan ini juga didapati satu kem yang sangat kotor dengan lebih daripada 700 orang asing yang ditahan kerana mereka merupakan pendatang asing tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Chong Keng: Ya, dengan ini saya berharap kerajaan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membetulkan situasi ini dan saya harap dengan kata-kata itu saya memohon menyokong usul.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hulu Langat.

9.10 mlm.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lama menunggu tetapi kalau tinggal satu lawan satu pun saya tunggu juga. (*Ketawa*)

Dalam bidang pendidikan, teras Rancangan Malaysia Ketujuh telah menggariskan matlamat utamanya iaitu mengeluarkan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan bermutu bagi memenuhi keperluan tenaga manusia serta melahirkan warganegara yang berdisiplin, memiliki nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik. Peranan guru amat besar dan kita sanjung tetapi persoalan yang hendak saya bawa di sini ialah bertanyakan adakah sistem persekolahan atau pendidikan yang ada sekarang ini yang telah kita amalkan sejak dahulu masih sesuai dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut atau kita perlu memberi nafas baru kepada sistem pendidikan kita.

Sistem yang ada kini ternyata tidak dapat menyediakan tenaga kerja yang secukupnya. Lantaran itu kita masih bergantung kepada tenaga kerja dari luar khususnya dalam sektor swasta. Sistem yang ada kalau kita setuju untuk mengakui adalah sistem yang menghasilkan para pelajar yang gagal, bukannya pelajar yang lulus. Setiap dua tiga tahun akan diadakan peperiksaan bermula daripada UPSR, PMR, SPM, STPM dan sebagainya. Mereka yang gagal terpaksa berhenti sekolah. Apabila pelajar-pelajar yang berhenti sekolah ini khususnya di peringkat PMR, mereka akan lepak di pusat-pusat membeli-belah dan kita akan marah kepada mereka. Apabila mereka berpeleseran, kerajaan terpaksa pula mengeluarkan perbelanjaan yang banyak termasuk dari Kementerian Belia dan Sukan untuk membendung gejala-gejala yang tidak sihat.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar kerajaan memikirkan cara-cara untuk tidak menggagalkan para pelajar di sekolah. Barangkali kita perlu mengambil iktibar daripada sistem pendidikan atau pembelajaran di pusat-pusat perguruan, pusat latihan kejururawatan, pusat latihan polis dan tentera di mana di dalam institusi-institusi begini hampir-hampir tidak ada mereka yang gagal—seribu masuk, seribu lulus. Kalau ada yang gagal pun adalah kerana masalah-masalah yang lain.

Jika dalam proses penapisan iaitu peperiksaan yang dilalui didapati pelajar berkenaan iaitu pelajar-pelajar di sekolah tidak layak, salurkan mereka ke bidang-bidang yang mereka minati. Umpamanya jika pelajar tidak lulus dalam mata pelajaran teras seperti Sains dan Matematik, mungkin mereka ini sesuai disalurkan ke kelas-kelas kemahiran pertukangan, perindustrian dan sebagainya. Dengan cara ini, barulah dapat kita melahirkan pelajar yang terlatih. Untuk mencapai matlamat ini, lebih banyak sekolah perlu ditambah khususnya sekolah-sekolah yang berbentuk kemahiran. Guru-guru juga perlu ditambah.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita harus memikirkan semula tentang tujuan mengadakan peperiksaan. Saya mencadangkan supaya peperiksaan hendaklah dijadikan sebagai tapisan untuk menyalurkan para pelajar mengikut minat, kemampuan dan kecenderungan masing-masing dan bukannya untuk menggagal atau menyekat mereka untuk meningkat ke tahap yang lebih tinggi. Untuk itu, lebih banyak sekolah vokasional patut diwujudkan. Kalau mereka tidak boleh pergi ke sekolah biasa (conventional), hantarkan mereka ke sekolah vokasional. Meningkatkan taraf sekolah menengah vokasional ke peringkat maktab teknik adalah hasrat yang baik untuk melahirkan lebih banyak tenaga teknokrat. Dalam

pada itu pendidikan vokasional tidak sepatutnya dihapuskan, sebaliknya hendaklah diperbanyak dan menampung pelajar-pelajar yang terkandas khususnya di peringkat PMR yang jumlahnya menjadi ratusan ribu buat masa ini.

Dalam pada itu, saya mengesyorkan supaya gergasi-gergasi industri seperti pengeluaran kereta dan alat-alat komponennya hendaklah memainkan peranan dengan menaja sekolah-sekolah vokasional atau institut kemahiran ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada EON yang telah menaja sekolah menengah vokasional di Kajang dan juga tahniah kepada Pusat Giat Mara di Beranang yang turut mengendalikan kursus-kursus asas dalam pelbagai bidang kemahiran untuk menampung pelajar-pelajar yang tercicir di dalam bidang akademik.

Pusat Giat Mara dan agensi-agensi seperti ini hendaklah ditingkatkan jumlahnya kerana ia telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang gagal dalam akademik di peringkat PMR atau SPM tidak semestinya gagal dalam kehidupan mereka seharian. Sebaliknya Pusat Giat Mara dan sekolah vokasional ini telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar itu juga boleh menjadi cemerlang dan boleh berjaya dalam hidup mereka, khususnya dalam bidang automatif dan bidang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, program pendidikan Rancangan Malaysia Ketujuh juga mahu melahirkan masyarakat berdisiplin, memiliki moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik. Hasrat ini nampaknya baik tetapi saya ingin mengambil kesempatan bertanya kepada Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri, bagaimanakah ia dapat membantu Kementerian Pendidikan melahirkan masyarakat sedemikian kerana saya tidak nampak satu program khas untuk pembangunan agama atau pembangunan

insan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Bidang-bidang lain mempunyai program khas tetapi nampaknya pembangunan insan tidak ada. Menyediakan masyarakat terdidik dengan ilmu pengetahuan sahaja belum boleh dianggap berjaya sekiranya mereka tidak dibekalkan dengan pendidikan kerohanian yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor guna tenaga dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini bahawa kerajaan akan menyusun semula corak guna tenaga dalam pelbagai sektor dan pekerjaan bagi mencerminkan gandingan etnik penduduk negara. Saya mengambil kesempatan ini bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia, bagaimanakah ia akan dilaksanakan? Kita tahu corak guna tenaga negara ini khususnya dalam sektor swasta masih belum seimbang. Kaum bumiputera khususnya masih belum mendapat tempat dalam banyak hal.

Seperkara lagi yang ingin saya ingatkan kepada kerajaan ialah tatkala kita menyusun semula corak guna tenaga ini janganlah sekali-kali kita lupa tentang kehadiran lebih sejuta orang pekerja asing di negara kita ini. Jangan nanti kita sibuk menyusun di peringkat kertas, di peringkat pelaksanaan sejuta orang pendatang asing ini membolot peluang yang ada. Kementerian Dalam Negeri harus menangani masalah ini secara lebih serius. Ingatlah ketika kita dilanda oleh masalah komunis dahulu, kita mempunyai tidak sampai 50,000 orang komunis pun tetapi kita telah mengambil masa lebih daripada 30 tahun untuk menanganinya dan bayangkan berapa puluh atau berapa ratus tahun pula kita perlukan untuk menangani sejuta orang pendatang asing ini.

Kerajaan hendaklah memastikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, apabila kerja-kerja sudah selesai, pendatang-pendatang atau pekerja-pekerja asing ini 'nyah' kembali ke negara asal mereka. Saya ingin mengingatkan tentang projek

KLIA di Sepang yang mempunyai 15,000 orang pekerja, begitu juga beberapa ribu lagi di KLCC. Buat masa ini pun sudah terpaksa FRU atau polis dipanggil untuk menangani beberapa masalah yang timbul di KLIA di Sepang. Jadi, bayangkanlah kalau 15,000 ini tidak kembali, kita terpaksa menjaga mereka dengan lebih teruk lagi pada masa akan datang.

Dalam program penyusunan semula gunatenaga ini ada dinyatakan tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan bilangan dan peratusan profesional dan pengurus bumiputera dalam sektor korporat melalui pendidikan dan latihan. Malangnya, tatkala kita hendak memartabatkan bangsa kita, ada satu halangan yang timbul iaitu seolah-olah ada usaha hendak memartabatkan bahasa Inggeris dan menurunkan bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi. Dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai salah satu mata pelajaran wajib dalam peperiksaan di sekolah, ia seolah-olah menjadi satu halangan untuk anak kita meloncat lebih tinggi lagi.

Menyentuh tentang bahasa juga, saya mengambil kesempatan ini bertanyakan apakah hasil yang boleh dibanggakan dengan penubuhan Institut Terjemahan Negara yang kita dengar sekarang ialah kerugian yang dialaminya. Mengenai terjemahan juga, saya meminta Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil langkah yang lebih positif apabila membuat terjemahan. Apabila ada satu pihak mengesyorkan satu istilah atau nama yang tidak berpaksikan kepada budaya atau kehidupan Melayu, DBP hendaklah menolak keras cadangan itu. Saya amat sedih apabila perkataan-perkataan seperti "endorsement, apartment, substantial" atau kadang-kadang disebut "subsetansial, kansel" dan sebagainya telah diterima sebagai bahasa Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Sebentar. Minta maaf. Apakah gunanya kita mempunyai berbagai-bagai jawatankuasa istilah sekiranya terjemahan-terjemahan itu juga boleh dihasilkan oleh mamak yang menjual cendol di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah mengenai dengan pembinaan jalan enam lorong dari Kuala Lumpur ke Kajang melalui Cheras.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta pendekkan ucapan kerana kita tetapkan tiga orang lagi.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ya. Saya setuju mengenai itu tetapi saya meminta pampasan diberikan dengan sewajarnya. Saya mempunyai seorang pesara kerajaan yang menerima pampasan yang terlalu kecil iaitu dia mempunyai tiga buah rumah dengan tanah suku ekar tetapi pampasan diberikan RM100,000 sahaja. Jangankan sesuai untuk nilai tanah, harga rumah pun tidak cukup. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Petaling Jaya Utara.

9.20 mlm.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan kerajaan yang telah membawa kemajuan yang ketara dalam mencapai objektif sosial dan ekonomi dalam masa Rancangan Malaysia Keenam dan memperkenalkan kepada Dewan satu

Rancangan Malaysia Ketujuh yang komprehensif selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan pendapatan per kapita dengan kadar inflasi yang rendah telah membawa kepada peningkatan dalam kuasa belian rakyat dan kewujudan satu kelas pertengahan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi dengan perkembangan yang pesat ini negara juga mengalami pelbagai masalah seperti kekurangan infrastruktur dan juga tenaga buruh. Adalah jelas bahawa negara sedang mengalami masalah kekurangan tenaga buruh dalam semua sektor.

Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi satu masalah besar berkenaan dengan penyalahgunaan dadah yang sedang meningkat di negara ini. Masalah ini telah mengakibatkan kehilangan produktiviti tenaga kerja dan sumber hasil negara.

Saya difahamkan bahawa kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah lebih kurang RM500 juta pada tahun lepas untuk membiayai program pemulihan dadah dan membanteras penyalahgunaan di kalangan generasi muda dan sebanyak 15,000 penagih dadah telah diuji dan disah sebagai HIV positif dan 40% daripada orang tahanan telah didapati adalah penyalahguna dadah. Sememangnya Perdana Menteri baru-baru ini telah menyatakan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan hukuman mati mandatori untuk pengedar dadah sebagai pencegahan daripada jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian kepada Dewan ini bahawa Perdana Menteri amat memberi perhatian bahawa merokok adalah satu tabiat yang buruk dan kerap membawa kepada penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat mengambil berat mengenai perkara ini dan saya ingin mengulangi saranan Perdana Menteri yang dilaporkan di akhbar *The New Strait Times* pada 9hb. Mei tahun ini, dengan izin, 'smoking which is a form a soft drug opens the door to drug addiction and I hope parents will play their role well by advising their children against indulging in such a habit. Personally I only smoke two cigerrattes throughout my life and that was during Japanese era, however I found tobacco unbearable and have since refrained from smoking.'

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pada upacara penerimaan cek-cek berjumlah RM1.5 juta oleh Perdana Menteri bagi pihak PEMADAM. Adalah ternyata bahawa tiada penyumbang-penyumbang adalah dari syarikat rokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru pihak kerajaan untuk memberhentikan pengiklanan secara tak langsung oleh syarikat-syarikat rokok. Ia telah dilaporkan dalam akhbar bahawa Kementerian Penerangan telah menyatakan bahawa terdapat beberapa syarikat yang mengiklankan barangan dan perkhidmatan mereka yang tidak diberikan oleh mereka. Merokok masih dan mungkin akan terus menjadi satu punca masalah kesihatan awam yang serius di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di Malaysia, penggunaan tembakau telah meningkat sebanyak 57% dari 1,400 batang rokok dalam tahun 1965 ke 2,200 di dalam tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, kajian kesihatan morbidity kebangsaan yang dijalankan di Semenanjung Malaysia dan pada 1986 menjelaskan bahawa sebanyak 41% daripada lelaki dewasa dan 4% wanita adalah perokok iaitu seramai 1.7 juta penduduk. Kadar perokok di kalangan lelaki tempatan ini adalah melebihi kadar

yang sama di negara-negara yang maju seperti United Kingdom—38%, dengan izin, Amerika Syarikat—35% dan Sweden—30%. Kajian itu juga menunjukkan yang kebanyakan perokok mula merokok sebaik sahaja mereka meninggalkan alam persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan tembakau mengakibatkan pelbagai kesengsaraan, sebanyak 90% dari kesemua kes kanser paru-paru, 75 kes kerosakan paru-paru iaitu bronchitis chronic dan emphysema serta 25 penyakit jantung coronary adalah disebabkan oleh tabiat merokok.

Di samping itu, beberapa komplikasi dan penyakit-penyakit serius juga terbukti dikaitkan dengan merokok sama ada secara aktif mahupun pasif. Kajian telah mengenal pasti bahawa racun asap rokok merupakan punca utama pencemaran bagi tempat-tempat di mana pengudaraan adalah terhad dan berdasarkan penemuan ini, isu merokok secara pasif atau passive smoking kian menjadi satu isu hak asasi manusia yang amat diperkatakan di negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, bebanan kewangan bukan sahaja terpaksa dipikul oleh kerajaan, tetapi lebih-lebih lagi oleh pesakit dan orang-orang di bawah tanggungannya. Seseorang individu yang menghisap rokok melebihi 20 batang sehari selama lebih 20 tahun akan membelanjakan wang tidak kurang dari RM20,000 hingga RM30,000 bagi menampung keperluan penagihan masing-masing.

Menurut kajian Kementerian Kesihatan pada tahun 1986, para perokok di Semenanjung Malaysia membakarkan sekurang-kurangnya RM3 juta sehari untuk membeli rokok. Selain dari menanggung kerugian wang kerana bayaran perubatan yang mahal dan menghilangkan sumber rezeki, para

penghidap dan keluarga mereka turut juga menghadapi seksa tekanan emosi yang tidak mampu dinilai dengan wang ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada diberitahu oleh Kementerian Penerangan, pendapatan daripada pengiklanan secara tidak langsung oleh syarikat rokok berjumlah RM150 juta setahun dan ini telah menyumbangkan kepada lebih kurang 40% sumber pendapatan stesen radio dan TV.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu latihan arithmatika yang mudah, yang menunjukkan bahawa adalah lebih waras bagi kerajaan dan meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Penerangan untuk menghentikan pengiklanan secara tak langsung menerusi radio dan televisyen kerana ia adalah lebih mahal kepada negara dalam soal siasatan kehilangan produktiviti dan perbelanjaan yang tinggi dalam program pemulihan dadah.

Ini masih bukan mengambil dalam pertimbangan berkenaan dengan kehilangan dalam defisit dan baki pembayaran oleh kerana syarikat rokok adalah dikawalkan oleh orang yang asing.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang hendak saya bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, aset utama negara untuk rakyat dan kita tidak mampu untuk memastikan bahawa jumlah rakyat dikurangkan selain daripada melalui sebab-sebab semulajadi. Kadar kehilangan nyawa berbanding dengan populasi akibat daripada kemalangan jalan raya adalah menyedihkan berbanding dengan negara-negara yang lain. Perkara ini telah banyak diperkatakan di mana saya tidak akan menyentuh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya berucap di sini, dua orang mungkin akan mati lemas dalam negara ini. Sejak tahun

1990 hingga Mac, 1996 jumlah kematian yang dilaporkan akibat mati lemas adalah sekurang-kurangnya 3,500 orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Okay, saya gulung!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kena berhenti kerana ada dua orang lagi yang perlu kita beri masa. Minta maaf!

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu, saya menyeru kerajaan supaya menimbang kewajipan sekolah-sekolah bahawa murid-murid diajar bagaimana berenang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita ada dua orang lagi, kita beri masa lebih kurang tujuh setengah minit seorang. Mula daripada Muar, selepas itu Mentakab.

9.29 mlm.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh yang mempunyai implikasi yang sangat menyeluruh dan keberkesanan yang komprehensif. Dasar-dasar, rancangan-rancangan dan strategi serta wang yang telah diperuntukkan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini menggambarkan kesungguhan komitmen dan keprihatinan kerajaan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara dan inspirasi rakyat.

Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah satu dokumen yang terbaik sekali yang pernah dikeluarkan oleh kerajaan. Ini boleh dijadikan asas untuk perjuangan kita untuk menghadapi Wawasan 2020. Oleh yang demikian kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet dan semua kakitangan-kakitangan kerajaan khasnya pegawai-pegawai dari Unit Perancang Ekonomi yang telah terlibat untuk menyediakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Prinsip-prinsip yang dianjurkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh ini boleh dijadikan rukun-rukun bagi pembangunan negara bukan sahaja untuk jangka masa Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi sehingga selepas Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bergantung kepada pelaksanaannya. Kita bertuah mempunyai satu sistem pentadbiran awam yang tersusun dan teratur yang kita pusakai sejak berpuluh-puluh tahun dahulu sebelum merdeka. Sistem pentadbiran kita mempunyai satu tradisi, satu budaya, satu komitmen tersendiri iaitu berkhidmat dengan jujur, ikhlas dan dedikasi untuk rakyat dan negara. Sistem pentadbiran kita yang cekap, bersih dan amanah telah membantu kepada kestabilan politik dan mengukuhkan sistem politik kita iaitu menegakkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Kita harap tradisi ini dapat dikekalkan dan diteruskan kerana kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh bergantung kepada pelaksanaannya dan pelaksanaannya bergantung kepada pentadbiran yang cekap dan yang senantiasa mendukung inspirasi dan hasrat parti yang memerintah serta inspirasi dan harapan rakyat jelata.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada sekalian

dan seluruh kakitangan kerajaan yang telah membantu dan menyumbang terhadap kejayaan Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh. Kita faham ada segelintir kakitangan-kakitangan kerajaan yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan dan kita tidak mahu sebab nila setitik rosak susu sebelanga.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dibantu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang senantiasa mengeluarkan idea-idea yang inovatif dan canggih, kita yakin Rancangan Malaysia Ketujuh akan dapat kejayaan yang cemerlang. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang membimbangkan kita. Pertama, soal pendatang haram ataupun pendatang tanpa izin. Perkara ini selalu ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi pihak kerajaan, khasnya Kementerian Dalam Negeri tidak memberi jawapan-jawapan yang memuaskan. Kadang-kadang jawapan yang diberi sangat stereotype dan membosankan.

Kita mesti prihatin masalah pendatang tanpa izin ini sangat serius dan urgent dan mesti diselesaikan. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan di Dewan yang mulia ini, diwujudkan satu jawatankuasa Parlimen, dengan izin, (Parliamentary Committee) yang mengandungi Ahli-ahli Parlimen untuk menyiasat dan untuk memikirkan dan untuk mencari jalan bagaimanakah masalah-masalah pendatang tanpa izin ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang membimbangkan kita ialah tentang defisit akaun semasa. Kita percaya kerajaan akan dapat mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, kita suka mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu Pelan Induk Perindustrian ataupun Industrial Master

Plan untuk menentukan kegiatan-kegiatan industri pembuatan dapat digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sebutkan di sini ialah tentang perusahaan makanan. Dalam tahun 1994 negara kita mengimport makanan berjumlah lebih kurang RM7 bilion. Negara kita mempunyai potensi untuk mengeluarkan makanan yang boleh dieksport dan boleh diproses. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang telah membuat keputusan untuk mengkaji semula Dasar Pertanian Negara dan saya harap Dasar Pertanian Negara ini akan menitikberatkan pengeluaran makanan. Kita telah tubuhkan MARDI untuk membuat kajian-kajian pertanian. Malangnya ataupun sedihnya, hasil-hasil kajian yang dibuat oleh MARDI tidak berkesan. Oleh itu, saya suka mencadangkan supaya MARDI dikorporatkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan satu Majlis Industri Makanan Negara diwujudkan untuk menasihatkan kerajaan tentang pengeluaran, pemasaran, pemerosesan, import dan eksport barang-barang makanan. Majlis Perusahaan Makanan Negara ini juga boleh menasihatkan kerajaan tentang dasar-dasar nutrient yang patut dinikmati oleh warga negara kita.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mentakab.

9.36 mlm.

Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bertuah menjadi ahli yang terakhir diberi peluang untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua, akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat negara kita telah mencapai guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran menurun kepada 2.8% pada tahun 1995. Pada masa yang sama keadaan kekurangan pekerja mahir dan tidak mahir kian menjadi teruk. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan ia akan menjejaskan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi sepertimana yang telah dirancang. Di samping menyambut baik langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kemahiran tenaga buruh, kecekapan pengurusan, memperluaskan peluang pendidikan tinggi dan latihan teknikal untuk era perindustrian berteknologi tinggi, saya ingin menyeru kerajaan memanjangkan umur bersara daripada 55 tahun sekarang kepada 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan taraf hidup yang lebih tinggi, jangka hayat rakyat Malaysia telah meningkat. Untuk lelaki, jangka hayat ialah 66.7 tahun pada tahun 1980 dan telah meningkat kepada 69.3 tahun pada tahun 1995 manakala jangka hayat kaum wanita juga telah meningkat daripada 71.6 tahun kepada 74 tahun pada tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan umur bersara di negara kita dengan negara lain, kita dapati bahawa umur bersara di Jepun ialah 60 tahun dan di Amerika Syarikat dan Australia ialah 65 tahun. Jiran kita Singapura juga telah melanjutkan umur bersara kepada 60 tahun pada tahun 1993 dan sedang mengkaji kemungkinan untuk melanjutkan sekali lagi kepada 62 tahun. Maka, saya berpendapat sudah sampai masanya kerajaan menjalankan satu kajian atas kesesuaian dan implikasi melanjutkan umur bersara kepada 60 tahun secara berperingkat-peringkat sebagai satu langkah menambah bekalan tenaga manusia yang berpengalaman dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui rancangan Malaysia lima tahun yang lepas telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dari 49% pada tahun 1970 hingga 8.9% pada tahun 1995. Ini terbukti kecekapan dan pencapaian Kerajaan Barisan Nasional dalam pengurusan dan pentadbiran negara. Kejayaan negara kita dalam pengurangan kemiskinan dan pengagihan pendapatan telah pun diakui oleh masyarakat sedunia dan rakyat Malaysia harus merasa bangga terhadap pencapaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan perkara mengenai kadar kemiskinan di bandar. Walaupun kadar kemiskinan di bandar telah turun daripada 7.1% pada tahun 1990 kepada 3.7% pada tahun 1995 tetapi angka ini tidak membayangkan keadaan yang sebenarnya kerana kita telah mengguna garis kemiskinan yang sama untuk bandar dan luar bandar di Semenanjung Malaysia iaitu RM425 sebulan.

Memandangkan kos kehidupan di bandar seperti sewa rumah, makanan, perbelanjaan pengangkutan, termasuk bayaran tol dan sebagainya adalah lebih tinggi, maka kadar kemiskinan tersebut yang dilaporkan mungkin tidak tepat. Justeru itu kerajaan perlu mengubal garis kemiskinan yang berlainan untuk kawasan bandar dan luar bandar supaya gambaran yang lebih tepat dan sebenar dapat dirumus.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kerajaan pernah kata akan kaji cadangan tersebut, saya harap di Dewan yang mulia ini dapat diberitahu perkembangan terkini. Pendapatan semua isi rumah tanpa mengira kumpulan etnik dan strata masyarakat telah mencatat pertumbuhan pendapatan yang positif dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata telah meningkat daripada RM1,167 pada tahun 1990 kepada

RM2,007 pada tahun 1995 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 9.5% setahun.

Selain daripada itu, peratusan isi rumah di dalam kumpulan berpendapatan pertengahan, iaitu yang berpendapatan antara RM1,000 dan RM3,000 sebulan telah pun meningkat daripada 37% ke 48% pada tempoh yang sama. Perkembangan ini adalah amat menggalakkan dan ini menunjukkan hasil pembangunan ekonomi negara telah dinikmati oleh semua rakyat. Usaha mewujudkan strata middle class yang besar tanpa mengira kaum harus diteruskan demi perpaduan negara dan keadilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian dalam Dewan ini kepada *angkali Gini* sebagai satu ukuran ketidaksamaan pendapatan yang telah meningkat dari 0.446 pada tahun 1990 kepada 0.464 pada tahun 1995. Ini disebabkan oleh kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah di luar bandar adalah lebih rendah, iaitu 5.3% berbanding dengan kadar 6.82% dicatatkan oleh isi rumah bandar. Punca utama perbezaan tersebut ialah ekonomi bandar yang bergantung kepada sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan telah mencatat pertumbuhan dua angka. Manakala sektor pertanian yang menjadi asas ekonomi luar bandar hanya berkembang dengan kadar 2%. Justeru itu, untuk menangani masalah 'relative poverty', dengan izin, yang semakin meluas, saya mengalu-alukan hasrat kerajaan mengkaji semula dasar pertanian negara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh agar pendapatan isi rumah yang berkecimpung dalam sektor ini akan meningkat sejajar dengan sektor lain.

Di samping menyokong pendekatan-pendekatan baru yang disenaraikan dalam muka surat 261 dan 262 untuk pembangunan sektor pertanian dalam RMK-7, saya juga berharap, yang pertama,

satu Pelan Induk Pembangunan Pertanian dapat digubal untuk daerah yang terpilih dan sesuai supaya segala aktiviti pertanian akan mengikut perancangan dan program tertentu.

Kedua, longgarkan syarat penggunaan tanah supaya sektor swasta boleh memajukan tanah terbiar yang dimiliki oleh pekebun kecil melalui sistem pajakan atau usaha sama. Di sini saya minta penjelasan mengenai konsep 'landlord in trust' yang disebutkan dalam muka surat 268.

Yang ketiga, agensi pertanian kerajaan yang menjalankan kerja P&P seperti FRIM, RRI, MARDI dan sebagainya mengambil tindakan yang proaktif dalam penyebaran maklumat dan hasil kajian kepada petani dan penternak.

Keempat, mendedahkan penghulu mukim kepada maklumat, peluang dan perkembangan semasa mengenai rancangan pembangunan pertanian supaya mereka boleh menjadi penggerak dalam pembangunan ekonomi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menghentikan peruntukan kepada Felda dan 5 buah Lembaga Kemajuan Wilayah, termasuk Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka di kawasan saya akan dibubarkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Keputusan ini ada kesan yang mendalam dan saya minta penjelasan apa yang akan terjadi kepada nasib masa depan peneroka dan juga pengurusan rancangan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sentuh masalah kesesakan sekolah rendah di kawasan bandar dan luar bandar. Saya bersetuju dengan pandangan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat

bahawa kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih konkrit dan merupa tempoh masa panjang untuk menyelesaikan masalah ini. Untuk kes banyak sekolah SRJK(C) di bandar utama dan di kawasan perumahan, saya dapati ada banyak bilik darjah, di mana murid adalah melebihi 50 pelajar dalam satu bilik darjah. Ini adalah lebih jauh tinggi daripada matlamat kerajaan yang ingin mencapai had maksimum 35 orang pelajar dalam satu bilik darjah.

Kerap kali apabila permohonan untuk membina sekolah baru SRJK(C) di taman-taman perumahan atau untuk memindah SRJK(C) dari tempat yang menghadapi masalah akibat pembangunan di persekitarannya, permohonan tersebut biasanya ditolak oleh pihak Jabatan Pendidikan negeri atas sebab tiada tanah di taman-taman perumahan yang dirizab untuk SRJK(C).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa untuk perbincangan cukup.

Tuan Fu Ah Kiow: Jadi, saya cuma hendak bertanya, pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, apakah program-program di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menyelesaikan masalah tersebut dan berapa buah sekolah SRJK(C) akan dibina di bawah konsep wawasan sekolah? Sekian, terima kasih, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Selasa.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.45 mlm.